
**PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
BILIK GERAKAN NEGERI, KOTA DARUL NAIM, KOTA BAHRU, KELANTAN**

SABTU, 7 Januari 2012

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir:

YB. Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
[*Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi*] - *Pengerusi*
YB. Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar] - *Timbalan Pengerusi*
YB. Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn [Alor Gajah]
YB. Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]
YB. Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]
YB. Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]

Tidak Hadir [*Dengan maaf*]:

YB. Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]
YB. Tuan Loke Siew Fook [Rasah]
YB. Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]
YBhg. Datuk Rosmee binti Hamzah - *Setiausaha*

URUS SETIA

Encik Seman bin Pa' Chik [Setiausaha Bahagian Pengurusan Dewan]
Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Mohd Ikram bin Rahimi [Penolong Setiausaha Kanan (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Wan Kamarul Ariffin bin Wan Ibrahim [Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Zulfazly bin Mohammad [Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]

HADIR BERSAMA

Parlimen Malaysia

Encik Noor Rosidi bin Abdul Latif [Penasihat Undang-undang]

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Dato' Haji Noordin Che Ngah [Timbalan Setiausaha (Pilihan Raya)]
Encik Harun Che Su [Timbalan Setiausaha (Penyelidikan)]
Encik Mohamed bin Mahmood [Pengarah Pilihan Raya Negeri]
Puan Rohana binti Wan Ahmad [Timbalan Pengarah Kelantan]
Encik Ibrahim Saad [Setiausaha Bahagian (Penyelidikan)]
Cik Yusniati Ishak [Setiausaha Bahagian]
Tuan Haji Kamaruddin bin Haji Keling [Setiausaha Bahagian (Teknologi Maklumat & Komunikasi)]
Encik Hamzah Mohd Noor [Penolong Setiausaha (Akademi Pilihan Raya)]
Encik Mohamed Mokhtar bin Ahmad [Pegawai Latihan (Akademi Pilihan Raya)]
Encik Suhaimi bin Saudi [Setiausaha Bahagian (PSM)]

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

Puan Hartini Mohd Noor [Penolong Setiausaha (Akademi Pilihan Raya)]
Cik Noor Azira Ahmad Zuki [Penolong Setiausaha (PSM)]

samb/-

HADIR BERSAMA (samb/-)**Kementerian Dalam Negeri**

Puan Siti Zauyah binti Osman [Setiausaha Bahagian Pendaftaran Negara dan Pertubuhan]
Puan Rafidah Datu Derin [Timbalan Setiausaha Bahagian]
Encik Marwan Aimullah Othoman [PPT (UKOM)]
Cik Zuriah Dollah [Timbalan Setiausaha Bahagian]
Cik Siti Atiqah Fatih [Penolong Setiausaha (PD)]
Puan Nur Hasnida binti Mohamad [Pegawai Tadbir PP D1]
Encik Fazli Dian bin Azimuddin [Pegawai Tadbir PP 14]
Encik Mohamad bin Mat Jusoh [Ketua Penolong Setiausaha]
Puan Wan Rahimah binti Wan Hamat [Pengarah JPPM Kelantan
(Pendaftaran Negara dan Pertubuhan)]
Puan Nor Hazura Che Husain [Jabatan Imigresen Kelantan]
Cik Effa Nurzainani Jaffar [Penolong Pengarah Imigresen]

Jabatan Pendaftaran Negara

YBhg. Dato' Jariah binti Mohd Said [Ketua Pengarah]
Tuan Haji Wan Mat bin Wan Salleh [Pengarah JPN Kelantan]
Puan Rosnani A. Rashid [Pengarah JPN Pahang]
Puan Nafisah binti Abdullah [Pengarah JPN Terengganu]
Encik Hassan Wahid [Pengarah]
Puan Siti Aminah binti Mohd Ramli [Penolong Pengarah JPN Pahang]
Puan Nurul Ashikin Subli [Timbalan Pengarah JPN Ibu Pejabat]
Puan Nur Izzati binti Ishak [Timbalan Pengarah JPN Putrajaya]
Puan Nik Farhan binti Muhaimin [Timbalan Pengarah JPN Kelantan]
Encik Kamaruzzaman bin Mohammad [Penolong Pengarah JPN Kelantan]
Encik Nik Hassan Fauzi bin Nik Abdullah [Penolong Pengarah Bahagian Kelahiran,
Kematian dan Anak Angkat]
Puan Laila binti Majid [Timbalan Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat]
Puan Nik Nurashikin binti Nik Mansor [Timbalan Pengarah Bahagian Kewarganegaraan]
Encik Nooruladzim bin Aieman [Timbalan Pengarah Bahagian Kad Penganalan]
Encik Ruslan bin Alias [Penolong Pengarah Bahagian Kad Penganalan]
Puan Mazni binti Bidin [Pegawai Khas KPPN]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

Puan Junipah Wandu [Timbalan Pengarah Bahagian Pemeriksaan & Perundangan]
Puan Hamidah binti Mohd Nadzri [Timbalan Pengarah]
Encik Che Aziz Hamzah [Timbalan Pengarah (Operasi)]
Tuan Mazery bin Mohd Zaini [Penguasa]
Encik Ismajuri bin Ishak [Penolong Pesuruhjaya]
Encik Jamaluddin Sarip [Penolong Kanan Penguasa]
Encik Rosdi Hassan [Penguasa Kanan]

Polis Diraja Malaysia

YBhg. SAC Dato' Abdul Malek Harun [Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah
(Forensik Data Bank) Bukit Aman]
YBhg. SAC Dato' A. Rahman Ahmad [Urusetia Cawangan Khas]
SAC Abdul Hamid Mohd Ali [Komander Pasukan Simpanan Persekutuan (PSP) Bukit Aman]
SAC Hasanuddin bin Hassan [Ketua Penolong Pengarah Pengurusan (Perjawatan)]

Kementerian Pertahanan

Lt. Kol. Omar Daud [Penyelaras Parlimen]
Lt. Kol. Hamdan Yaacob [Pengurus ICT]

Kementerian Luar Negeri

Encik Aneurin Ignatius [Penolong Setiausaha]

samb/-

HADIR BERSAMA (samb/-)**Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan**

Tuan Haji Abdul Rauf bin Jamalis [Ketua Penolong Pengarah]

Tuan Haji Zaharin Zainudin [Timbalan Setiausaha Bahagian]

Encik Fathur Rahman Othman [Penolong Pengarah JASA]

Encik Muhd Nor Aswadi bin Md. Nor [Penolong Pengarah Jabatan Penerangan Malaysia
Negeri Kelantan]

Encik Lee Guan Hooi [Jabatan Penerangan Malaysia Negeri Kelantan]

Encik Mohd Anizan bin Mat Daud [Wakil Pejabat Penerangan Daerah Pasir Mas]

MIMOS Berhad

YBhg. Datuk Abd. Wahab Abdullah [Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif]

Encik Kamarulzaman Abd. Mutalip [Pengurus Kanan]

SAKSI-SAKSI (PENDENGARAN AWAM)**Badan Perhubungan PAS Kelantan**

Tuan Haji Nasir bin Daud

Encik Wan Nik [Setiausaha Politik Menteri Besar Kelantan]

Encik Azhari bin Abdul Rahman

Dewan Pemuda PAS Kelantan

Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah

Encik Mohd. Nuri bin Mat Yaacob

Encik Abdul Latiff bin Abdul Rahman

Encik Syed Ahmad Fitri bin Said Omar

Exco Kerajaan Negeri Kelantan

YB. Dato' Abdul Fatah bin Mahmood [ADUN Bukit Panau]

YB. Tuan Hassan bin Mohamood [ADUN Tawang]

YB. Wan Ahmad Lufti bin Wan Sulaiman [ADUN Kemuning]

YB. Dato' Haji Mohd. Nassaruddin bin Haji Daud [ADUN Meranti]

YB. Dr. Mohamed Fadzli bin Hassan [ADUN Temangan]

Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Kelantan

Encik Abdul Halim bin Yusof [Pengerusi]

Encik Abdul Halim bin Wan Ismail [Timbalan Pengerusi]

Encik Ubaidah bin Yaakub

Biro NGO PKR Kelantan

Tuan Haji Abu Samah bin Hassan [Ketua]

Cik Naziratul Aini binti Muhd Sayuty [Setiausaha]

Encik Muhammad Amirul Amri bin Mohd. Jaaffar

Encik Muhammad Khairul Miqdat bin Mohd. Noran

Individu

YB. Tuan Haji Hanifa bin Ahmad [ADUN Pengkalan Pasir]

YB. Dato' Haji Abdul Fatah bin Haron [ADUN Bukit Tuku]

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh

YBhg. Dato' Haji Wan Mustapha bin Wan Abdul Hamid

Encik Ahmad Syauqey bin Abdul Ghani

LAPORAN PROSIDING**PENDENGARAN AWAM JAWATANKUASA PILIHAN KHAS
BERHUBUNG PENAMBAHBAIKAN PROSES PILIHAN RAYA
PARLIMEN KEDUA BELAS, PENGGAL KELIMA****Bilik Gerakan Negeri, Kota Darul Naim, Kota Bharu, Kelantan****SABTU, 7 Januari 2012****Pendengaran Awam dimulakan pada pukul 9.41 pagi**

[Yang Berhormat Datuk Seri Panglima Dr. Maximus Johnity Ongkili
mempengerusikan Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Datuk-Datuk, Tuan-Tuan, dan puan-puan sekalian. Selamat pagi, salam sejahtera, salam 1Malaysia dan selamat datang ke Sesi Pendengaran Awam yang kelima yang kita adakan pada hari ini di Kota Bharu, Kelantan. Khusus kepada semua ahli-ahli Jawatankuasa Khas berhubung dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya, Dewan Rakyat, Parlimen Ke-12 kepada semua wakil-wakil agensi kerajaan, Parlimen dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati sekalian.

Terutama sekali, saya ingin mengalu-alukan kehadiran semua Ahli-ahli Yang Berhormat serta pegawai-pegawai sokongan serta ahli-ahli Jawatankuasa. Nampaknya cara kita duduk hari ini berbeza daripada yang biasa, tiga orang kami di sini, biasanya satu pasukan dengan Ahli-ahli Yang Berhormat, tetapi bak kata pepatah, '*lain padang, lain belalang*'. Jadi sebelum saya teruskan, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Kelantan, khususnya Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri yang telah pun membantu membuat segala persiapan termasuklah penggunaan Bilik Gerakan SUK yang kita gunakan sebagai tempat pendengaran awam bagi peringkat zon Pantai Timur iaitu di Kota Bharu, Kelantan.

Saya ingin maklumkan bahawa Setiausaha Dewan Rakyat, Yang Berbahagia Datuk Roosme binti Hamzah tidak ada bersama kita, jadi saudara Che Seman bin Pa Chik akan membantu kita. Beliau bersama-sama dengan Speaker Dewan Rakyat dalam satu persidangan antarabangsa di Trinidad & Tobago, *The 21st Conference of Speakers and Presiding Officers of the Commonwealth* (CSPOC).

Pada 15 dan 16 Disember 2011, Jawatankuasa telah mengadakan Sesi Pendengaran Awam di Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang dan sebanyak 19 pertubuhan, parti politik, dan individu telah memberikan cadangan serta input-input kepada Jawatankuasa. Sukacita saya ingin mengingatkan kepada semua ahli jawatankuasa kecil serta pegawai-pegawai dari agensi teraju untuk memberi maklum balas kepada perkara-perkara yang telah dibangkitkan dan menyerahkan maklum balas tersebut kepada pihak urus setia.

Jika dapat pada sesi dua hari ini, setiap ahli-ahli jawatankuasa kecil juga setiausaha khususnya mengambil maklum bahawa borang yang digunakan itu seperti mana yang telah pun diedarkan dan ini menyenangkan, memudahkan cara untuk melapor sebelum Pengerusi Jawatankuasa itu nanti mulai berbincang setelah pendengaran awam di Johor pada minggu depan.

■0945

Pada hari ini jawatankuasa akan memulakan pendengaran awam di Kota Bharu di sini dengan beberapa lagi pertubuhan serta individu yang akan tampil memberi keterangan di hadapan Jawatankuasa. Setakat ini pada hari ini, yang telah memohon ada dua pasukan serta seorang individu. Pada hari esok, yang telah menempah masa adalah satu orang atau satu persatuan. Kami cadang kalau boleh beliau datang pada petang ini supaya barangkali pada hari esok kecuali ada *walk-in*, kita boleh gunakan masa untuk persiapan-persiapan laporan jawatankuasa kecil. Sememangnya ada juga yang *walk in* tetapi pasukan yang sudah memohon adalah seperti mana yang saya sudah sentuhkan tadi.

Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian, sebelum kita memanggil pihak yang ingin didengar pada pagi ini, saya ingin menyentuh beberapa perkara. Pertama ialah seperti mana yang kita sudah bincangkan dalam mesyuarat sebelum ini mahupun di Pulau Pinang dan juga baru-baru ini di Parlimen Malaysia, mengenai dengan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh jawatankuasa ini iaitu sepuluh kepala cadangan-cadangan. Kalau masukkan semua sub cadangan di situ itu, sebenarnya kira-kira 16 semuanya. Pihak SPR telah memberikan ulasan dengan panjang lebar. Mana daripada cadangan-cadangan tersebut boleh diterima dan dilaksanakan dalam tempoh terdekat iaitu harapan pada masa pilihan raya yang akan datang yang mana kita tidak tahu bila. Akan tetapi dari segi persiapannya, SPR telah pun memberi maklum balas mengenai perkara itu. Beberapa perkara lain yang SPR terbuka untuk melaksanakan tetapi mengambil masa yang panjang, mereka juga telah memberikan ulasan kepada kita seperti mana mesyuarat sebelum ini.

Satunya yang keluar dalam surat khabar hari ini ataupun ketetapan mahkamah kelmarin adalah satu daripada perkara yang telah pun kita bangkitkan bersama. Nampaknya pihak mahkamah telah memutuskan yang mana – saya bukan *trained lawyer* ya. Ini Timbalan Pengerusi *is a trained lawyer* tetapi *because I did some law study also, I was aware that* ketetapan, ia tepat pada pandangan saya bahawa ada *challenging decision of EC, so there is challenge the* peraturan *so, a very simple judgment by the* hakim bahawa isi ikut peraturan sahaja. Peraturan menyatakan kategori yang boleh mengundi di luar negara ini adalah *government servant* dan *students* *ao* dia orang luar daripada itu.

Juga seperti mana yang telah diputuskan dalam jawatankuasa ini, kita inginkan mereka yang rakyat Malaysia di seberang laut ini diberi peluang untuk melaksanakan hak mereka dalam bidang memilih kerajaan negara mereka. Itu kita tidak lari daripada itu. Akan tetapi ulasan daripada SPR ialah menggunakan masa yang panjang untuk berbincang dari segi tatacara dan apa-apa perundangan yang perlu diubah. Satu yang cepat adalah sekadar untuk memasukkan mereka dalam kategori tambahan kepada pelajar dan pegawai-pegawai kerajaan tetapi melalui undi pos. Pandangan sebahagian jawatankuasa ialah kita ingin kurangkan jumlah golongan yang dibenarkan mengundi secara undi pos. So itu sebenarnya SPR telah *offer* bahawa boleh dijalankan untuk tujuan tersebut tetapi memang prosedur yang seperti biasa yang diberikan kepada kategori-kategori tersebut.

Pihak kita belum memutuskan dalam perkara ini tetapi saya inginkan supaya semua Ahli-ahli jawatankuasa supaya memikirkan perkara ini dan kami juga dalam pasukan dalam bahagian kerajaan di Parlimen ini, kami akan berbincang dan setelah mesyuarat di Johor nanti, kita ingin membuat satu ketetapan supaya mana tahu sempatkah untuk memasukkan golongan tersebut iaitu bererti hanya mereka sudah mendaftar sebagai pengundi tetapi berada di luar negara.

Akan tetapi memang syarat-syarat itu perlu dikemaskini dan pihak SPR barangkali belum mula melihat secara *qualification* nya, sebab memang ada *qualification* nya, ia tidak boleh bebas begitu sahaja. Dalam 21 negara kah dalam kertas kerja yang kita baca itu memang ada syarat-syarat dia. Ini kerana Australia tujuh tahun terus menerus di luar negara, dia tidak layak untuk mengundi dan seterusnya.

Jadi bolehlah pihak SPR mula memikirkan apa yang difikirkan oleh pihak suruhanjaya yang baik untuk Malaysia dan kita sebagai jawatankuasa boleh membincangkan itu. Parti masing-masing bolehlah dalam jawatankuasa ini memikirkan juga dan seperti mana dicadangkan, kami akan jemput satu atau dua pakar untuk memberi taklimat kepada kita termasuklah negara-negara yang begitu dicontohi dalam bidang pengundian di luar negara untuk kita dengar. Ini sekadar untuk melihat pengalaman mereka. Jadi saya sentuh ini pada hari ini kerana dia keluar di muka depan dan kepentingan awam bagi kita.

Saya rasa dengan kata-kata begitu, saya ingin menjemput mereka yang ingin didengar pertama pada hari ini... *[Disampuk]* Okey, daripada tiga pasukan yang ada di sini, yang pertama hadir adalah Badan Perhubungan PAS Kelantan bersama dengan Pergerakan Pemuda PAS diketuai oleh Encik Wan Nik, Setiausaha Politik Menteri Besar Kelantan dan Tuan Haji Nasir bin Daud, dipersilakan ambil tempat duduk. Sila jemput mereka masuk.

[Saksi-saksi mengambil tempat di dalam Bilik Mesyuarat]

Tuan Pengerusi: Baiklah, selamat pagi dan selamat sejahtera, selamat datang kepada pasukan Badan Perhubungan PAS Negeri Kelantan bersama dengan Pergerakan Pemuda PAS. Saya sebagai Pengerusi bagi pihak Jawatankuasa mengalu-alukan kehadiran tuan-tuan semua dalam sesi pendengaran awam Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai Penambahbaikan Proses Pilihan Raya Dewan Rakyat. Kami pihak Jawatankuasa ingin merakamkan penghargaan kepada tuan-tuan yang sudi hadir untuk sesi pada pagi ini.

Untuk makluman mereka yang hadir, ini merupakan siri yang kesembilan bagi sesi pendengaran awam Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya. Hari ini sesi kesembilanlah kalau termasuk dua hari setiap sesi. Sebelum ini kita telah mengadakan pendengaran awam di Kuala Lumpur pada 11 dan 12 November, di Kota Kinabalu pada 25 dan 26 November, di Kuching pada 7 dan 8 Disember dan yang terbaru di Pulau Pinang pada 15 dan 16 Disember. Jadi keseluruhannya sememangnya sudah lima kali pendengaran awam yang telah dikatakan iaitu Kuala Lumpur, Kuching, Kota Kinabalu, Pulau Pinang dan pada hari ini di Kota Bahru, Kelantan.

Sebelum memulakan pendengaran awam, saya ingin menekankan bahawa sesi pendengaran awam ini adalah sesi parlimen bersidang di peringkat jawatankuasa. Jadi segala tatacara, proses, perundangan, peraturan, ia dipandu oleh peraturan-peraturan tetap persidangan Parlimen. Jadi bagi mereka yang sekadar datang sebagai pemerhati, sila patuhi tatatertib kerana yang dibenarkan untuk bercakap adalah hanya mereka yang dijemput bercakap dan berpeluang untuk menjadi Ahli Parlimen dalam 10 hingga 15 minit begitu.

Oleh kerana ini kali pertama berada di Kota Bahru, Kelantan, saya ingin memperkenalkan Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen mengenai Penambahbaikan Proses Pilihan Raya. Di sebelah kanan saya ialah seorang pemimpin veteran dari Kangar, Yang Berhormat Dato' Sri Radzi Sheikh Ahmad.

Kelantan ini bukan asing bagi beliau kerana Perlis dan Kelantan ini tidak jauh, dua-dua di utara Semenanjung. Kedua ialah Yang Berhormat Datuk Alexender Nanta Linggi, Ahli Parlimen Kapit. Ini dari Sarawak, jauh beliau datang. Sebelah kanan saya di situ. Sebelahnya pula ialah Ahli Parlimen kawasan Hulu Selangor, Yang Berhormat Tuan Kamalanathan a/l P. Panchanathan yang baru tiba tadi. Di sebelah kiri saya, ini orang asal negeri Kelantan iaitu Ahli Parlimen Kuala Krai, Yang Berhormat Dr. Mohd Hatta Md. Ramli. Tiga Ahli yang lain kemungkinan akan muncul dalam jam-jam seterusnya selepas kita memulakan mesyuarat kita. Saya peringatkan sekali lagi bahawa setiap percakapan ini dicatatkan secara verbatim dan keluar di dalam hansard sebagai catatan dalam mesyuarat.

Dengan itu saya beri masa 15 minit dahulu penyampaian. Kalau perlu masa panjang nanti saya akan tambah. Dengan itu saya jemput Encik Wan atau Tuan Haji Nasir? Silakan.

[Saksi dari Badan Perhubungan PAS Kelantan mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

9.57 pg.

Tuan Haji Nasir bin Daud [Wakil Badan Perhubungan PAS Kelantan]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan selamat pagi Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan juga Ahli-ahli Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen. Saya daripada PAS Negeri Kelantan bersama dengan sahabat saya iaitu Encik Wan Yusof dan di sebelah kiri saya adalah wakil daripada Jabatan Hal Ehwal Undang-undang dan Hak Asasi Manusia (JUHAM) Pemuda PAS Negeri Kelantan, saudara Abdul Rashid. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi di atas peluang ini.

Sebelum itu, oleh kerana tahun ini merupakan tahun melawat Kelantan, jadi saya ingin mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan seluruh perwakilan yang hadir pada hari ini kecuali seorang sahaja, bukan *he is not welcome, he is local and he need not to be welcome...* *[Ketawa]*

Baik, saya ingin mulakan representasi saya dengan *preamble* yang telah kita kemukakan juga secara bertulis sekadar untuk dijadikan sebagai *opening statement*.

Tuan Pengerusi, pelaksanaan dan perjalanan proses pilihan raya di Malaysia pada masa ini adalah diadakan secara berkala dan telah dilihat tidak memenuhi standard yang murni. Maka, perlulah pilihan raya ini dikendalikan secara tulen, bersih, bebas dan adil. Malah, ada yang berpandangan sampai masanya langkah memurnikan pilihan raya dilakukan melalui usaha penambahbaikan agar ia kelihatan tulen iaitu secara sebenar atau berpersepsi positif, bersih, bebas dan adil.

Natijah proses pilihan raya yang murni sudah tentu akan menyediakan asas yang kukuh ke arah mewujudkan pentadbiran kerajaan yang berwibawa, bertanggungjawab, telus dan berkeadilan untuk semua pihak iaitu semua lapisan rakyat. Sekali gus dilihat dapat mencapai hasrat dan memenuhi kepentingan masing-masing dengan harmoni dan tanpa pengaruh yang tidak wajar pihak penguasa atau pihak yang berkenaan.

■1000

Justeru, ada banyak proses dan aspek teknikal dari perjalanan pilihan raya yang perlu dilakukan penambahbaikan. Tujuannya tidak lain ialah ke arah mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi sistem dan badan pengurusan pilihan raya serta kuasa dalam menentukan amalan dan perjalanan pilihan raya. Dalam *submission* ataupun representasi kami, ada lebih kurang 12 perkara yang ingin dikemukakan. Walau bagaimanapun, dalam tempoh yang singkat ini, saya akan memberi sedikit penekanan kepada beberapa aspek daripada keseluruhan representasi saya.

Pertamanya ialah mengenai kebebasan dan kuasa autonomi (*independent and autonomous*) badan pengurusan pilihan raya ataupun *electoral management body*, dari sebarang bentuk tekanan dan pengaruh tidak wajar. Ini adalah antara syarat yang boleh menjurus ke arah terlaksananya proses pilihan raya yang tulen, bersih, bebas dan adil. Walaupun terdapat beberapa bentuk badan pengurusan pilihan raya ataupun *electoral management body* – sekurang-kurangnya ada tiga bentuk utama *electoral management body* iaitu satunya secara langsung di bawah kawalan kerajaan; satu lagi yang berbentuk *independent* dan satu lagi berbentuk campuran di antara *independent* dan kerajaan.

Untuk itu, PAS mencadangkan supaya Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia sebagai badan pengurusan pilihan raya diletakkan di bawah naungan dan bertanggungjawab terus kepada Parlimen iaitu legislatif. Hal-hal ini adalah selari dengan kuasa SPR yang dilantik oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan kuasa yang telah diberikan oleh Perlembagaan Malaysia. Sebagaimana yang kita tahu, Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong juga adalah sebahagian daripada Parlimen.

Untuk itu, *just to add further*, kita ada satu kes yang agak ekstrem. Kalau dapat saya rekod, ada dua negara di dunia ini yang menjadikan badan pengurusan pilihan raya cabang keempat kepada kerajaan. Ini sebagai satu contoh tetapi apa yang kami kemukakan di sini, ia diletakkan di bawah legislatif. Akan tetapi sebagai satu contoh lain, memang ada sekurang-kurangnya dua negara di dunia ini yang menjadikan badan pengurusan pilihan raya sebagai cabang keempat kerajaan, *the fourth division of the government*. Kalau tidak silap ingatan saya, kedua-dua negara ini adalah di Amerika Latin iaitu Bolivia dan Venezuella dan *they are very powerful*. Seheinggakan kalau di Bolivia, semasa tempoh berkempen, semua polis diletak di bawah kuasa badan pengurus pilihan raya ini. Itu satu contoh yang agak ekstrem dalam pengurusan pilihan raya yang mungkin pada suatu masa nanti kita juga akan menjurus ke arah itu. Akan tetapi setakat ini, saya rasa kita akan melalui satu proses transformasi apabila kita berpindah di bawah naungan legislatif.

Perkara kedua yang ingin kami fokuskan pada hari ini ialah soal pengundian secara pos. Pengundian secara pos bagi kategori pengundi tanpa hadir sudah tidak relevan kerana perubahan suasana dan persekitaran semasa. Lebih-lebih lagi, yang pentingnya ialah terdapat banyak keraguan dan pertikaian mengenai proses pendaftaran dan perjalanan pengundian secara pos terutama sekali di kalangan pasukan keselamatan.

Untuk itu, secara mudah dicadangkan supaya sistem pengundian secara pos dihapuskan dan diganti dengan kaedah yang lebih sesuai dan praktikal. Polis, tentera dan seluruh kakitangan SPR dan sebagainya boleh mengundi secara biasa kerana perkara ini sudah berbeza jauh daripada apa yang berlaku di antara 30 hingga 50 tahun dahulu. Suasana sekarang sudah berubah dan lebih mengizinkan untuk diadakan pengundian secara biasa walaupun kepada kakitangan perkhidmatan keselamatan seperti polis dan tentera.

Tuan Pengerusi: Tuan Haji...

Tuan Haji Nasir bin Daud: Ya.

Tuan Pengerusi: Perkara ini sememangnya pihak Jawatankuasa telah pun menelitikan dan dalam cadangan kami yang sepuluh perkara pertama itu, kita telah meminta menukar pengundi pos oleh pihak tentera di kawasan-kawasan yang di perbandaran itu supaya mengundi awal dengan sistem yang sama dan terbuka sepertimana pengundian pihak awam.

Hanya di perbatasan itu yang bertugas di sempadan, bahawa kami katakan itu amat sukar sekali untuk mengurus pengundian secara terbuka apabila mereka berada di tengah hutan. Jadi, itu kita kekalkan sebagai pengundian melalui pengundian poslah tetapi itu pun tidak banyak lagi. Tuan Haji Nasir ingin komen kepada perkara itu?

Tuan Haji Nasir bin Daud: Secara realitinya saya rasa yang berada di perbatasan, angkanya tidak begitu banyak berbanding dengan apa yang berlaku sekitar 40 tahun dahulu. Jadi, oleh kerana angkanya terlalu sedikit...

Tuan Pengerusi: Di Sabah ini Tuan Haji, banyak. Masih banyak lagi itu kalau di Sabah. Kalau tidak, orang asing boleh masuk...

Tuan Haji Nasir bin Daud: Boleh dikeluarkan ke pekan kalau datang hari mengundi. Ini kerana dari segi ancaman keselamatan, saya rasa pihak-pihak keselamatan dapat *verify* benda ini yang memang kita hampir tiada ancaman keselamatan di perbatasan-perbatasan. Kemudahan untuk *mobilize* pasukan keselamatan ini tidak sesusah dahulu. *We have all the facilities* yang kita ada. Saya yakin perkara ini tidak susah untuk dilaksanakan.

Perkara ketiga yang...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Boleh saya nak minta penjelasan sedikit?

Tuan Haji Nasir bin Daud: Boleh.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tadi disebut oleh Tuan Pengerusi *Select Committee* bahawa mereka ini akan dikategorikan sebagai pengundi awal, dua tiga hari sebelum hari mengundi biasa. Apakah itu boleh diterima ataupun pihak PAS Kelantan mahu dibuat pada hari yang sama dan polis-polis dan tentera-tentera ini diagihkan masanya supaya tidak menghalang mereka bertugas, jadi mengundi pada hari yang sama? Apakah itu boleh di *adopt*?

Tuan Haji Nasir bin Daud: Kalau ianya bertambah baik daripada apa yang kami kemukakan, kami boleh terima. Yang pengundi awal itu saya rasa sudah tidak berbangkit kerana saya difahamkan itu termasuk dalam sepuluh perkara yang telah diperakukan oleh Parlimen. Akan tetapi, kalau masih ada lagi langkah-langkah yang lebih baik daripada itu, sudah tentu PAS Kelantan khususnya tidak teragak-agak, memang jelas akan memberi sokongan kepada usaha ini.

Perkara seterusnya yang ingin saya *highlight* kan Tuan Pengerusi, ialah berkenaan dengan sistem pengundian yang diamalkan di negara kita ini. Walaupun sistem pilihan raya yang berasaskan kepada *first-past-the-post* ataupun *plurality* ataupun majoriti menjadi amalan di kebanyakan negara demokrasi tetapi masih kedapatan sistem lain yang boleh diteliti untuk dilaksanakan bagi memastikan bentuk pengundian dan pembentukan kerajaan menepati majoriti kehendak rakyat. Paling utama, kadar perwakilan yakni wakil rakyat yang dipilih benar-benar mewakili rakyat, amat meyakinkan rakyat daripada sistem yang kita guna pakai ini.

Kalau boleh Tuan Pengerusi, ingin saya kemukakan sedikit angka berkenaan dengan pemakaian sistem pilihan raya di negara-negara yang menjadi amalan. Walaupun dikatakan tadi *first-past-the-post* banyak digunakan di negara-negara ini tetapi sebenarnya daripada kajian yang dibuat daripada tahun 2004 oleh *Institute for Democracy and Electoral Assistance* yang berpusat di Sweden, daripada 199 *legislative body* yang dibuat kajian, hanya 47 badan perundangan sahaja yang mengamalkan sistem *first-past-the-post* iaitu 23.62 peratus sahaja iaitu lebih kurang 24 peratus sahaja yang menggunakan sistem *first-past-the-post* sebagaimana yang diamalkan di negara kita.

Sistem yang mendapat pemakaian yang tertinggi daripada negara-negara yang dibuat kajian ialah *list proportional representation* atau dikenali sebagai *list PR*, di mana terdapat 70 badan legislatif yang menggunakan sistem pengundian *proportional representation* iaitu 35.18 peratus. Yang lain itu seperti *parallel system*, 10.55 peratus dan TRS ataupun *two round system*, ada yang mengamalkan *two round system* iaitu sebanyak 11.06 peratus. Jadi, walaupun *first-past-the-post* ini merupakan sistem yang agak popular tetapi ia bukan yang paling popular. Yang paling popular di banyak negara demokrasi ialah *proportional representation* dan ia punya hibrid, ia punya *derivative* daripada *proportional representation* sama ada ianya *list PR* ataupun *mix Member of Parliament* dan sebagainya.

Apa yang kami nak cadangkan dalam representasi kami ini ialah supaya pihak kerajaan dapat mewujudkan satu badan bagi mengkaji sistem pilihan raya yang diamalkan di kebanyakan negara dan memperakukan untuk pertimbangan satu sistem yang lebih sesuai, terkini dan menepati kadar dan kehendak penyertaan rakyat dalam konteks pembentukan kerajaan dan demokrasi pilihan raya di negara kita ini. Paling utama, sistem pilihan raya sekarang ini yang diamalkan di negara kita sudah lebih daripada setengah abad. *So, it's time for review*. Jadi, kita minta supaya ditubuhkan satu badan bebas untuk mengkaji aspek ini untuk dikemukakan kepada seluruh rakyat.

Perkara terakhir yang ingin saya ketengahkan kepada jawatankuasa pada hari ini ialah soal pendaftaran pemilih. Isu ini agak besar di mana masih ramai iaitu lebih daripada tiga juta kalau tidak silap saya yang masih belum berdaftar walaupun mereka sudah layak. Dalam masa yang sama juga, umur kelayakan mengundi di kalangan rakyat kita ialah 21 tahun. Jadi untuk kedua-dua isu ini, kami PAS Kelantan mencadangkan supaya pertama, diadakan pendaftaran secara automatik dan yang keduanya, menurunkan atau mengubah umur kelayakan mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun.

Untuk itu, saya ingin membuat sedikit ilustrasi kepada kajian yang dibuat oleh *Inter-Parliamentary Union* di awal tahun 90-an dahulu dan laporannya dikeluarkan dalam tahun 1993. Daripada 150 buah negara yang dibuat kajian, didapati enam negara yang menjadikan umur kelayakan mengundi iaitu 16 hingga 17 tahun. Ini termasuk Indonesia. Di Indonesia, ia ada satu kelayakan tambahan iaitu kalau belum kahwin, *you* kena 17 tahun baru layak mengundi tetapi kalau sudah kahwin, ia tidak ada sekatan umur. Lapan tahun pun kalau sudah kahwin layak mengundi.

Tuan Pengerusi: Oh! Hebat itu lapan tahun... [Ketawa]

Tuan Haji Nasir bin Daud: Di Indonesia ya. *It is prevailing* sekarang ini. Perkahwinan sebagai salah satu *indicator* tentang kematangan untuk menjadi seorang pengundi *because he or she is able to choose what is good and what is best*.

Tuan Pengerusi: Asal pandai buat anak, layak jadi pengundilah?

Tuan Haji Nasir bin Daud: Ya, lagi cepat... [Ketawa] Dua negara yang menjadikan umur 19 tahun sebagai tahun kelayakan untuk mengundi. Kita ada sepuluh negara yang umur kelayakannya ialah 20 tahun dan bersama dengan Malaysia 21 tahun hanya 19 negara sahaja.

■1015

So the balance of it, 113 negara kesemuanya umur kelayakan pengundi ialah 18 tahun. Daripada 150 negara yang dibuat kajian, 113 negara mengamalkan had ataupun umur kelayakan mengundi 18 tahun. Sebagai tambahan daripada selepas kajian yang dibuat berlaku perubahan-perubahan di beberapa negara iaitu Switzerland yang dahulunya berumur 20 tahun mulai daripada tahun 1951 telah berpindah kepada 18 tahun.

Jordan daripada 19 tahun kepada 18 tahun bermula daripada tahun 2001. Turki daripada 20 tahun kepada 18 tahun daripada tahun 2001. Pakistan daripada 21 tahun berpindah kepada 18 tahun, tahun 2002 dan yang paling menarik sekalinya ialah Austria dimana Austria mereka memulakan perubahan daripada 21 tahun kepada 20 tahun, tahun 1949. Pada 1949, *they changed the voting age from 21 years to 20 years*. Pada tahun 1970, daripada 20 tahun ditukar kepada 19 tahun dan tahun 1992 *about ten years ago or 20 years ago* bertukar daripada 19 tahun kepada 18 tahun.

So, saya rasa sudah sampai masanya negara kita yang sudah merdeka lebih daripada 50 tahun ini bertukar had kelayakan umur mengundi daripada umur 21 tahun kepada 18 tahun. Saya rasa itulah perkara-perkara yang saya hendak fokuskan dalam representasi ini dan mungkin akan ditambah oleh sahabat-sahabat saya yang lain. Terima kasih kepada Tuan Pengerusi dan seluruh delegasi pada hari ini. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Tuan Pengerusi: Terima kasih Tuan Haji Nasir di atas penyampaian yang begitu mendalam dengan data-data dan *comparison* yang dibuat. Pihak jawatankuasa akan memperakui input-input tersebut dan kami akan membuat rujukan kepada beberapa maklumat yang telah diberi. Sebelum saya jemput sebahagian pemuda, saya ingin memperakui kehadiran Tuan Yang di-Pertua Dewan Undangan Negeri, Yang tadi semasa pendaftaran. Tuan Pengerusi, sebagai pendahuluannya adalah jelas institusi seperti SPR mempunyai kewajipan untuk memastikan bahawa pilihan raya itu bebas dari sebarang penyelewengan peraturan dan penyalahgunaan. Ini adalah penting kerana sebuah pilihan raya yang bebas memastikan pembabitan yang bebas semua warganegara yang layak sebagai pengundi dan peserta. Manakala pilihan raya yang adil pula dapat memastikan mereka turut serta di atas satu aras medan permainan.

Sebuah SPR yang bebas dan penerapan undang-undang pilihan raya yang bebas membantu untuk mencegah rasuah pilihan raya, manipulasi pilihan raya atau penyalahgunaan wang untuk mendapatkan jawatan. Oleh itu, saya sebagai mewakili Dewan Pemuda PAS Negeri Kelantan pada hari ini mencadangkan beberapa cadangan untuk penambahbaikan SPR sebagaimana yang termaktub dalam memorandum yang telah saya serahkan pada Jawatankuasa ini.

Tuan Pengerusi: Saudara yang berucap, Saudara Mohammad Abdul Rashid bin Yah mewakili Encik Abdul Latiff bin Abdul Rahman ya?

Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey, okey.

Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah: Tuan Pengerusi, saya bercadang tidak mahu menyentuh apa yang telah disentuh oleh Tuan Haji Nasir tadi. Oleh sebab saya rasa tidak perlu kerana keinginannya secara *gistnya* adalah keinginan kami sama cuma saya ingin menyentuh beberapa perkara lain yang tidak disentuh secara *direct* dalam *presentation* kita pada hari ini.

Tuan Pengerusi: Silakan.

Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah: Saya sebagai mewakili Dewan Pemuda PAS mencadangkan supaya SPR yang mana dicadangkan diletakkan di bawah Parlimen secara *direct* mengumumkan tarikh pilihan raya itu lebih awal sebagaimana yang telah ditetapkan walaupun Perlembagaan Persekutuan menetapkan bahawa tempoh hayat maksimum *Parliamentary* ialah lima tahun. Akan tetapi ia boleh dibubarkan pada bila-bila masa sebelum tempoh tersebut.

Namun begitu Tuan Pengerusi, kita dengan sebelum ini mengatakan contoh *Parliamentary* kita adalah *Westminster*, sedangkan *Westminster* sekarang ini telah mengadaptasi satu peraturan yang mana tarikh pilihan raya telah ditetapkan pada persidangan Parlimen dengan menetapkan tarikh. Sebagai contohnya, mereka telah menetapkan pada 7 Mei 2015 sebagai satu tarikh pilihan raya yang akan datang sekiranya tidak ada pembubaran lebih awal. Ini akan memberikan satu ruang yang adil bagi semua pihak untuk membuat persediaan sedangkan pada sekarang ini adalah kita seolah-olah mempunyai satu tanda tanya, teka-teki siapa yang dapat teka dapat hadiah, bila tarikh pilihan raya itu?

Jadi, saya mewakili pemuda berpendapat ini satu yang boleh diambil *advantage* bagi pihak kerajaan yang memerintah kerana bagi mereka tarikh pilihan raya akan diumumkan apabila mereka rasa mereka telah bersiap sedia untuk menghadapi pilihan raya. Jadi, dengan pengumuman awal pilihan raya yang kami cadangkan adalah diberitahu, diumumkan setahun lebih awal daripada tarikh yang akan ditetapkan sebagai tarikh pilihan raya memberikan ruang yang cukup untuk semua pihak, calon-calon dan parti yang ingin bertanding untuk membuat persediaan.

Tuan Pengerusi: Saudara Mohammad Abdul Rashid, satu akibat itu ialah orang tidak kerja. Dia politik sahaja sampai tunggu tarikh itu. Bukankah itu berkemungkinan boleh muncul juga?

Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah: Tuan Pengerusi, saya percaya setiap jabatan dia ada polisi dia tersendiri mengenai penglibatan pekerja mereka dalam politik. Ada kod etika masing-masing. Jadi, saya rasa benda ini tidak timbul sebabnya setiap pelanggaran mengenai kod etika dalam pekerjaan boleh diambil tindakan. Oleh sebab saya percaya semua jabatan tidak kira apatah lagi kerajaan mempunyai kod etika masing-masing dalam penglibatan pekerja mereka dalam parti politik.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya dengan ini mencadangkan iaitu SPR sebagai satu badan yang bebas menyediakan ruang kempen yang adil dan saksama. Ruang kempen yang adil dan saksama iaitu apabila Parlimen itu dibubarkan, semua kuasa-kuasa khas diberikan kepada SPR untuk mengawal selia. Contohnya mengenai media massa. SPR pun berkuasa untuk menentukan ruangan masa yang diberikan secara adil dan saksama kepada semua parti dan calon yang bertanding untuk muncul di kaca-kaca TV berdasarkan jadual-jadual yang ditetapkan.

SPR juga berkuasa untuk mengawal semua media cetak untuk parti-parti atau calon yang bertanding untuk tampil dalam helaian-helaian yang ada dalam media massa bercetak. Saya rasa contoh yang kita boleh ambil juga adalah SPR menyediakan pentas-pentas kempen yang mana pentas kempen itu semua parti boleh bercakap di situ mengikut jadual yang telah ditetapkan sebagaimana telah diamalkan oleh negara-negara di Eropah sana. Setiap parti boleh berkempen pada pentas yang sama tetapi mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Ini saya percaya tidak akan menimbulkan masalah mengenai perhimpunan haram, permit polis sebab semua itu dikawal selia oleh SPR. Jadi, cadangan saya adalah SPR diberi kuasa untuk mengawal selia semua kempen-kempen, calon-calon dan parti politik semasa Parlimen dibubarkan.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh mengenai *caretaker government*. Apabila Parlimen dibubarkan, istilah yang kita panggil adalah *caretaker government* yang dikatakan sebagai kerajaan sementara sehingga pilihan raya diisytiharkan. Pihak-pihak yang menang dan ditubuhkan satu kerajaan.

Walau bagaimanapun Tuan Pengerusi, dan Ahli-ahli semua, saya lebih yakin dan percaya bahawa *caretaker government* ini akan lebih bebas sekiranya *caretaker government* ini dilantik sendiri oleh Parlimen sebelum Parlimen itu dibubarkan untuk mengawal selia dan menguruskan pentadbiran yang telah ditetapkan polisi-polisi sebelum ini untuk diteruskan, tanpa membuat sebarang polisi-polisi atau cadangan-cadangan baru semasa *caretaker government* ini berkuasa.

Oleh sebab sekarang ini *caretaker government* yang ada adalah *caretaker government* yang dilantik sendiri oleh parti pemerintah. Ini akan boleh dimanipulasikan oleh banyak pihak tidak kira siapa yang memerintah kerana orang yang sama yang berada dalam kerajaan juga berada dalam *caretaker government*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad [Kangar]: Cuba saudara bagi contoh negara-negara yang ada di dalam maklumat.

Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah: Contohnya adalah India yang mana *caretaker government* ini dilantik dan dikatakan hakim yang mempengerusikan sebagai Perdana Menteri sementara, sebagai Ketua Negara semasa *caretaker government* itu berkuasa. Jadi...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: India sahaja?

Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah: Banyak lagi cuma satu contoh yang saya berikan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Cuba, cuba bagi contoh yang lain supaya kita hendak dengar. Bangladesh mungkin?...

Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah: Jadi *gistnya* sebegitu *gistnya* bahawa kita supaya *caretaker government* itu hanya menjalankan polisi-polisi yang telah ditetapkan dan diluluskan oleh pentadbiran sebelum ini kami ingat sebelum ini dan bukannya berkuasa untuk mengadakan polisi baru atau memerlukan sesuatu yang baru.

■1030

Jadi saya dengan ini mencadangkan supaya *caretaker government* ini dilantik dan dicadangkan oleh Parlimen sebelum Parlimen itu dibubarkan sebagai satu badan berkuasa semasa Parlimen dibubarkan dan sebelum penubuhan kerajaan baru.

Seterusnya Yang Berhormat Tuan Pengerusi, dalam sistem pilihan raya di Malaysia, kita ada pilihan raya yang diwakili oleh calon-calon yang menyertai parti-parti dan ada juga calon-calon yang bertanding atas individu atau dikenali sebagai calon bebas. Calon bebas saya tidak mahu sentuh pada hari ini cuma saya ingin fokus mengenai calon yang bertanding atas logo atau satu-satu parti. Saya bagi contoh, apabila satu kemenangan yang didapati oleh seseorang calon di atas satu logo parti yang kemudiannya dua atau tiga tahun selepas itu atau bila-bila sahaja dia bertindak untuk keluar parti atau melompat parti atau istilahnya *frogging*.

Jadi akan timbul beberapa isu yang tidak menyenangkan terutamanya di kalangan pengundi kerana ramai pengundi walaupun kita katakan bahawa pengundian itu adalah dibuat atas dasar calon dan bukan nama parti. Akan tetapi bila calon itu bertanding atas satu logo parti maka orang atau pengundi turut melihat parti atau logo parti manakah yang calon itu bertanding. Apabila calon tersebut telah keluar dari parti yang telah dipilih oleh rakyat yang dia bertanding sebelum ini akan menimbulkan ketidakpuasan di kalangan pengundi dan rakyat. Jadi saya cadangkan bahawa setiap orang atau calon yang bertanding di atas nama logo parti apabila dia melompat keluar dari parti tersebut maka dia dengan sendirinya tergugur daripada kerusi tersebut.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dia lompat jatuh teruslah?

Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah: Ya gugur. Gugur dari kerusi tersebut Yang Berhormat. Kiranya gugur daripada kerusi tersebut dan parti yang menyandang kerusi tersebut berhak untuk melantik ganti tanpa pilihan raya baru.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Macam di Pasir Maslah?

Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah: Ya... [Ketawa] Saya rasa itu sudah dimaklumi cuma saya tidak mahu sebutlah. Banyak lagi contoh-contoh kerana saya percaya setiap pilihan raya kecil yang kita buat, ia menelan satu belanja yang cukup besar. Sekiranya belanja pilihan raya tersebut kita gunakan untuk kemakmuran rakyat, banyak yang kita boleh guna. Kenapa kita tidak gunakan perkara ini?

Jadi saya dengan ini mencadangkan supaya calon yang bertanding atas nama parti akan tergugur kerusi tersebut daripada disandangnya apabila dia keluar dan parti yang menyandang berhak untuk melantik ganti lain tanpa adanya pilihan raya lain.

Tuan Pengerusi: Saudara Abdul Rashid. Itu satu pandangan yang memang bukan asing. Ini pernah disentuh. Hanya saya masih ingat, saya antara mereka yang lompat, lompat tidak ada.

Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah: [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Kami memang pilihan raya di Sabah pada tahun 1994. 25 kerusi. Empat bulan kemudian kami tinggal empat orang lagi yang masih kekal. Saya bawa parti masuk bukan saya masuk sendiri tetapi kita bawa ke mahkamah. Mahkamah katakan ini *against the principle freedom of association* yang mana kalau saya, saya tidak setuju dengan itu. *So I think* Sarawak buat satu perundangan. Ia memberi kuasa mandat kepada Speaker untuk mengisytiharkan bahawa kerusi itu kosong tetapi belum ada *tested* di mahkamah.

Kami terbuka kepada input-input khususnya dari segi perundangan yang mana tidak bertentangan dengan konsep *freedom of association*. Jadi *the legal minds in both side of the house*, kita boleh fikir perkara ini. Bagi soal disiplin dan etika, saya masih ingat ucapan pertama saya di Parlimen pada tahun 1995. Dalam hujah saya, saya katakan bahawa politik yang tidak beretika ini tidak boleh diteruskan untuk contoh kepada budak-budak atau orang muda. Setuju atau tidak?

Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah: Setuju.

Datuk Alexander Nanta Linggi [Kapit]: Tuan Pengerusi, boleh saya bertanya sedikit?

Tuan Pengerusi: Sila Yang Berhormat Kapit, Sarawak.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Saya tertarik kepada perkara yang telah disebut ini. Cuma saya hendak penjelasan daripada saudara ini. Bagaimana kalau seseorang itu yang telah menang calon bebas dan kemudiannya terfikir hendak masuk menyertai parti yang baik dari kerajaan ataupun pembangkang? Adakah seseorang individu yang telah menang sebagai calon bebas itu dibolehkan?

Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah: Pada pandangan saya sebab dia bertanding atas nama bebas dan dia adalah peribadi yang mana rakyat memilihnya atas dasar peribadi kerana tidak terikat dengan mana-mana parti. Jadi saya percaya dia bebas. Dia masuk parti mana-mana, kerusinya masih kekal. Akan tetapi dia keluar selepas itu daripada parti, dia gugur.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dia parti jadi bebas tidak bolehlah?

Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah: Tidak boleh. Kalau dia bebas dan masuk parti, *that is okay*.

Tuan Pengerusi: Apa itu okey? Sebab pada dia tidak ada ikatan dengan rakyat atau bagaimana?

Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah: *Sorry, saya..*

Tuan Pengerusi: Kenapa bebas pergi masuk parti, itu okey, tetapi daripada parti jadi bebas tidak boleh?

Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah: Saya berdasarkan prinsip-prinsip parti itu Yang Berhormat Tuan Pengerusi sebab sekarang rakyat memilih dia atas nama bebas yang mana dia tidak terikat dengan mana-mana peraturan parti. Sedangkan orang yang telah berparti, dia terikat dengan peraturan dan etika parti sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Tuan Pengerusi tadi. Jadi ia meninggalkan kesan yang agak berbeza apabila calon bebas masuk parti dengan calon parti keluar jadi bebas. Memberi kesan yang berbeza.

Tuan Haji Hanifa Ahmad: Boleh saya tambah sedikit?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, biar dia habis dahulu baru saya beri kebenaran. *Thank you.*

Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah: Seterusnya saya ingin menyentuh mengenai yang terakhir iaitu penghapusan penghantaran penyata dan akaun perbelanjaan pilihan raya calon. Saya percaya Yang Berhormat Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli semua walaupun akta menetapkan sekian-sekian jumlah bagi pilihan raya DUN dan sekian-sekian jumlah bagi pilihan raya Parlimen, saya percaya perbelanjaan yang dikeluarkan oleh calon-calon dan parti politik yang bertanding melebihi sebagaimana yang telah dinyatakan dalam akta tersebut. Jadi apa roh atau rasionalnya kita perlu hantar satu penyata yang memang kita tahu itu satu pembohongan?

Adakah kita hendak nyatakan setiap orang hantar – oh bohong, bohong, tetapi sebab kena hantar, kena hantar. Ini sebab saya percaya apatah dengan *currency* kita sekarang ini, perbelanjaan yang ditetapkan oleh akta adalah seolah-olah tidak lagi relevan. Ini kerana saya percaya setiap calon dan parti yang bertanding mengeluarkan belanja lebih daripada itu. Hatta sampai dua atau tiga kali ganda daripada yang telah ditetapkan oleh akta. Jadi apakah gunanya kita menghantar satu penyata akaun yang kita edit supaya mengikutinya sebenarnya akta dan kita pasti ia adalah satu pembohongan. Jadi saya dengan ini mencadangkan supaya penghantaran penyata akaun perbelanjaan pilihan raya calon ini dihapuskan kerana ia...

Tuan Pengerusi: Nanti *unlimited* pula *expenditure* – tidak ada had.

Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah: Dihapuskan. Dihapuskan penghantaran laporan.

Tuan Pengerusi: Jadi boleh gunakan berapa banyak duit sahaja?

Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah: SPR mungkin boleh gunakan kaedah lain tetapi dari segi penghantaran itu Yang Berhormat, sebab apa guna kita hantar satu laporan yang memang betul-betul palsu.

Tuan Pengerusi: Mungkin penghantaran poskad dan penghantaran pakai tangan atau macam undi pos bukan, *reporting*?

Encik Mohammad Abdul Rashid bin Yah: *Reporting account.* Penghantaran penyata akaun itu dihapuskan daripada syarat-syarat bagi setiap calon yang hendak bertanding. Itu adalah cadangan yang saya tekankan bagi Dewan Pemuda PAS Negeri Kelantan. Selebihnya telah disentuh oleh Tuan Haji Nasir dan sebagaimana yang tercatat dalam memorandum yang diserahkan kepada Jawatankuasa. Dengan ini sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Tuan Haji di belakang ada *supplement* untuk diberi sebagai ahli pasukan. Saya beri tiga minit.

Tuan Haji Hanifa bin Ahmad [individu]: Lima minitlah.

Tuan Pengerusi: Ya, lima minit.

Tuan Haji Hanifa bin Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Pengerusi: Sila perkenalkan nama untuk rekod.

[Saksi individu (Tuan Haji Hanifa bin Ahmad) ADUN Pengkalan Pasir Panjang mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

10.41 pg.

Tuan Haji Hanifa bin Ahmad: Saya Haji Hanifa Ahmad, ADUN Pengkalan Pasir, Parlimen Pasir Mas yang Dato' Ibrahim Ali bertanding atas tiket bulan pergi ke bebas.

Supplement atau tambahannya tadi macam ini. Kalau calon bebas, dia mesti kekal calon bebas sepanjang tempoh Parlimen itu. Contohnya begini, kalau calon bebas bertanding dengan UMNO. Orang undi dia itu kerana orang tidak suka UMNO. Selepas itu dia pergi masuk UMNO. Jadi dukacita sangatlah pengundi-pengundinya yang tidak mahu mengundi UMNO tetapi calon bebas yang menang itu masuk UMNO selepas itu. Maka cadangan saya, bertentangan sedikit dengan sahabat ini, kalau bebas kekal bebas sepanjang hayat Parlimen itu. Kalau bulan, macam Dato' Ibrahim, contohnya, minta maaf ya. Dia bertanding atas tiket PAS.

Tuan Pengerusi: Bulan belum masuk lagi. Separuh bulan.

Tuan Haji Hanifa bin Ahmad: Tiga bulan sahaja dia bebas. Kalau dia bertanding atas tiket bulan atau PAS, maka dia mesti kekal dengan PAS kerana orang yang mengundi itu bukan mengundi Dato' Ibrahim. Contohnya, tidak mengundi Dato' Ibrahim ini, dia bertanding pilihan raya kecil saya, Dato' Ibrahim dan calon UMNO. Dato' Ibrahim boleh 400 undi sahaja.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Dia hilang depositnyalah.

Tuan Haji Hanifa bin Ahmad: Dia hilang deposit. Dato' tahu. Dato' bekas orang kuat Semangat 46 dahulu bersama-sama Dato' Ibrahim. *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Masa itu bukan Semangat 46, saya UMNO sahaja... *[Ketawa]*

Tuan Haji Hanifa bin Ahmad: Itulah cadangan. Ini saya masuk kepada hak saya hendak bercakaplah. Semua tahu bahawa pilihan raya ini serius. Benda yang cukup serius. Baik kerajaan, baik pembangkang menyatakan bahawasanya pilihan raya ini menentukan nasib. Bangsa kita, rakyat kita akan pupus akhir, pupus cepat ataupun akan sakit selama-lamanya. Jadi kita tidak boleh ambil pilihan raya sebagai satu perkara yang tidak serius, teka teki.

Pertamanya, biar kita menjadi negara yang kalau kita kata negara kita sudah maju, maka biarlah negara kita ini maju. Kita tentukan bila kita hendak mengadakan pilihan raya. Katakanlah pilihan raya dahulu 8 Mac, 2008. Tempohnya 8 Mac, 2013. Katakanlah kerajaan hendak mempercepatkan pilihan raya. Maka isytiharkan pilihan raya akan diadakan enam bulan daripada sekarang. Biar jadi serius. Itu pertama supaya kita boleh bersedia, tidak menjadi teka teki. Orang kata 11 November, 2011 akan diadakan pilihan raya dengan sebab tarikh ini tarikh keramat. Selepas itu kita pun bersedialah.

Selepas itu tidak jadi, akan pergi bulan Mac kerana di situ selepas Hari Raya Cina 23 Januari, bagi dua minggu tempoh Cap Goh Mei, bagi lagi dua minggu maka akan dibubarkan Dewan bulan Februari. Maka pilihan raya akan diadakan pada bulan Mac apabila cuti ada di situ. Tidak jadi pula bulan Mac kemungkinan, pergi bulan Jun. Maka ini teka teki. Benda pilihan raya adalah satu perkara yang serius, yang kita hendak melantik satu kerajaan yang boleh membantu rakyat membawa negara kita ke arah kerajaan maju. Itu satu.

Keduanya, saya rasa barangkali Dato' Seri Mohd. Radzi boleh ingat. Almarhum Tengku Abdul Rahman apabila dibubarkan Parlimen, dia meletakkan jawatan Perdana Menteri. Dia kata saya tidak mahu berkempen sebagai Perdana Menteri. Saya mahu berkempen sebagai Presiden UMNO. Betul atau tidak Dato' Seri Mohd. Radzi? Betul. Saya tabik Tengku Abdul Rahman tetapi sekarang ini pemimpin kita walaupun dibubarkan Dewan masih mengekalkan jawatan Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, Menteri, maka berjalanlah. *Caretaker government* tidak tahu di mana. Berjalanlah suasana pilihan raya di dalam keadaan parti lawan berlawan dengan Barisan Nasional dan berlawan dengan Kerajaan Malaysia.

■1045

Maka, kita akan dituduh sebagai pengkhianat kerana melawan kerajaan. Sebenarnya, kita melawan parti. Maka, saya hendak cadangkan supaya Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri meletakkan jawatan. Berjalan atas presiden dan timbalan presiden. Jangan menggunakan kemudahan kerajaan dalam masa kempen pilihan raya, kedua. Ketiga, jabatan-jabatan kerajaan di masa itu jabatan kerajaan jangan diperalatkan. Kementerian Penerangan baik, apa lagi? Kementerian Kewangan baik, semua sekali KEMAS baik, jangan diperalatkan sebagai jentera parti untuk berlawan dengan parti lawan. Ketiga, rasuah. Kita tahu apabila tempoh pilihan raya 10 hari, maka datanglah menteri isytiharkan, "*saya luluskan RM3 juta untuk sekolah jenis kebangsaan Cina, saya luluskan RM3 juta untuk sekolah jenis kebangsaan Tamil, saya luluskan RM3 juta kepada ini. Saya luluskan wang ehsan kepada ini. Tolong masukkan kepada akaun saya, saya akan bagi*". Akaun sayalah, tetapi perkara ini...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi ini barang kalau biasanya sudah lulus, dia datang kasi bagi. Begitu boleh?

Tuan Haji Hanifa bin Ahmad: Tidak boleh.

Tuan Pengerusi: Tidak boleh juga?

Tuan Haji Hanifa bin Ahmad: Semasa itu, masa zon yang dipanggil 'zon bertenang'. Kita hendak pilihan raya berjalan dengan tenang dan kita tidak mempengaruhi pengundi dengan rasuah. Biar pengundi boleh berfikir dengan waras supaya naik atau tidak kerajaan lain. Sebab kita tidak kata sudah cukup. Maaf ya Tuan Pengerusi, sudah cukuplah Barisan Nasional memerintah selama lima tahun. Bagi peluang kepada kita memerintah. Kalau rakyat tidak bersetuju, lima tahun, buanglah. Biasanya, *new brooms sweeps clean*. Kita bersih lima tahun, lima tahun bersih.

Tuan Pengerusi: Itulah keadaan pilihan raya Tuan Haji.

Tuan Haji Hanifa bin Ahmad: Berasa tidak cukup...

Tuan Pengerusi: Ia bebas, kita ada peluang untuk bersaing.

Tuan Haji Hanifa bin Ahmad: Ya, saya hendak begini sahaja Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Hanifa bin Ahmad: Supaya rakyat tidak disumbat dalam kepala dia dengan benda-benda yang tidak baik, publisiti yang tidak betul. Bolehkah atau tidak Jawatankuasa ini menyatakan bahawasanya jangan memfitnah parti lawan, sama ada dalam TV. Saya tidak tengok TV sekarang ini, minta maaf ya. Orang cerita kepada saya. Saya tidak tengok TV3 kerana berita-berita yang disiarkan 15 minit pertama itu betul-betul kempen atas *stage* kempen pilihan raya. Maka, kita hendak rakyat biar dia bebas. Rakyat sekarang ini sudah dapat berfikir. Barangkali 60% daripada rakyat boleh berfikir dengan matang. Dengan media alternatif dan sebagainya, jangan kita sumbatkan berita-berita fitnah dalam TV, berita-berita fitnah dalam akhbar-akhbar dan biar rakyat boleh berfikir sendiri.

Tuan Pengerusi: Okey, saya rasa...

Tuan Haji Hanifa bin Ahmad: Boleh sedikit lagi?

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Haji Hanifa bin Ahmad: Satu *point* lagi.

Tuan Pengerusi: Sebab berulang sudah...

Tuan Haji Hanifa bin Ahmad: Ya? Okeylah, tidak mengapalah. Terima kasih bagi peluang.

Tuan Pengerusi: Bagi peluang. Terima kasih Tuan Haji Hanifa. Ada ahli pasukan juga telah meminta. Ini Yang Berhormat Abdul Fatah. Bisa dijemput, boleh? Bekas Ahli Parlimen, ADUN Bukit Gelugor. Okey, kecuali hal-hal yang baru, saya beri tiga minit dahulu.

10.49 pg.

Dato' Haji Abdul Fatah bin Haron: Terima kasih Tuan Pengerusi dan semua ahli delegasi dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Saya hendak bercakap tentang dua perkara yang barangkali sebab-sebab berkaitan. Iaitu perkara-perkara yang boleh dikatakan menyerabutkan kepada jentera-jentera parti kerana terlalu banyak peraturan yang dikeluarkan oleh SPR. Contohnya, peraturan-peraturan perjalanan pilihan raya, peraturan pendaftaran pemilih, peraturan pengundi pos dan buku panduan calon pilihan raya.

Di antara perkara-perkara seperti ini ada yang bercanggah. Kalau kita lihat betul-betul sewaktu perjalanan pilihan raya. Di antaranya adalah *polling agent* ataupun ejen pilihan raya, bercanggah di antara peraturan pilihan raya. Dalam peraturan perjalanan pilihan raya dan juga dalam buku panduan calon... [*Gangguan sistem rakaman*]

Tuan Pengerusi: Siapa yang ada *handphone* berdekatan dengan mikrofon...

Dato' Haji Abdul Fatah bin Haron: Dalam buku panduan calon. Ini buku panduan, bukan peraturan, bukan akta tetapi kadang-kadang ia boleh mengatasi akta tersebut. Contohnya, ada peraturan pilihan raya menyatakan ejen pilihan raya ataupun wakil calon. Ada juga peraturan pilihan raya menyatakan ejen kepada parti, suatu kemudian berlaku. Ini satu percanggahan yang agak ketaralah. Yang mana satu kita hendak gunakan. Kalau kita kata, ejen kepada calon. Kalau sesebuah parti itu ada calon Parlimen dan calon *State*, DUN, maka dua ejen di dalam pilihan raya kerana masing-masing menjadi ejen kepada calon. Akan tetapi kalau ejen kepada parti, satu parti itu ada calon Parlimen dan calon DUN atau *State*. Maka, kalau ia menggunakan satu orang sahaja, maka tidak adil kepada BEBAS. BEBAS ia mewakili *body* dia, bukan mewakili parti dia, calon. Jadi, kalau mewakili parti, maknanya calon BEBAS tidak berhak untuk menghantar ejennya. Sepatutnya, kalau mengikut peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh SPR, tetapi BEBAS juga dianggap sebagai parti.

Oleh sebab itu dia boleh menghantar ejennya sewaktu tempat pengundian berlaku ini. Ini perlu diperhatikan oleh pihak-pihak pilihan raya supaya tidak berlaku percanggahan waktu hari mengundi.

Tuan Pengerusi: Jadi Tuan Haji, saya tidak bertanding tiga kali. DUN dan Parlimen, DUN dan Parlimen, DUN dan Parlimen. Saya pakai satu wakil sahaja pun. Tiada masalah timbul. So, apa masalah sebenarnya yang boleh timbul?

Dato' Haji Abdul Fatah bin Haron: Ya, masalahnya ialah kalau kita pohon dua.... [*Gangguan bunyi*]

Tuan Pengerusi: Semua *handphone* sila...

Dato' Haji Abdul Fatah bin Haron: ...Calon Parlimen dan calon DUN umpamanya, dalam satu parti. Ada dua ejen. Dua ejen dalam satu parti. Satu memerhatikan kehadiran pengundi itu sendiri. Kita tanda di buku, orang ini sudah keluar mengundi, okey. Satu orang lagi boleh memerhatikan *body* yang itu. Betul atau tidak betul? Orang itu ataupun pengundi hantu. Jadi kalau seorang, mata hendak tengok pengundi hantu, lagi satu mata hendak tanda di sini. Jadi orang yang sama memang tidak adil dan tidak mampu, oleh sebab itu perlu dua... [*Gangguan sistem rakaman*]

Tuan Pengerusi: Baik. Sebelum diteruskan, saya minta semua *handphone* kita ditutup kerana sistem mikrofon kita sensitif sekali. Apabila hendak keluar, kasi pasang okey?

Dato' Haji Abdul Fatah bin Haron: Keduanya, alasan yang kukuh sebagaimana disebutkan oleh sahabat saya tadi. Alasan kukuh berkenaan dengan umur. Umur pengundi dikatakan 21 tahun. Alasannya orang itu baru matang. Di Parlimen pernah saya sebutkan perkara ini. Oleh sebab 21 tahun itu dikatakan matang seseorang itu, boleh menggunakan fikirannya sendiri hendak memilih parti mana yang. Akan tetapi...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Nanti sekejap, kita balik kepada soalan yang pertama tadi itu.

Dato' Haji Abdul Fatah bin Haron: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Yang menyatakan bahawa Tuan Haji minta supaya kita ada dua ejen yang bertindak mewakili *just one* calon.

Dato' Haji Abdul Fatah bin Haron: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kita ada pilihan raya serentak umpamanyalah, sebagai contoh Parlimen dan *State*. Jadi, kalau PASlah, ia bertanding kedua-dua kerusi, Parlimen dan *State*, maka dia berhak menghantar dua wakilah. Itu yang dimaksudkan.

Dato' Haji Abdul Fatah bin Haron: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Oleh sebab apa, ada peraturan baru yang di mana SPR telah menentukan bahawa dia mengikut parti. Jadi, kalau PAS ada dua orang calon, Parlimen dan *State* tetapi dia hanya layak menghantar seorang sahaja sebab mewakili parti. Jadi, Tuan Haji hendakkan...

Dato' Haji Abdul Fatah bin Haron: Dua...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: ...Kedua-duanya mewakili calon.

Dato' Haji Abdul Fatah bin Haron: ...Mewakili calon. Kalau kita hendak bandingkan dengan BEBAS itu dia berhak.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya, itu satu.

Dato' Haji Abdul Fatah bin Haron: Maknanya, atas *body*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Keduanya ialah masalah bila hendak kira. Apa yang saya selalu bangkitkan masalah bila kita hendak kira. Bila kita hendak kira, kita ada dua tong. Satu tong Parlimen, satu tong *State*. Jadi, kalau ada seorang sahaja, dia tidak boleh kawal kedua-dua tong sebab...

Dato' Haji Abdul Fatah bin Haron: Ya. Kalau *counting agent* itu...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: ...Saya bersetujulah dengan Tuan Haji.

Dato' Haji Abdul Fatah bin Haron: Yang pentingnya, hari waktu mengundi iaitu untuk *polling agent*. *Counting agent* itu untuk yang kedua pula. Itu penting juga.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya. Okey.

Dato' Haji Abdul Fatah bin Haron: Maknanya, mesti bertegas berkenaan perkara ini.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ini mesti kena ada dua.

Dato' Haji Abdul Fatah bin Haron: Ini kerana pernah berlaku di pilihan raya yang lalu di Jajahan Tumpat, ada satu pernah berlaku demikian. Pegawai pilihan raya menyatakan patut seorang sahaja. Jadi, kita lawan, lawan, akhirnya dibagi dua jugalah kerana kita DUN dan Parlimen. Baik, kedua tadi iaitu pasal umur. Apabila di Malaysia ini, seseorang yang hendak menjadi tentera ataupun hendak masuk berkhidmat sebagai polis, dikira umur 18 tahun sudah dikira matang, boleh menjadi tentera dan boleh menjadi polis. Ia minta 18 tahun sahaja. Alasannya, orang ini sudah matang. Akan tetapi apabila tiba peringkat mengundi, 21 tahun baru matang. Ini satu perkara yang bercanggahlah, saya rasa kontra. Tidak patut sangat, alasan-alasan yang diberi itu umur 18 tahun dikira tidak matang, tidak patut. Sedangkan orang menjadi tentera, menjadi polis, menjaga keamanan negara, kita serah kepada orang yang berumur 18 tahun sudah boleh masuk. Alasan ini adalah alasan yang kukuh sebagaimana yang disebutkan dari tadi.

Tuan Pengerusi: Kalau dari segi agama pun..

Dato' Haji Abdul Fatah bin Haron: Dari segi agama pun, apatah lagi seorang itu matang apabila lelaki itu umur 15 tahun dikira matang dan perempuan bawah lagi pun sudah matang dah. Kalau sudah mari, tidak payah sebutlah itu. Baik, yang akhirnya ialah berkenaan dengan lambang yang diberikan oleh parti kepada orang-orang tertentu yang tidak menjadi ahli parti. Ini berlaku bukan baru. Pernah berlaku pada tahun 1978, apabila Dato' Hassan Adli yang keluar daripada PAS tetapi diberi peluang kepada Barisan Nasional. Barisan Nasional beri peluang untuk menggunakan lambang dacing, bertanding di Telok Anson kalau tidak silap saya. Kemudian yang berlaku kemudian ini kepada Datuk Bahri dan sebagainya, kemudian dah. Amat tidak adil saya kata. Amat tidak adil sebab sepatutnya SPR membuat satu peraturan. Ahli-ahli partinya sahaja yang berhak menggunakan lambang parti itu sebab memang kalau Setiausaha Agung parti masing-masing tidak memberi kebenaran untuk menggunakan lambang, maka SPR tolak sewaktu hari penamaan calon. Penggunaan lambang itu.

Jadi yang seterusnya ialah, SPR sepatutnya memberi kebebasan lambang-lambang yang digunakan oleh calon BEBAS tersebut. Bukan sepuluh yang disenaraikan, tidak. Sama ada dia hendak menggunakan lambang kerbau, lembu, dia punya pasallah. Akan tetapi biasanya SPR gunakan lambang yang telah ditetapkan. Alasannya ialah senang untuk hendak cetak kertas undi tersebut sedangkan kertas undi tersebut dicetak setelah penamaan calon dibuat. Kenapa kena terikat sampai begitu sekali? Misalnya, katalah ada calon BEBAS hendak menggunakan lambang bulan/bintang seperti mana PAS dahulu ataupun calon BEBAS hendak menggunakan kapal layar seperti mana Perikatan dahulu. Maka, boleh.

Mungkin ada di antara orang yang lama-lama itu masih teringat hendak menggunakan lambang yang lama, calon BEBAS, dibenarkan. Akan tetapi SPR beri garis panduan yang telah ditetapkan oleh SPR dengan tidak mengambil kira pandangan-pandangan umum barangkali. Saya rasa ini juga tidak patut dan perlu dirombak peraturan-peraturan yang telah dibuat oleh pihak SPR. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih saudara Yang Berhormat Abdul Fatah. Saya rasa kami telah memberi ruang yang begitu panjang kepada PAS Kelantan.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *[Masuk mengambil tempat di dalam Bilik Mesyuarat]*

Tuan Hassan bin Mohamood [ADUN Tawang]: Dua minit?

Tuan Pengerusi: Ya, mahu tambah lagi?... Akan tetapi mesti hal-hal baru.

Tuan Hassan bin Mohamood: Yang baru, yang baru.

Tuan Pengerusi: Hal-hal baru ya? Sila perkenalkan diri. Saya beri tiga minit. Maju ke hadapan. Telah hampir satu jam lebih saya memberi peluang kepada pasukan di hadapan. Sila, saya beri dua minit.

[Saksi dari EXCO Kerajaan Negeri Kelantan mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

10.58 pg.

Tuan Hassan bin Mohamood: *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh.*

Tuan Pengerusi: Sebelum itu, saya memperakui kehadiran anggota Ahli Jawatankuasa Alor Gajah, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn yang baru menyertai kita, sila.

Tuan Hassan bin Mohamood: Saya Hasan Haji Mahmud, Ahli Dewan Negeri Tawang, Bachok Kelantan. Saya hendak mencadangkan supaya tempat mengundi berlaku dalam Dewan negeri dan Parlimen masing-masing sebab di dalam Dewan Negeri Tawang, dua peti undi. Tempat mengundinya dalam Parlimen Pengkalan Chepa.

Tuan Pengerusi: Di luar daripada kawasan?

Tuan Hassan bin Mohamood: Luar daripada kawasan Parlimen Bachok.

Tuan Pengerusi: Okey.

Tuan Hassan bin Mohamood: Jadi, saya hendak cadangkan supaya dua peti itu, tempat pengundiannya berlaku dalam Dewan Negeri Tawang.

Tuan Pengerusi: Okey, terima kasih itu. Saya rasa Jawatankuasa tiada halangan untuk endorse. Itu saya rasa secara logik.

Tuan Hassan bin Mohamood: Tempat mengundi pun saya cadangkan di Bangunan Pasti Ar-Rasyidin di Kampung Budi sebab alasan...

Tuan Pengerusi: Itu boleh dicadangkanlah.

Tuan Hassan bin Mohamood: Sebab alasan dipindahkan sebab tidak ada tempat mengundi. Sebelum ini di peti undi Teluk Mesira, bangunan KADA. Bangunan KADA dirobuhkan, hendak buat baru. Yang ada sekarang ini bangunan Pasti tetapi SPR tidak mahu. Kiranya bangunan Pasti sedangkan bangunan Pasti itu lebih baik daripada bangunan KADA. Terima kasih.

■1100

Tuan Pengerusi: Okey, SPR ambil kepentingan semua pihak.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Jadi, saya minta ditelitikan. Okey, tempat yang neutral atau pun yang selesa untuk kita semualah. Okey, saya rasa bagi pihak jawatankuasa saya mengatakan terima kasih kepada pasukan PAS Kelantan dengan Pemuda PAS kerana memudahkan semuanya. Terdapat banyak input-input yang *fresh* dan ada juga yang berulang kali tetapi dengan ulasan yang begitu membangun. Kalau ada lagi *suggestion* tambahan bolehlah *email* kepada pihak kami terus. Terima kasih banyak-banyak.

Baiklah, sambil perubahan kerusi kerana pasukan baru hendak masuk. Saya ambil satu lagi sebelum kita barangkali berehat sebentar. Baiklah kepada satu pasukan NGO Kelantan, ada tiga nama yang dimajukan kepada saya. Selamat datang dan selamat bertemu. Saya melihat ada anggota lain yang turut sama.

Ketuanya saudara Abdul Halim bin Yusop, begitukah? Okey, selamat datang dan seperti mana yang saya perjelaskan tadi, ini adalah sesi Parlimen bersidang dalam peringkat jawatankuasa. Semua tatacara dan prosedur-prosedur adalah di bawah peraturan-peraturan tetap Parlimen dan dengan itu hanya mereka yang dijemput untuk berucap atau pun memberi keterangan adalah yang boleh bercakap. Akan tetapi jika ada anggota lain yang mahu berakap, tertakluk kepada masa dan boleh minta kebenaran dengan saya. Saudara Abdul Halim perkenalkan pasukan pertama dan saya beri 10 minit atau 15 minit permulaan. Dipersilakan.

11.02 pg.

Encik Abdul Halim bin Yusof [Pengerusi Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Kelantan]: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Yang Berhormat Tuan Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen bagi Penambahbaikan Pilihan Raya Malaysia. Saya Abdul Halim bin Yusop daripada Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan Negeri Kelantan. Sebelah kanan saya Tuan Haji Rahim Salleh selaku sebahagian daripada perwakilan kita dan juga sebagai pengarah agensi kerajaan. Sebelah kiri Encik Abdul Halim Wan Ismail dan akhir sekali ialah Tuan Haji Ubaidah.

Tuan Pengerusi, saya ada menyediakan memorandum. Sebenarnya saya ada menyediakan 11 tetapi ada disediakan *version color* dan yang lain itu fotostat. Saya ada 11 cadangan tetapi saya akan mengelak daripada berulang...

Tuan Pengerusi: Ia yang baru atau pun yang...

Encik Abdul Halim bin Yusof: Okey, kalau belum disentuh belum disentuh, saya sentuh sedikit ya. Pertama Yang Berhormat Tuan Pengerusi, saya juga ingin menyentuh tentang sistem pilihan raya yang disentuh oleh Encik Wan Nasir. Cuma saya hendak menambah selain daripada kita menyediakan - Kami mencadangkan kita adakan Jawatankuasa Khas melihat dan mengkaji sistem yang sesuai di Malaysia ini sama ada hendak *hybrid* antara sistem sekarang dengan sistem baru. Saya mencadangkan supaya rakyat Malaysia diberi peluang. Sebelum ini tidak pernah diberi peluang untuk memilih Perdana Menteri sendiri. Sekarang ini, sejak merdeka rakyat Malaysia tidak pernah memilih Perdana Menteri secara langsung. Ini hayalah keputusan daripada parti sahaja. Jadi saya mencadangkan sistem ini *incorporate* atau memasukkan pemilihan Perdana Menteri sebagai mana di negeri maju di negeri barat.

Kedua, SPR di bawah Parlimen saya tidak akan menyentuh secara panjang tetapi saya hendak menyentuh ialah keahlian Ahli SPR ini.

Saya ingin mencadangkan supaya khususnya kepada Tuan Pengerusi dan Jawatankuasa lain tidak melebihi dua *terms* pilihan raya seperti yang berlaku lama sangat dan mereka mendapat kerja bersungguh-sungguh dalam masa yang dua *terms* ini dan pengerusi dilantik di kalangan hakim yang masih bertugas dan bukan bekas-bekas pegawai kerajaan yang bersara yang mungkin mereka itu mempunyai sifat berterima kasih kepada kerajaan melantik mereka dan juga di kalangan-di kalangan penyokong parti pemerintah sebagaimana yang berlaku sekarang ini. Jadi itu saya tambah daripada cadangan awal sahabat-sahabat saya daripada PAS.

Tentang undi pos yang diberi kepada di perbatasan, kami mencadangkan supaya undi pos dihapus terus kerana sekiranya dikatakan dibolehkan di perbatasan, boleh disalahgunakan, kemungkinan parti pemerintah akan menghantar seolah-olah ada *exercise* di perbatasan beribu-ribu orang dihantar di perbatasan dan dilayakkan jadi undi pos. Itu kemungkinan boleh dimanipulasikan. Jadi sebarang kemungkinan ini kita minta supaya tidak ada lagi di masa hadapan. Ini kerana di sana pun ada markas taktikal yang boleh diadakan tempat pengundian.

Tentang pemerhatian pilihan raya sahabat saya akan sebut. Saya pergi kepada muka surat enam iaitu Peraturan Pilihan Raya. Kami mencadangkan supaya disemak semula peraturan-peraturan yang ada khususnya dalam soal kod etika kesalahan pilihan raya yang ada sekarang ini. Apa yang berlaku adalah sekadar dikatakan kod sahaja dan tidak ada di sana boleh untuk *dienforcement*, tidak ada. Itu cadangan-cadangan supaya jangan berlaku. Akan tetapi untuk *enforcement* tidak ada. Jadi, saya mencadangkan supaya kod-kod ini diperundangkan supaya boleh dikuatkuasakan kesalahan ini dalam bentuk hukuman-hukuman khusus. Ia bukan sekadar apa yang tidak boleh larangan itu dan larangan ini kerana ia tidak cukup untuk memastikan kesalahan-kesalahan ini tidak berlaku.

Kedua ialah Peraturan Had Belanja Kempen. Saya mungkin tidak setuju atau pun dari aspek *alliance* yang saya lihat daripada cadangan daripada PAS iaitu saya mencadangkan supaya ada had belanja kempen. Kami mencadangkan supaya ada *political fund* daripada kerajaan untuk semua parti yang bertanding sebagaimana yang ada di negara-negara barat khusus di setiap parti mengikut jumlah calon yang mereka masuk, maka kerajaan *allocate* mereka. Ini kerana untuk kesejahteraan negara. Maka tanggungjawab kerajaan menyediakan *fund* ini, tabung untuk parti-parti atau pun calon-calon untuk masuk bertanding. Senang kalau kerajaan hendak bertanding pun dia tidak bimbang... [Ketawa] Tidak bimbang di mana *fund*. Itu berlaku di negara barat. Contoh di Amerika berlaku, dia beri *political fund*.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Di negara-negara barat ini kalau dia ada pilihan raya, dia tidak ramai yang bertanding. Kita di sini ini kalau diadakan peraturan macam tadi itu, saya fikir calon Bebas yang hendak masuk bertanding juga ramai dan juga...

Encik Abdul Halim bin Yusof: Okey, kita boleh pergi kepada peraturan-peraturan yang sudah *diabused*. Akan tetapi konsepnya ialah kita membantu mereka yang ingin membangunkan negara ini. Akan tetapi soal untuk tidak disalah guna soalan ini...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Bagi peruntukan kepada bilangan calon saya fikir susah sedikit...

Encik Abdul Halim bin Yusof: Ya, tidak mengapa.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Akan tetapi bagi peruntukan kepada bilangan kerusi yang dimenangi oleh...

Encik Abdul Halim bin Yusof: Ya, okey itu tidak mengapa *as long as other especial allocation* untuk ini ya dan tidak disalah gunakan. Saya setuju soal-soal pembaikan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Saya pun setuju juga itu. Ada peraturan, ada duit.

Encik Abdul Halim bin Yusof: Satu lagi ialah muka surat 8, Pembaikan Sistem Pendaftaran Pilihan Raya. Saya hendak menyentuh soal *absent voters* yang sebenarnya telah dimaktubkan dalam pelbagai negara diberi hak untuk mengundi. Cuma *regulation* daripada SPR telah meletakkan hanya kepada 6 kategori sahaja iaitu kategori tentera dan isteri, kategori kakitangan kerajaan luar negeri dan isteri, dan pelajar sepenuh masa dan isteri. Saya memohon dan mencadangkan supaya menambah satu kategori lagi iaitu profesional yang bekerja di luar negeri dan isteri supaya mereka layak dan menjadi *absent voters* dan beri pengundian secara biasa bukan secara undi pos.

Tuan Pengerusi: Definisi profesional itu Tuan Haji, apakah itu?

Encik Abdul Halim bin Yusof: Ia boleh dibincangkan sama ada yang bekerja bersara dengan kerajaan, *private*, dan apa-apa. Berapa lama? Itu saya rasa perkara *detail*. Akan tetapi konsepnya ialah semua rakyat Malaysia di luar negara yang berwarganegara Malaysia berhak mengundi.

Tuan Pengerusi: Ya, itu sedang kami telitikan. Semuanya itu, kelayakan-kelayakan dan seterusnya...

Encik Abdul Halim bin Yusof: Akan tetapi tidak ada di kategori yang di dalam kategori SPR.

Tuan Pengerusi: Ya, memang sebelum. Ini dalam perhatian jawatankuasa yang telah kita cadangkan.

Encik Abdul Halim bin Yusof: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi SPR memohon untuk masa yang panjang. Yes, Yang Berhormat Alor Gajah.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Encik Halim, ya. Kenapa Encik Halim cadangkan hanya profesional sahaja diberi kelayakan?

Encik Abdul Halim bin Yusof: Itu boleh...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ada ahli perniagaan yang pergi sana untuk menjual barangan Malaysia?

Encik Abdul Halim bin Yusof: Itu boleh dikategorikan orang yang profesional.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Kenapa rakyat Malaysia yang lain tidak diberikan?

Encik Abdul Halim bin Yusof: Yang Berhormat, masalah profesional ini kita secara imbas seperti *engineer* atau doktor tetapi sebenarnya orang yang menyapu pun profesional. Sapu sampah pun profesional tetapi dia ada profesion.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Akan tetapi rakyat yang lain itu kenapa mereka di...

Encik Abdul Halim bin Yusof: Kita tidak beri kepada penagih dadah...

Tuan Pengerusi: Okey, ertinya...

Encik Abdul Halim bin Yusof: Ini bukan profesional.

Tuan Pengerusi: Perkataan profesional itu semua rakyat Malaysialah?

Encik Abdul Halim bin Yusof: Ya.

Seorang Ahli: Semua rakyat Malaysia.

Encik Abdul Halim bin Yusof: Ada kerja.

Tuan Pengerusi: Asal dia di sana secara sah.

Encik Abdul Halim bin Yusof: Sah.

Tuan Pengerusi: Pergi cari makankah atau apakah.

Encik Abdul Halim bin Yusof: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Tidak mengapa, nanti kita minta definisi yang lebih ketat.

Encik Abdul Halim bin Yusof: Okey, saya rasa apa yang perlu saya sentuh lagi ialah tempoh penamaan calon yang cukup lancar. Saya rasa SPR cukup setuju kerana masalah penamaan calon yang terhad pada satu jam dan terhad pada masa yang singkat ini menyebabkan berlakunya apa yang dibimbangkan dan pihak polis itu sendiri pun begitu banyak menumpukan masa soal dijangka huru-hara, soal pertelingkahan, dan pertembungan masa hari penamaan calon. Jadi kami mencadangkan supaya SPR meletakkan tempoh pencalonan, satu tempoh yang anjal mungkin saya cadangkan tiga hari untuk diberi masa setiap calon boleh menyerahkan masa borang itu dalam mas ayang panjang supaya tidak berlaku pertembungan pada hari ini dan hari inilah. Itu saya yakin SPR setuju. Cuma... *[Ketawa]*.

Okey, yang terakhir sebelum saya serahkan kepada kawan saya ialah soal persempadanan kawasan pilihan raya. Mungkin saya tidak mengemukakan cadangan yang baru kerana sebenarnya merupakan saya lebih kepada aduan sekarang ini kerana penetapan persempadanan ini sudah termaktub dalam Perlembagaan. Dalam Perkara 1(13) telah ada dan apakah syarat-syaratnya sudah jelas termaktub. Antaranya prinsip-prinsip yang perlu diambil. Contoh saya boleh baca prinsip yang berikut ialah seboleh-bolehnya diambil kira dalam pembahagian membahagikan mana-mana unit kajian semula kepada bahagian pilihan raya menurut peruntukan Perkara 116 dan Perkara 117 muka surat 10 ya. Di samping mengambil perhatian tentang wajarnya semua pemilih diberi peluang yang semunasabahnya untuk mudah pergi mengundi, bahagian-bahagian saya patutlah disempadankan supaya tidak merentasi sempadan negeri dan patut diberikan perhatian kepada kesulitan Bahagian Pilihan Raya Negeri merentasi sempadan Bahagian Pilihan Raya Persekutuan.

Perhatian patut diberi kepada kemudahan pentadbiran yang boleh didapati dalam bahagian-bahagian pilihan raya itu bagi mengadakan jentera pendaftaran dan pengundian yang perlu. Bilangan pemilih dalam setiap bahagian pilihan raya di satu situasi patutlah lebih kurang sama banyak kecuali bahawa dengan mengambil kira kesulitan yang lebih besar untuk sampai pemilih kepada desa dan kesukaran yang lain dia bahagian luar bandar. Saya hendak mengambil contoh. Saya rasa bersama dengan saya ini ada Yang Berhormat daripada Hulu Selangor. Mungkin dia boleh membantu saya. Kenapa saya memberikan contoh di Selangor sebab ianya cukup ketara.

Di Kelantan mungkin ada sedikit beberapa tempat yang macam ular kena palu, berekor-ekor. Contohnya ketidaksamarataan pengundi. Kawasan Kapar 112,224 pengundi. Satu kawasan parlimen banding dengan Sungai Besar satu kawasan Parlimen 31,381. Mungkin SPR kata ini kawasan luar bandar. Akan tetapi dalam waktu yang sama, Hulu Selangor dengan Sabak Bernam dengan Sungai Besar sama besar kawasan daerahnya tetapi Hulu Selangor satu sedangkan Sungai Besar dengan Sabak Bernam ada dua. Ketidaksamarataan dalam pembahagian persempadanan.

Tuan P. Kamalanathan a/I P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Dengan izin Tuan Pengerusi. Terima kasih kerana membangkitkan isu Hulu Selangor tetapi saya lebih berminat untuk lebih tahu isu-isu di negeri Kelantan di sini.

Encik Abdul Halim bin Yusof: Tidak mengapa

Tuan P. Kamalanathan a/I P. Panchanathan: Terima kasih juga...

Encik Abdul Halim bin Yusof: Saya bawa contoh isu ini juga nasional, global. Saya di Kelantan juga – tetapi yang lebih ketara di sini di Selangor. Contoh lagi ialah memisahkan penduduk tempat. Saya beri contoh ya. Tempat di mana berlaku di Batu Tiga dan di Taman Medan dipecahkan kawasan ini. Ini menyukarkan hingga - Kawasan perumahan dipecah-pecahkan. Contoh lagi merentasi PBT. Saya bawa contoh PBT, di satu kawasan PBT itu, satu kawasan pilihan raya itu merentasi banyak kawasan PBT. Penguasa Bahagian Tempatan ya.

■1115

Jadi kami mencadangkan supaya – saya bawa satu contoh ada kawasan ada tiga PBT dan empat parlimen iaitu Kelana Jaya, Subang, Kota Raja dan Sepang. Ada empat kawasan parlimen itu sampai tiga PBT. Dua kawasan itu, Sri Muda dan Dengkil dan merentasi dua PBT, empat kawasan parlimen Tanjong Karang, Kapar, Gombak, Shah Alam, ini ada dua PBT.

Jadi kami mencadangkan dalam persempadanan semula yang telah ditetapkan oleh undang-undang iaitu Perlembagaan sendiri, meminimumkan ketidaksamarataan antara kawasan pilihan raya sama ada Parlimen atau DUN dalam konteks saiz atau bilangan penduduk. Dalam keadaan yang sama, kawasan pilihan raya Dewan Undangan Negeri tidak boleh melebihi satu perdua saiz daripada Parlimen. Ini kerana, macam mana boleh kawasan Parlimen itu lebih kecil daripada negeri dan kadang-kadang negeri itu lebih besar daripada Parlimen.

Kemudian ada istilah – maaf saya gunakan istilah *gerrymandering*. Maknanya tidak merentasi luar kawasan, tidak campur aduk antara komposisi masyarakat setempat sewenang-wenangnya dan juga pembahagian masyarakat setempat seperti memecahkan kawasan-kawasan perumahan. Jadi perkara persempadanan ini sepatutnya diambil kira semasa membuat persempadanan semula. Saya mohon supaya perkara ini diambil perhatian. Terima kasih. Saya serahkan kepada kawan saya untuk meneruskannya.

[Saksi-saksi dari Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGOs) Kelantan mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

11.16 pg.

Encik Abdul Halim bin Wan Ismail [Timbalan Pengerusi Gabungan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Kelantan]: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabaraakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi dan Ahli-ahli Jawatankuasa dan tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Tadi kita telah mendengar pembentangan daripada sahabat saya, Dr. Abdul Halim bin Yusof, Pengerusi Gabungan NGO Kelantan dan saya, nama yang sama iaitu Abdul Halim bin Wan Ismail ialah Timbalan Pengerusi Gabungan NGO Kelantan. Sebelum itu, bersama dengan saya ialah Tuan Haji Ibrahim dan Tuan Haji Ubaidah.

Tuan-tuan dan puan-puan, sebelum saya pergi pada perkara yang disebut oleh sahabat saya tadi Dr. Abdul Halim tentang pemerhati bebas ataupun *electoral observers* ataupun *election observers*, saya ambil satu perkara lagi yang saya rasa barangkali belum disentuh oleh laporan PSC setakat ini iaitu tentang pendaftaran parti politik yang bertanding dalam pilihan raya. Kami mencadangkan supaya parti politik ini tidak didaftarkan dengan NGO tetapi didaftarkan terus dengan SPR. Parti politik yang bertanding dalam pilihan raya terus didaftar. Kita takut terjadi sebagaimana yang terjadi. Kalau Pakatan Rakyat ini, ia mengambil masa bertahun-tahun untuk didaftarkan. Kalau parti-parti lain, mengambil masa yang cukup lama, sampai pilihan raya tamat belum lagi mampu didaftarkan dan masuk bertanding dalam pilihan raya.

Rekod pendaftaran pilihan raya atau rekod pendaftaran NGO yang paling singkat ialah pendaftaran UMNO baru di Malaysia, tidak sampai 24 jam sudah didaftarkan. Jadi pada waktu Dato' Seri Mohd. Radzi, Yang Berhormat Kangar, pun menjadi mangsa sebab mendaftar UMNO Malaysia tidak dapat. Ini disebabkan UMNO baru telah didaftarkan dengan Almarhum Tengku dan Tun Hussein gagal mendaftarkan UMNO Malaysia sebab UMNO baru – orang Kelantan kata '*pinteh depe*' atau potong trip.

Jadi, perkara seperti ini terasa, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi sekarang berada di sebelah kerajaan, Tuan Pengerusi tidak terasa. Akan tetapi bagaimana dengan orang lain? Kami NGO ini memerhati berlaku ketidakadilan di situ.

Justeru itu, kami mencadangkan supaya tidak lagi NGO didaftarkan dengan ROS kerana ROS adalah di bawah Kementerian Dalam Negeri yang diketuai oleh seorang Menteri yang mewakili parti politik yang ada kepentingan untuk kementerian. Jadi, terus berdaftar dengan SPR sebab kita yakin SPR mampu membawa suatu sistem pilihan raya yang adil dengan penambahbaikan jika diterimalah. Kalau tidak diterima, kekal sebagaimana yang ada. Terima kasih. Saya nampak orang SPR memerhatikan saya. Hendak perhati sangat. Terima kasih... *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Terima kasih Cikgu. Cikgu, bukan?

Encik Abdul Halim bin Wan Ismail: Ya, saya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Terima kasih Cikgu. Jadi, ada lagi?

Encik Abdul Halim bin Wan Ismail: Ada, ada lagi. Ini ditujukan khas kepada SPR.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey.

Encik Abdul Halim bin Wan Ismail: Kita minta supaya dilantik pemerhati ataupun kita sebut sebagai *election observers*. *Election observers* ini ada di peringkat antarabangsa di mana-mana di seluruh dunia, malah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu telah menggariskan tentang *election observers* ini sebagaimana yang terdapat dalam apa yang disebutkan oleh *United Nations Electoral Assistance Division*. Saya dengan izin, saya ingin membaca objektif penubuhan *election observers* iaitu:

- (i) *To serve as a neutral witness expressing the international community's interest and support for the democratic process;*
- (ii) *to raise public confidence in the election process;*
- (iii) *to detect and expose fraud and irregularities when they occur;*
- (iv) *to assess the relative legitimacy of an electoral process and outcome in the accordance with the internationally accepted rules;*
- (v) *to enhance the meaningful nature of the electoral process itself;*
- (vi) *to enhance the respect for political, civil and other fundamental human rights in accordance with the principles and obligations set forth in the international law;*
- (vii) *to make an official public assessment of the election and offer suggestions for improving the electoral process in the future; and*
- (viii) *to encourage political contestants to accept the results of the legitimate electoral process.*

Ini yang penting. Kadang-kadang apabila habis putus pilihan raya, masih tidak puas hati. Kalau ada *observer* di sini, orang lain tengok juga nampak adil. Akan tetapi kalau *report* itu kata tidak adil, terimalah. Itu yang kita hendak. Kemudian cara pemantauan ini dibuat ialah yang disebut *mission* ini – sebenarnya dalam dunia kalau saya hendak...

Tuan Pengerusi boleh akses dalam *internet*, memang beratus malah beribu *organization* yang buat *observation*. *In fact*, dari awal Perang Dunia Kedua lagi apabila wujud sistem pilihan raya di dunia ini, maka ada *observer*. Akan tetapi malangnya, di Malaysia mereka menafikan *international observer* ini. Kemudian dalam tahun 2008, *Alhamdulillah*, bila PRU ke-12 yang lalu, MAFREL telah diberikan akreditasi untuk membuat *observations*. Itu hanya untuk PRU ke-12 tetapi dengan pilihan raya kecil yang ada sepuluh kalau tidak silap saya, pilihan raya kecil yang ada setakat ini, semua telah dinafikan ada *observers* untuk melihat perjalanan pilihan raya itu.

Ini ada surat akreditasi yang diberikan oleh SPR kepada kami, kepada MAFREL pada waktu itu. Akan tetapi selepas itu tidak diberikan. Kalau tidak mahu memberikan kepada MAFREL, beri kepada *international*, tidak mengapa. Akan tetapi biarlah ini diputuskan oleh Parlimen sebab *observation* ini boleh dibuat dalam *long-term observation* atau *short-term observation*. Kalau *long-term observation*, maknanya dia memerhatikan dari sekarang sebab sekarang ini sudah tempoh untuk mengadakan pilihan raya. Selepas tempoh Parlimen itu selama tiga tahun, maka tidak ada lagi pilihan raya, kita menuju pada pilihan raya umum. Sekarang ini biarlah ada *international observer* yang datang dalam *long-term observation*, mereka memerhatikan bagaimana perjalanan proses pilihan raya termasuk juga *hearing* pada hari ini pun mereka boleh datang tengok. Ini yang ada, kalau ada, kalau kita telah lantik.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya cikgu. Kami berkemungkinan akan bersetuju bahawa selepas kerja kami ini selesai, kami perlu ada orang yang datang memerhatilah apa yang dibuat. *Insya-Allah*.

Encik Abdul Halim bin Wan Ismail: *Insya-Allah*. Akan tetapi kita hendak ini diperundangan, digazet dalam Peraturan Pilihan Raya, ada *observers*. Kalau tidak ikut SPR hendak buat – kalau Pengerusi SPR kata tidak boleh atau ada cuit-cuit dari belakang kata “*Jangan, jangan*”, maka dia pun jangan beri, *observant* tidak boleh. “*Dia lihat kita buat, habislah kita kena hentam dalam PBB.*” Ini kita bimbang. Jadi kita hendak supaya keputusan yang dicapai, yang diputuskan oleh rakyat Malaysia dalam PRU atau PRK atau PRN diterima bukan sahaja oleh rakyat Malaysia tetapi oleh masyarakat antarabangsa. Caranya, *insya-Allah*, kemukakan kepada kami, *insya-Allah* kami akan *forward* dalam e-mel dan sebagainya. Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya serahkan kepada sahabat saya yang lain.

Encik Abdul Halim bin Yusof: Okey, terima kasih kepada Tuan Pengerusi Jawatankuasa. Inilah persembahan kita, *presentation* kita untuk Jawatankuasa Pilihan Khas Berhubung Dengan Penambahbaikan Proses Pilihan Raya Malaysia dan saya mewakili Gabungan NGO Kelantan mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa kerana mengizinkan masa dan peluang untuk kami menyampaikan apa yang kami mahu sampaikan. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Terima kasih. Bagi pihak Jawatankuasa, saya mengucapkan juga ribuan terima kasih kepada Gabungan NGO Kelantan yang diketuai oleh Dr. Abdul Halim bin Yusof bersama-sama dengan rakan-rakannya, terima kasih. Jika ada tambahan, *please email* kepada kita untuk kita ambil perhatian. Terima kasih. *Assalamualaikum*.

Okey, kita ada seorang iaitu Yang Berhormat Dato' Abdul Fatah bin Mahmood. Selamat datang. Sila memperkenalkan diri. Seorang sahaja kah?

Dato' Abdul Fatah bin Mahmood [Wakil EXCO Kerajaan Negeri Kelantan]: Saya seorang lagi. Baru seorang.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey. Jadi Dato' Abdul Fatah sebagai individu ini, bukan mewakili parti?

Dato' Abdul Fatah bin Mahmood: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Silakan.

11.25 pg.

Dato' Abdul Fatah bin Mahmood: Saya Abdul Fatah bin Mahmood, Exco Kerajaan Negeri Kelantan, ADUN Bukit Panau.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey Yang Berhormat, silakan.

Dato' Abdul Fatah bin Mahmood: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh... [Membaca sepotong ayat al-Quran] "Sesungguhnya Allah SWT memerintahkan kamu supaya mengembalikan amanah kepada mereka yang berhak".*

Terima kasih kepada Tuan Pengerusi, seluruh Ahli Jawatankuasa PSC dan seluruh hadirin yang dikasihi sekalian. Saya pada hari ini ingin bercakap dalam empat perkara.

Pertamanya adalah saya ingin menambah pada perkara mengenai nombor siri kertas mengundi. Walaupun telah dibincangkan tetapi saya ingin juga mengadakan sedikit, mungkin tambahan. Ini disebabkan yang mana nombor siri ini adalah menjadi suatu kegerunan kepada pengundi-pengundi khususnya di kalangan askar, polis, pegawai kerajaan dan lebih-lebih lagi orang atas pagar yang ada kepentingan dengan kerajaan yang sedia ada.

Untuk mengatasi masalah ini, walaupun mungkin dibincangkan kemungkinan-kemungkinan berlaku pemalsuan pada kertas ataupun di dalam bila mana nombor siri itu tidak diadakan, jadi saya mencadangkan supaya kertas undi yang bakal dikeluarkan nanti adalah merupakan kertas undi yang menggunakan sistem-sistem terkini seperti menggunakan bar kod dan sebagainya yang akan memastikan tidak ada kertas-kertas undi palsu yang boleh dibawa masuk ke dalam tong undi. Walaupun kita tahu duit pun ada yang boleh buat duit palsu sekarang ini, tetapi kita kenal, pegawai bank kenal duit palsu. Begitu juga SPR yang boleh mengenali kertas undi palsu itu. Itu yang pertama.

Keduanya adalah mengenai pengundi tentera. Oleh kerana ataupun mungkin disebabkan oleh faktor-faktor tertentu, sehingga kini, kami – saya mewakili PAS – tidak dibenarkan untuk pergi berkempen terutama di dalam kem tentera. Parti-parti memerintah boleh masuk kem tentera. Ini sebagaimana yang berlaku di Bagan Pinang yang mana Menteri-menteri masuk berkempen dalam kem tentera tetapi kami tidak boleh masuk.

Saya ingin mencadangkan kepada suruhanjaya pada hari ini supaya sewaktu pengenalan calon, letakkan pembangkang dan juga calon kerajaan pada masa itu. Maknanya dua orang calon diletakkan di hadapan untuk mereka membentangkan manifesto mereka dan juga mungkin jika perlu ada persoalan daripada audiens. Maknanya mungkin lebih terbuka dan ini akan memberikan suatu yang lebih bebas kepada anggota tentera untuk hendak membuat pilihan. Maknanya kalau kita lihat banyak tempat yang membenarkan dua orang calon ini yang membentangkan manifesto mereka. Mungkin di luar keperluannya mungkin tidak sepenting di dalam kem. Itu yang pertama.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Minta penjelasan. Maksudnya kedua-duanya dibawa masuk bersama ke dalam kemlah?

Dato' Abdul Fatah bin Mahmood: Kedua-duanya ke dalam kem ataupun kedua-duanya di luar kem.

Kalau hendak buat di luar kem, pastikan juga kerajaan ataupun *caretaker government* tadi tidak boleh masuk ke dalam kem. Sama-sama tidak boleh masuk ataupun kedua-duanya boleh masuk. Kaedahnya, tadi saya buat satu cadangan, itu yang pertama.

Keduanya adalah mesti mengundi di luar dari kem. Orang Kelantan panggil '*kwong*'. '*Kwong*' ini maksudnya fobia. Dia takut, masuk-masuk dia jadi gerun. Dia hendak mengundi PAS dah tetapi sebab '*kwong*' itu syaitan, dia heret – '*kwong*' ini biasanya ke arah syaitanlah.

■1130

Malaikat biasanya dia tidak bawa '*kwong-kwong*' ini. Itu yang kedua. Jadi, saya sangat-sangat berharaplah untuk PRU 13 nanti, jika ada pilihan raya, supaya tentera mengundi di luar kem, tidak di dalam kem walaupun di pintu masuk dibuat satu *booth* untuk mengundi. Itu yang kedua.

Yang ketiganya adalah teknikal iaitu dari sudut daftar pemilih. Pengalaman saya dari tahun 2003 menghalau hantu dan saya rasa mungkin DUN saya, DUN Bukit Panau, sejarah kepada Malaysia ini yang halau hantu seribu lebih untuk satu pilihan raya. Tahun 2003, saya habis duit RM18,000 untuk halau hantu sebab pada masa tahun 2003, satu daftar pemilih diwajibkan bayar RM10. Jadi apabila seribu lebih, kita habis RM18,000 untuk nak bayar *fee* kepada SPR. Lebih menyedihkan lagi, untuk nak menyediakan dokumen-dokumen ini untuk kita hendak pergi berlawan di dalam mahkamah dengan SPR ini, kita memerlukan untuk membuat persediaan-persediaan yang teliti supaya kita boleh memastikan bahawa mereka ini memang tidak ada di dalam mukim tersebut.

Contohnya di dalam DUN saya, tanah – dekat tandas pun ada. Kawasan tandas, belakang rumah pun ada daftar pemilih seramai 38 orang. Stesen Bas Tanah Merah di Jalan Dato' Wan Mustafa ada 58 orang pengundi hantu. Itu daripada tahun 2003. Cumanya, kesilapan saya pada masa itu adalah saya tidak sempat nak masukkan hantu ini dalam botol menyebabkan mereka keluar balik. Tahun 2009, 2010 dan 2011, saya terpaksa melantik daripada tahun 2008 tiga orang petugas khas untuk meneliti semua rang daftar pemilih yang dikeluarkan, setiap kali keluar rang daftar pemilih saya akan membuat bantahan sebab saya yakin mereka tidak layak, mereka tidak bermukim di dalam DUN saya.

Hari ini saya juga ingin memberikan sedikit sebagai bahan bukti kepada suruhanjaya sebagai oleh-oleh untuk dibawa balik, saya bahagikan semua ini. Ini baru sedikit, bayangkan 2,000 lebih dan daripada tahun 2008 sehingga akhir 2011, rang yang keempat 2011, saya di Tanah Merah telah membelanjakan RM30,000 lebih hanya untuk membayar kepada SPR. Duit sumbangan rakyat untuk parti melaksanakan kebajikan terpaksa diberikan kepada SPR sebab itu saya membacakan ayat tadi supaya kerajaan melihat kembali, PSC boleh mencadangkan supaya perkara ini tidak berlaku dan sebab itulah cadangan saya yang keempat ini adalah supaya...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Senarai apa itu Yang Berhormat?

Dato' Abdul Fatah bin Mahmood: Saya akan serahkan kepada...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Senarai apa, mengandungi...

Dato' Abdul Fatah bin Mahmood: Senarai ini sebagai contoh yang terdekat iaitu yang saya bantah pada tahun 2010 rang yang kedua. Saya bantah pada 20 Julai 2010 rang yang kedua dan kita bicara dalam hujung tahun, bulan 10 dan SPR menerima bantahan kami dengan alasan-alasan yang kita berikan dan bukti-bukti yang kita bawa. SPR menerimanya dan tidak memasukkan nama mereka ke dalam rang tersebut. Malangnya, saya sebutkan tadi saya lupa memasukkannya ke dalam botol, 2011 rang yang kedua juga, nama yang sama dimasukkan kembali?

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Di Parlimen Tanah Merah?

Dato' Abdul Fatah bin Mahmood: Parlimen Tanah Merah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey.

Dato' Abdul Fatah bin Mahmood: Yang saya bawa ini cuma...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Saya faham.

Dato' Abdul Fatah bin Mahmood: DUN Bukit Panau, Yang Berhormat mungkin kenal Ketua Bahagian Tanah Merah yang di dalam perbicaraan sekarang ini, itu yang pertama. Jadi, saya menyebutkan kalau saya ambil daripada 2003, yang saya bantah 2003 pun ada yang keluar rekod. *Alhamdulillah*, saya di antara DUN – sebab saya ada jawatankuasa khas untuk meneliti benda ini, kita ada rekod yang kemas. Jadi, hari ini saya hendak berikan sebahagian daripada – bentara boleh datang ambil. *Alhamdulillah* tahun 2011 yang lalu, kita membuat bantahan pada 23 Ogos setelah dibentangkan, SPR juga menerima dan sekali lagi SPR membuang nama. Saya menunggu rang yang terakhir baru-baru ini, rang yang keempat kerana dimaklumkan kepada saya bahawa nama-nama tahun 2003 dahulu akan dimasukkan kembali di dalam rang yang keempat. Untuk kali ini saya akan membuat laporan polis supaya diberikan satu perhatian dan *insya-Allah* hantu akan dimasukkan ke dalam botol selepas ini, terima kasih.

Jadi, saya pada hari ini sangat-sangat mengharapkan kepada suruhanjaya supaya – yang ditubuhkan pada hari ini dapat mencadangkan satu kaedah supaya perkara-perkara penipuan ini – Saya letakkan penipuannya adalah bilamana calon yang lawan saya pada tahun 2004 dan sekarang ini menjadi pengarah kepada DUN saya menyebut di dalam akhbar, dia mengatakan saya tidak mahu membenarkan orang mengundi. Satu tuduhan yang liar dan saya simpan keratan akhbar untuk saya tunggu untuk dibawa jika berlaku nanti saya buat repot polis, bukti. Dia kata saya ini orang yang suka membuang pengundi yang didaftarkan, saya menafikan hak orang sedangkan kita ada termaktub bermukim itu untuk mengundi di dalam mana-mana tempat sebab bagi saya untuk hendak memilih pemimpin mestilah anak tempatan yang bermukim di situ untuk memilih pemimpin mereka dan bukannya hantu daripada Sabah, Johor dan daripada yang di atas sekali iaitu Perlis pun ada. Dari negeri Yang Berhormat pun ada, semuanya ada dan sepatutnya dihantar balik.

Jadi, saya hendak sebutkan, maknanya kerja ini adalah kerja orang Barisan Nasional kerana orang yang menyebutkannya tadi adalah bekas calon Barisan Nasional ataupun UMNO yang melawan saya dan benda itu termaktub di dalam *Sinar Harian* kecuali dia boleh menafikan kata-kata dia di dalam *Sinar Harian*. Jadi, saya sangat-sangat mengharapkan pada hari ini agar dapat diberikan pertimbangan supaya perkara ini tidak berulang, itu yang pertama. Saya juga ingin tegaskan yang keempat tadi iaitu *fee* kepada SPR ini dihapuskan kembali. Kembalikan kepada deposit sebab bagi kami, walaupun RM10 seorang kalau 3,000 orang terpaksa membelanjakan RM30,000, kami tidak mampu hendak membelanjakan duit sumbangan rakyat kami kepada perkara yang zalim ini.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Deposit, maknanya macam mana itu?

Dato' Abdul Fatah bin Mahmood: Deposit kekal, deposit maknanya kita dapat kembali. Sebelum 2003 jika kita menang di dalam pembawaan kes itu, perbicaraan, kita dikembalikan semula duit tersebut. Jadi kita rasa perlu dikembalikan semula, tidak menjadi *fee* kepada SPR untuk pengurusan.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kalau bantahan kita ditolak, tidak apa, SPR boleh pegang duit, begitu?

Dato' Abdul Fatah bin Mahmood: Tidak apa, kita *fair and square*, terima...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi, deposit itu bermakna RM10 lah?

Dato' Abdul Fatah bin Mahmood: RM10.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey, sebagai deposit jikalau...

Dato' Abdul Fatah bin Mahmood: RM10 *per head* setiap kali bantahan.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey.

Dato' Abdul Fatah bin Mahmood: Kalau seorang sudah tiga kali bantah, RM30.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey.

Dato' Abdul Fatah bin Mahmood: Satu yang RM30 itu mungkin kita nampak kecil tetapi persediaan kepada barang-barang ini dan saya juga terpaksa menanggung kos ahli jawatankuasa yang terpaksa menjadi pekerja tetap saya hanya untuk menjadi orang yang memantau rang daftar pemilih yang dikeluarkan empat kali setahun.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi, dianggap sebagai deposit sahajalah...

Dato' Abdul Fatah bin Mahmood: Dianggap sebagai...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jika menang dikembalikan semula...

Dato' Abdul Fatah bin Mahmood: Deposit dan diberikan kembali apabila kes itu menang kepada kami yang membantah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Okey.

Dato' Abdul Fatah bin Mahmood: Okey, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey terima kasih. Saya difahamkan ada seorang – ada individu...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

[Saksi individu (Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh) mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

11.38 pg.

Tuan Pengerusi: Saudara Wan Abdullah Aqili, ini daripada pasukan yang sama?

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh [Individu]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Individu? Okey perkenalkan diri, kami khususnya mengutarakan hal-hal yang baru ataupun tambahan maklumat kepada hal-hal yang sudah dibangkitkan ya. So, saya berikan peluang tiga minit cukup? Kalau diminta – lima minit.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Lima minit.

Tuan Pengerusi: Lima minit, okey silakan.

11.40 pg.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih kepada Tuan Pengerusi kepada Jawatankuasa Pilihan Khas Penambahbaikan Proses Pilihan Raya. Ada beberapa isu yang saya hendak bangkitkan di sini, yang pertama berkaitan dengan isu partisipasi rakyat dalam perjalanan proses pilihan raya itu sendiri. Kita sedia maklum bahawasanya pilihan raya merupakan satu mekanisme penting yang mana proses ini adalah proses di mana rakyat sendiri harus mengambil bahagian.

Ertinya keterlibatan itu harus di semua peringkat bukannya ia menjadi satu bentuk keterlibatan secara eksklusif oleh pihak-pihak elit di dalam negara, ia harus menjadi satu partisipasi yang bersifat rakyat kerana demokrasi itu asasnya daripada rakyat. *“The government from the people, by the people, to the people,”* itu asas di dalam prinsip demokrasi yang harus difahami. Jadi, saya melihat apa yang berlaku di dalam pilihan raya kita sepanjang saya mengundi, saya baru satu kali mengundi nama saya Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh, bukan ‘Aquili’ tetapi Aqili, bukan ‘Ongkili’ tetapi Aqili...

Tuan Pengerusi: Dekat nama bapa saya itu, nama Ongkili.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Pengundi.

Tuan Pengerusi: Salah-salah daripada Kelantan kami ini.... [*Ketawa*]

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Saya IC 14, lahir di Kuala Lumpur tetapi mengundi di Kelantan.

Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Sudah berapa kali?

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: DUN Panchor, Parlimen Pangkalan Chepa.

Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Akan tetapi Yang Berhormat, saya rasa itu tidak adil...

Tuan Pengerusi: Baru berapa kali mengundi?

Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Baru sekali mengundi.

Tuan Pengerusi: So, umur Encik berapa sudah?

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: 30 tahun, muda lagi.

Tuan Pengerusi: Oh! Yang lain itu *you* tidak datang, yang sebelum itu *you* tidak datang?

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Belum...

Tuan Pengerusi: Oh!

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Kali pertama mengundi.

Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Jadi, saya melihat proses pilihan raya kita ini terlampau eksklusif, rakyat tidak merasakan bahawasanya mereka harus mengambil bahagian secara aktif. Sepatutnya berasaskan kepada deklarasi hak asasi manusia sejagat, Artikel 21 yang telah saya sebutkan di sini. Perkara 21(1), *“Setiap rakyat berhak mengambil bahagian dalam kerajaan negaranya secara langsung atau melalui wakil-wakil yang dipilih dengan bebas.”* Ertinya rakyat berhak tidak harus diberi suatu kuasa eksklusif, maknanya harus bersifat *inclusive*, itu asasnya. Oleh kerana itu bagi saya harus ada usaha penambahbaikan di pelbagai peringkat. Saya melihat di sini hari ini kerajaan yang dipilih selalu bercakap soal rakyat harus berterima kasih kepada kerajaan, sepatutnya kerajaan harus berterima kasih kepada rakyat kerana mengundi mereka, menjadi wakil.

Dato’ Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Betul-betul.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Itu adalah asas yang penting bagi saya selaku pengundi muda yang saya rasa saya telah muak dengan kaedah lama, yang telah memang saya boringlah. Harus difahami bahawasanya dunia hari ini telah berlaku perubahan demokrasi yang ketara. Kita menyebut isu *occupied* sebagai contoh di dalam dunia hari ini, rakyat telah muak, parti ‘A’ telah diberikan kuasa, parti ‘B’ telah diberikan kuasa tetapi sama sahaja. Jadi rakyat tidak mahu lagi berfikir seumpama ini akan merosakkan nasib rakyat, akhirnya pengangguran berlambak di dalam negara, itu masalah. Saya rasa ini asas yang perlu difikirkan secara mendasar dan antara cadangan-cadangan saya adalah...

Tuan Pengerusi: Cadangan-cadangan bagaimana memperbaiki keadaan...

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Saya *straight to the point*, cadangan saya SPR sebagai sebuah badan yang bertanggungjawab kepada proses pilihan raya hendaklah menjalankan satu bentuk pendidikan memilih secara proaktif, bukan sahaja aktif tetapi proaktif itu asas. Khususnya di dalam menyatakan hak rakyat dalam menentukan wakil mereka dalam Parlimen atau Dewan Undangan Negeri bahkan saya rasa pengundian di peringkat daerah, majlis daerah harus diadakan, kerajaan tempatan harus diadakan supaya lebih bersifat mendasar.

Antara cadangannya adalah seperti pertama, proses pilihan raya dan kuasa undi rakyat adalah sentiasa diuar-uarkan kepada rakyat sama ada melalui media massa secara berterusan khususnya media kerajaan sendiri. Ini adalah kerana kerajaan ini dipilih oleh rakyat, melalui Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan Malaysia, bukan bersifat eksklusif kepada parti kerajaan semata-mata bahkan harus bersifat rakyat, okey.

■1145

Tuan Pengerusi: Saudara Wan Abdullah Aqili.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Ya.

Tuan Pengerusi: Masalahnya kalau soal pendidikan ini, kalau di sekolah ya kurang itu amat sedikit untuk membincangkan soal *electoral system* dan seterusnya ada satu cadangan ialah tubuhkan akademi di bawah SPR sendiri yang literal...

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Ya, SPR pada saya perlu turun kepada peringkat sekolah itu sendiri, supaya sistem itu dibentuk, sistem itu maknanya rakyat terasa, anak-anak kita daripada bangku sekolah lagi terasa bahawasanya mereka perlu berpartisipasi dalam urusan-urusan kerajaan mereka. Itu saya rasa akan membantu proses kestabilan politik dalam negara dan juga akan memastikan demokrasi kita akan lebih maju. Termasuk juga syarikat-syarikat penyiaran swasta dalam negara, akhbar-akhbar arus perdana bukan lagi bersifat kepartian dan sebagainya.

Maknanya mereka harus sentiasa diuar-uarkan. Tidak cukup sekadar blog-blog ataupun Facebook semata-mata dan kita – benda ini saya rasa harus dilihat secara positif. Jangan terlampau negatif terhadap rakyat. Rakyat harus di puju mereka kerana mereka adalah penentu kepada kuasa selaku kerajaan yang hendak kawalkan mereka. Okey, antara program pendidikan pengundian wajar termasuklah bagi saya seperti lagu-lagu, rancangan komedi berbentuk humor yang memaklumkan kepada rakyat kepentingan mengundi, bagaimana untuk mengundi dan kenapa rakyat wajib mengundi hendaklah menjadi inti pati kepada pendidikan pengundi itu sendiri.

Kedua, hendaklah diterapkan dalam pengundian sistem pendidikan negara melalui Kementerian Pelajaran Malaysia sendiri seperti yang telah sebut tadi iaitu dengan merangka kurikulum pendidikan pengundi di sekolah-sekolah. Bahkan saya rasa lebih baik daripada sekolah rendah lagi. Bahkan kalau boleh dekat tadika dengan mengintegrasikan pendidikan sivik dan kenegaraan agar rakyat terdidik sejak daripada bangku sekolah lagi untuk berpartisipasi dalam urusan demokrasi negara mereka.

Ketiga, hak rakyat dalam pengundian khususnya dalam menentukan wakil mereka hendaklah menjadi satu perkara yang jelas kepada rakyat. Rakyat hendaklah dididik menjadi warganegara yang bertanggungjawab terhadap negara dan suara mereka itu lebih kuat lagi. Pada saya pihak SUHAKAM juga harus sewajarnya bersama dengan SPR dalam menjayakan misi dan mekanisme cadangan ini.

Tuan Pengerusi: Okey, apa lagi?

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Saya melihat ada sebagai contoh dalam *report* laporan, banyak badan pemantau antarabangsa kita melihat mereka golongan agamawan. Contohnya, Buddhist paderi kalau kita itu imamlah, imam negara kita terlibat dalam urusan bukan sahaja mengundi tetapi memantau proses pilihan raya itu agar berlaku adil, bebas itu yang berlaku. Kita hendak ke arah itu kerana apa? Bagi saya golongan inilah institusi yang dipercayai oleh rakyat. Mereka rasa bahawasanya mereka ini merupakan orang, manusia suci yang mungkin tidak akan bohong dan bersifat universal.

Banyak dalam pilihan raya kalau kita lihat di Thailand, di Kemboja, di Philippine sendiri itu yang berlaku. Satu lagi cadangan dalam isu yang saya bangkitkan ini, SPR juga harus menggunakan pelbagai kaedah pendidikan pemilih untuk melengkapkan bahan bertulis dihantar kepada setiap isi rumah di seluruh negara dan media jangkauan. Maknanya rakyat terasa bukan sahaja untuk hendak – undilah parti aku tidak tetapi menjadi pemilih yang baik. Usaha khas perlu dibuat untuk mendekati pengundi di kawasan luar bandar seperti pedalaman dan pengundi warga tua yang tidak pandai membaca, tidak pandai bertulis. Bagaimana mereka mengundi dengan betul termasuk juga Orang Kurang Upaya (OKU).

SUHAKAM ada guna perkataan baru...

Seorang Ahli: Kelainan upaya.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Kelainan upaya ya betul, kelainan upaya kerana mereka berhak dalam negara mereka. Oleh kerana mereka tidak menerima pendidikan pengundi yang cukup jadi akhirnya rakyat jadi bahasa Kelantan panggil "*bodoh gitulah*" sampai bila-bila akan diperbodohkan oleh mereka yang berkuasa. Tidak, maknanya hari ini kita hendak supaya rakyat benar-benar berkuasa dalam menentukan hak dan kuasa mereka sebab *government from the people by the people to the people* itu asas dalam demokrasi. Saya rasa ini paling penting bagi kita memastikan negara kita menjadi negara yang stabil tidak sebagaimana negara-negara lain yang huru-hara dan sebagainya. Itu saya rasa paling penting dalam usaha ke arah memperbaiki. Ini kerana saya rasa pendidikan ini perkara yang amat penting.

Saya rasa pendidikan tidak berlaku saya rasa pendidikan demokrasi tidak berlaku, tidak benar-benar berlaku, barangkali hak asasi manusia itu tidak berlaku harus ada satu usaha. Itu isu yang pertama.

Isu kedua, saya rasa Yang Berhormat ada sebut isu berkenaan dengan undi adalah rahsia. Undi rahsia adalah merupakan salah satu bukti kepada keabsahan sebuah kerajaan yang dilantik oleh rakyat dalam mana-mana pilihan raya yang dijalankan oleh negara-negara yang mengamalkan sistem demokrasi. Ini jelas melalui Deklarasi Hak Asasi Manusia Sejangat, Perkara 21(3) yang sama...

Tuan Pengerusi: Okey.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Sebagaimana yang saya telah tulis...

Tuan Pengerusi: Apakah masalah sekarang? Tidak cukup rahsiakah atau...

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Okey, okey apa?

Tuan Pengerusi: Apa masalah sekarang?

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Saya merasakan rakyat secara umumnya merasakan undi tidak rahsia. Tidak terasa kerahsiaan itu. Bahkan terasa mereka ketakutan untuk mengundi siapa yang mereka hendak pilih. Mereka rasa macam ada satu yang disebut sebagai fobia tadi. Itu yang saya rasa itu yang berlaku.

Saya pun kadang-kadang terasa cuba menyelami dalam proses hendak faham bagaimana datuk saya, ayah saya dan saya sendiri bahkan saya kadang-kadang hendak bercakap soal politik dalam keluarga saya yang kadang-kadang *narrow minded* tidak ada isu politik ini juga agak sukar.

Jadi saya rasa apa lagi dalam soal ini soal hendak mengundi. Saya rasa ada macam ada satu tidak berani hendak bagi keputusan ataupun ikut cocok hidung. Itu tidak betul. Apabila undi ini tidak lagi rahsia, ia akan menyebabkan kerajaan yang dipilih itu adalah kerajaan yang tidak sah bagi saya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Encik Wan, Encik Wan mengundi sekali sahaja.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Ya, betul.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Ya.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Tetapi apa...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Jadi saya hendak tanya, apabila Encik Wan mengundi kali yang pertama itulah apa yang Encik Wan berasa yang takut yang hendak undi itu adalah tidak rahsia...

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Ketakutan saya sebagai contoh sebagai seorang penjawat awam sama ada seorang itu guru, polis, tentera mereka merasakan mereka...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Encik Wan sendiri, Encik Wan sendiri...

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Saya sendiri macam ada...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Apa yang Encik Wan rasa...

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Takut disebabkan kalaulah, saya rasa saya tidak takut sebab saya sudah memahami dalam aspek Perlembagaan Negara, hak saya dan saya tidak ada masalah. Akan tetapi, rakyat yang lain, itu yang berlaku. Mereka rasa macam hendak beri keputusan itu takut tambah pula aku sudah dapat wang RM100,000, RM500 sebagai contoh. Kalau aku undi ini akan periuk nasi aku akan – maknanya begitu yang berlaku dalam rakyat. Makna kita harus buang...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Saya hendak tanya Encik Wan sendiri.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Encik Wan mengundi sekali sahaja.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Ya, betul.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Semasa Encik Wan pergi buang undi itu adakah Encik Wan sendiri berasa tidak selesa bahawa undi aku ini...

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Ya betul, saya rasa tidak selesa. Saya sendiri berasa tidak selesa sebenarnya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Macam mana kita tahu undi kita itu orang tahu.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Sebagai contoh, nombor siri, sebab itu dalam cadangan saya sebut, nombor siri pada kertas undi hendaklah ditiadakan terus dan hanya dikekalkan pada *counter foil* kertas undi sahaja. Itu.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Cuba ceritakan pada saya, Encik Wan masuk mengundi. Nama Encik Wan disebut Encik Wan masuk bagi nombor kad pengenalan sebut nama Encik Wan dengan secara yang lantang. Jadi diberi kertas undi.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Selepas itu, Encik Wan masuk pergi ke tempat itu undi. Siapa yang akan tahu bahawa Encik Wan mengundi kertas itu nombor siri itu? Cuba bagi tahu pada saya. Saya hendak tahu sebab saya bertanding sejak tahun 1982 ini lagi ini.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Ya.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Cuba bagi tahu pada saya. Siapa yang akan tahu Encik Wan punya kertas undi itu.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Saya tidak bercakap dalam aspek siapa tahu. Orang tidak tahu tetapi unsur ugutan dalam proses...

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Oh!

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Proses pilihan raya sebab itu saya sebut isu nombor siri. Saya terasa nombor siri menjadi satu ugutan sebenarnya ugutan terhadap...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Encik Wan Abdullah Aqili, maksudnya ini Yang Berhormat Kuala Krai.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Ya.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Maksudnya ada yang mengatakan jangan, hamba tahu mu, dia orang ini orang kuat ini begitu?

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Betul. Itu yang berlaku, itu yang berlaku. Tahu! Ada orang politik kata, "*Oh! Kita tahu demo ini gapo*"... [Menggunakan dialek Kelantan] Orang tahu demo ini tidak usah undilah.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Yalah itu cakap-cakap sahaja. Akan tetapi adakah tahu...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Jadi maksudnya kalau kita kurangkan satu faktor yang boleh menakutkan ini itu adalah satu kebaikan.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Ya, betul. Kita akan menambahbaikkannya rasa itu paling penting.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Penting, okey.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Bermaknanya – begitu juga dalam aspek saya cuba hendak bagi orang faham.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kapit, Yang Berhormat Kapit menyambung ya.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Kenapa?

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kapit.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Okey.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Sedikit sahajalah cuma hendak tanya. Encik Wan ini ahli parti?

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Tidak.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tidak.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Saya individu.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Individu okeylah. Kalau individu kalau seseorang itu ahli parti, bagi saya tidak perlu takutlah kalau...

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Saya mewakili saya sebagai rakyat.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Sebagai rakyat.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: *Citizen* dalam negara ini berhak untuk memilih siapa sahaja yang saya hendak pilih.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Jadi...

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Saya hendak pilih BN...

Datuk Alexander Nanta Linggi: Akan tetapi takut diketahui...

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: *So, what* saya boleh pilih Pakatan Rakyat. *So what?* Itu saya berhak.

Tuan Pengerusi: Okey, teruskan *last one minutes*.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Okey, okey saya cuba hendak faham bagaimana Akta Keselamatan Pilihan Raya 1954, Akta 5, seksyen 5 itu memelihara kerahsiaan dalam pilihan raya. Adakah akta ini benar terpakai dalam sepanjang proses pilihan raya berlaku. Saya lihat maknanya unsur akta itu sendiri tidak bersifat rakyat. Dia akan lebih bersifat kepada angkat sumpah borang 'A', ejen itu sahaja. Sifat maknanya semasa itu semasa proses pembuangan undi itu tidak terasa ataupun semasa kempen unsur ugutan orang panggil unsur indoktrinasi bahawa undi tidak rahsia ini yang berlaku. Jadi hendak kikis...

Tuan Pengerusi: *So*, apa yang Encik Wan tekankan ini ialah ada anggapan bahawa...

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Itu persepsi rakyat itu saya bercakap dalam aspek...

Tuan Pengerusi: Undi itu tidak rahsia jadi lebih banyak diperjelaskan bahawa dia hendak adalah rahsia dan perketatkan mana-mana prosedur yang memberi gambaran bahawa undi itu tidak rahsia. Itu yang kita ingin tekankan.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Jadi saya hendak cadangkan kepada SPR supaya perlu mengadakan satu penjelasan yang serius. Kalau SPR mengatakan pilihan raya ini rahsia maknanya perlu ada satu penjelasan yang serius dan berterusan kepada rakyat melalui media massa akan jaminan kerahsiaan undi itu sendiri. Sehingga keraguan rakyat terhadap undi mereka tidak rahsia dapat dihapuskan. Maknanya ini isu persepsi mungkin benda ini rahsia betul saya pun rasa rahsia tetapi persepsi rakyat tidak rahsia dan ugutan oleh parti politik tidak rahsia terutama parti yang memerintah.

Tidak kiralah maknanya siapa-siapa yang memerintah satu-satu masa mungkin dia akan guna kaedah jangan undi parti lawan. Pembangkang contohnya jangan undi pembangkang kalau kata Pakatan Rakyat jadi pemerintah dia sudah lama sebagai contoh lama memerintah jadi dia buat ugutan kepada siapa-siapa yang mengundi BN. Hendak undilah BN aku tukar. Buat kaedah yang tidak betul. Saya tidak sokong maknanya tidak harus berlaku kerana ini adalah hak, ini bercanggah dengan hak asasi manusia. Itu yang saya tekankan sebab ini adalah hak asasi manusia bukan soal *survival* parti politik ataupun sesiapa. Hak rakyat itu sendiri, hak manusia kesejagatan itu sendiri harus tekankan dalam soal ini.

Tuan Pengerusi: Okey, *I think* boleh gulunglah. Sudah habiskah.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Ada cadangan lagi poster macam mekanisme biasa saya rasa ini boleh difikirkan sendirilah supaya ia menjadi satu deklarasikan yang difahami oleh rakyat secara umum. Poster jaminan undi adalah rahsia perlu disebar luas kepada musim pilihan raya itu sendiri dan musim-musim yang lain juga. Itu di antara dua, tiga cadangan saya. Jadi itulah isu dan juga syor saya terhadap Jawatankuasa...

Tuan Pengerusi: Terima kasih banyak-banyak...

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Khas berhubung dengan penambahbaikan proses pilihan raya. Saya juga mengharapkan jawatankuasa ini benar-benar menjadi jawatankuasa bersifat rakyat itu saya tekankan supaya negara ini stabil dan negara kita menjadi negara yang berada demokrasinya yang baik. Itulah harapan saya sebagai rakyat sebab saya yakin sistem demokrasi ini ada memberi ruang kepada rakyat untuk menjadi rakyat yang cerdas. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Terima kasih saudara...

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Wan Abdullah Aqili...

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Aqili, "A-Q-I-L-I"...

Tuan Pengerusi: Aqili, Aqili.

Encik Wan Abdullah Aqili bin Wan Jusoh: Saya rasa macam saudara kita ini... *[Ketawa]*

■1200

Tuan Pengerusi: Ada perhubungan darah antara Sabah dan Kelantan. Okey, terima kasih. Banyak input-input yang saya rasa memang begitu – *it is very passionate about it to see things improve* dan seterusnya. Itu juga perjuangan Jawatankuasa ini. Kalau ada persepsi yang kalau luas seperti begitu dan memanglah kita perlu *address* perkara-perkara ini.

Saya hendak pergi ke kumpulan terakhir pada hari ini, memang petang ada lagi iaitu satu kumpulan yang boleh dikatakan biro NGO PKR Kelantan. Ada lima nama di sini. Sila maju ke hadapan. Satu Tuan Haji Abu Samah, ada di sini? Naziratul Aini binti Muhd Sayuty dan ada seorang muda berumur 18 tahun, namanya Encik Muhammad Khairul Miqdat bin Mohd Noran. Pemuda ini pun mahu bercakap. Saya rasa boleh kita dengar keluhan ataupun input cadangan baik daripada generasi muda.

Saya mulakan kerana ada tiga yang berucap. Barangkali boleh asing-asingkan. Pihak Jawatankuasa hendak mendengar perkara-perkara yang baru ataupun penekanan kepada perkara-perkara barangkali yang sudah dibincangkan, tetapi dari segi pelaksanaan bagaimana melaksanakan itu. Saya minta Tuan Haji Abu Samah mulakan dahulu. Cuba lima minit, kalau perlu panjang sedikit saya boleh pertimbangkan. Sila.

[Saksi dari Biro NGO PKR Kelantan mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

12.01 tgh.

Tuan Haji Abu Samah bin Hassan [Ketua Biro NGO PKR Kelantan]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera. Tuan Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen, Ahli-ahli Jawatankuasa dan hadirin yang dihormati sekalian. Saya Abu Samah bin Hassan sebagai Ketua Biro NGO Guaman dan Pimpinan Masyarakat Parti Keadilan Malaysia Kelantan ingin mencadangkan beberapa perkara. Namun saya rasa selepas saya hadir daripada pagi tadi, ada di antara cadangan-cadangan yang akan saya ke muka dalam Hansard ini nampak berlapis dan bertindih dengan cadangan-cadangan lain. Jadi, saya tidak berhajat untuk menghurai lebih lanjut untuk mengurangkan waktu iaitu hanya saya baca dahulu. Kalau Tuan Pengerusi agak perlukan huraian saya, maka saya akan huraikan.

Cadangan pertama iaitu adalah dicadangkan mewujudkan satu peruntukan undang-undang pilihan raya untuk mewajibkan pengundi mengundi. Kedua, adalah dicadangkan juga had kelayakan umur seperti yang telah disebut pagi tadi mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun bagi lelaki dan sedikit berbeza dengan saya iaitu perempuan 16 tahun. Saya menghormati perempuan kerana perempuan lebih matang, cepat matang ataupun perempuan yang sudah berkahwin.

Ketiga adalah dicadangkan pihak SPR memberi tumpuan kepada penjelasan bahawa undi adalah rahsia, sekali lagi telah disebut. Keempat adalah dicadangkan sebarang dana berkaitan pilihan raya diaudit oleh pihak audit bebas atau bertauliah terutamanya yang berkemungkinan bersabit kesalahan di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya, Akta SPRM dan juga Akta Penggubahan Wang Haram.

Kelima adalah dicadangkan sebarang tawaran dan janji bantuan segera oleh pihak bertanding kepada pihak pengundi dipantau dengan lebih berkesan seperti mana yang pernah kita dengar, "*Mu mengundi aku, aku bantu mu. You vote me, I'll help you.*" Itu biasa terdengar sekarang ini, sebelum daripada ini. Gejala ini hendaklah dihapuskan sepenuhnya. Penguatkuasaan seksyen 10, Akta Kesalahan Pilihan Raya hendaklah dikuatkuasakan oleh SPR.

Keenam adalah dicadangkan persempadanan semula pilihan raya dibuat bagi Pilihan Raya Umum Ke-13 dengan diberi penekanan soal keadilan dan juga ketelusan. Ini kerana peraturan yang sedia ada saya lihat dan sahabat-sahabat lain yang lihat seolah-olah telah lari daripada maksud Jadual Ketigabelas, Perlembagaan Persekutuan.

Ketujuh adalah dicadangkan akses kepada media perdana. Diberikan layanan adil kepada semua pihak yang bertanding sama ada dari segi waktunya. Kalau di dalam akhbar, dari segi helaian akhbarnya dan juga kalau dari segi pentas syarahan, maka SPR menyediakan pentas itu. Kelapan adalah dicadangkan tempoh berkempen minimumnya 21 harilah seelok-eloknya. Kesembilan adalah dicadangkan juga pihak SPR perlu sensitif dengan peruntukan Perlembagaan Bahagian II, Perkara 10 yang menyatakan urusan hak kebebasan bersuara dan berhimpun di situ. *Wallahuaklam.* Akhirnya saya serahkan kepada sahabat-sahabat saya yang lain. *Wallahuaklam.*

Tuan Pengerusi: Saya minta Puan Naziratul Aini binti Muhd Sayuty. Sila.

12.05 tgh.

Cik Naziratul Aini binti Muhd Sayuty [Setiausaha Biro NGO PKR Kelantan]: Terima kasih Tuan Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan Parlimen, Ahli Jawatankuasa dan hadirin yang dihormati sekalian. Saya Naziratul Aini binti Muhd Sayuty ingin mencadangkan beberapa perkara kepada Jawatankuasa pada hari ini berkenaan pengukuhan institusi awam pilihan raya dan anak muda mahasiswa. Saya merujuk kepada insiden mahasiswa dibelasah oleh polis dan didakwa oleh pihak universiti yang berlaku di UPSI baru-baru ini. Mereka berhimpun hanyalah untuk menuntut mendapatkan kebebasan terutamanya kebebasan berpolitik.

Sekarang ini pihak SPR kerap mengeluarkan kenyataan bahawa anak muda dalam jumlah yang ramai tidak mendaftar sebagai pengundi dan mempersoalkan kebertanggungjawaban mereka dalam proses pengundian kerana tidak turut mendaftar. Maksud Perlembagaan Persekutuan berkaitan hak warganegara untuk mengundi seharusnya dijemakan dalam akta-akta yang berkaitan terutamanya Akta Universiti dan Kolej Universiti 1974.

Namun malangnya, selama hampir 40 tahun generasi mahasiswa semakin dinafikan hak mereka untuk berpolitik dan berpartisipasi dalam politik. Ini menyebabkan mereka semakin hari semakin jauh dari kesedaran berpolitik dan untuk mendaftar.

Kemuncaknya berlakulah seperti yang berlaku kepada saudara Adam Adli menurunkan bendera Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di PWTC hanya untuk lima minit dan menaikkan bendera Kebebasan Politik Mahasiswa mereka. Jadi ini kita lihat satu kemuncak kemarahan mahasiswa, kebangkitan mereka, kemelut mereka terhadap sistem yang ada.

Pada sayalah, terma rujukan pengukuhan SPR dalam Jawatankuasa ini iaitu Jawatankuasa PSC ini, Jawatankuasa terpilih Parlimen juga sepatutnya meneliti sebagaimana SPR sebagai badan bebas yang menjalankan pilihan raya seharusnya tampil bersuara dan berperanan di universiti. Maka cadangan pertama saya SPR bebas harus diberi lebih kuasa terlibat dalam apa sahaja urusan yang berkaitan pilihan raya termasuk memberi cadangan pindaan kepada mana-mana akta yang didapati mengekang maksud dan akta berkaitan pilihan raya. Contohnya seksyen 15, AUKU itu tadi dan terbaru Rang Undang-undang Perhimpunan Aman 2011. Amat malang, Malaysia mempunyai akta ini.

Saya kira SPR perlu diberi lebih kuasa bagaimana untuk mereka berkempen dan memupuk kesedaran berpolitik, memupuk partisipasi rakyat seperti yang disebutkan oleh Wan Abdullah Aqili tadi jika ada akta-akta *draconian* sebegini. Jadi saya mencadangkan SPR diberi lebih kuasa untuk campur tangan dan memansuhkan mana-mana akta yang dilihat mengekang maksud Perlembagaan perkara 10, maksud SPR untuk mendapat pilihan raya yang bebas dan adil.

Cadangan saya yang kedua, SPR yang bebas harus diberi lebih kuasa bukan setakat menjalankan pilihan raya negeri dan Parlimen bahkan hendaklah masuk menjadi badan penasihat dan pengendali bersama Jawatankuasa Pilihan Raya Kampus bagi menjalankan pilihan raya di kampus. Pengalaman saya bertanding dalam Pilihan Raya Kampus MPP, pada waktu itu tahun 2007 UPM. Walaupun saya menang dengan undi terbanyak, lebih 20,000 mengundi saya tetapi saya hanya mendapat AJK Tugas-tugas Khas dalam Kabinet MPP pada tahun 2007.

Tuan Pengerusi: Tugas-tugas khas itu penting. Semua tugas itu dikhaskan untuk *you*.

Cik Naziratul Aini binti Muhd Sayuty: Untuk makluman Tuan Pengerusi, tugas-tugas khas hanyalah menjaga bilik gerakan, simpan fail, sapu sampah dan kami pernah dinafikan untuk datang mesyuarat. Jadi saya sangat kesal. Saya mempunyai undi terbanyak daripada mahasiswa. Kalau kita kata negara kita demokrasi, angkatlah saya paling kurang setiausaha. Saya *fight* untuk dapat setiausaha, tetapi semua disapu oleh *group* Aspirasi. Jadi...

Tuan Pengerusi: Itu berbeza. Kalau seorang itu Menteri tugas-tugas khas, orang yang antara paling *power*. Semua dia boleh selesai, dia orang hadapan, dia orang antara, macam-macam.

Cik Naziratul Aini binti Muhd Sayuty: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya tahu. Terima kasih. Akan tetapi, saya menuntut hak saya untuk mendapat jawatan yang lebih tinggi...

Tuan Pengerusi: Adik, Yang Berhormat Alor Gajah. Beliau mahu mencelah.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ini tentang keadaan di parti-parti tertentu di Pakatan Rakyat ini. Mungkin keadaan begitu ada calon-calon yang dapat undi yang tertinggi, tetapi tidak dilantik sebagai Pengerusi atau Setiausaha Agung, sebagai ahli jawatankuasa sahaja.

Tuan Pengerusi: Adik masih muda politik, baru belajar barangkali.

Cik Naziratul Aini binti Muhd Sayuty: Ia begini. Dalam kampus, bila kita menang undi tertinggi pun daripada PMLkah, daripada mana-mana pun menang, tidak semestinya kamu yang tertinggi, undi terbanyak itu kamu dapat menjadi Yang di-Pertua. Jadi, saya gesa SPR dan pemantau pilihan raya yang bebas masuk kampus dan suburkan demokrasi, sifat-sifat yang harmoni, baik dan bebas dalam kampus lagi.

Tuan Pengerusi: Itulah kita bercadang menubuhkan satu akademi yang bebas di bawah SPR untuk memupuk pengertian termasuk...

Cik Naziratul Aini binti Muhd Sayuty: Memupuk pengertian saya rasa tidak cukup. Masuk kampus dan terlibat.

Tuan Pengerusi: Begitulah. Membuat kem-kem kerja, barangkali mengendali pemilihan yang sebagai contoh pemilihan yang boleh diterima oleh semua pihak. So adik boleh kirim memorandum bagaimana...

Cik Naziratul Aini binti Muhd Sayuty: Terima kasih. Cadangan saya agaknya diterima. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey terima kasih.

Cik Naziratul Aini binti Muhd Sayuty: Satu lagi Tuan Pengerusi. Saya ada beberapa perkara lagi. Ini kerana saya rasa kita dalam mengukuhkan institusi awam, saya mencadangkan mahasiswa yang terlibat dalam kempen pilihan raya juga dilihat seperti pesalah undang-undang dan mahasiswa untuk turun dan lihat, melawat contohnya pilihan raya Galas kah atau mana-mana pilihan raya kecilkah, takut. Rasa takut. *Feel of fear* itu ada. Jadi, kenapa begini sedangkan kami bebas untuk hadir mana-mana – kami bebas. Ini dijamin oleh Perlembagaan, tetapi jika kami hadir ke pilihan raya, kami dilihat seperti hantu masuk kampung yang tidak sempat masuk botol oleh – yang diterangkan tadi. Jadi, saya hendak pihak SPR bantu kami hilangkan persepsi *feel of fear* kami. Buatlah mekanisme bagaimanapun, pastikan kami tidak rasa takut, hak kami dilindungi, kami hendak berpartisipasi, penglibatan kami dalam politik dilakukan dengan aman.

Sedikit tentang pengukuhan institusi awam.

Tuan Pengerusi: Ya. Okey, habiskan.

Cik Naziratul Aini binti Muhd Sayuty: *Last* mungkin berkaitan dengan *caretaker* yang disebut oleh sahabat saya sebelum-sebelum ini. Saya mencadangkan satu akta di mana satu akta ini memperuntukkan untuk pengisytiharan tarikh pilihan raya awal. Bukan awal, maknanya pengisytiharan tarikh pilihan raya itu diisytiharkan awal. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri letak jawatan Kabinet dan *caretaker government* ini perlu dilantik di kalangan hakim dan SPR. Dari segi komposisinya mungkin boleh dibincangkan, 50:50 ataupun 60:40 dan sebagainya. Maknanya bukan lagi kerajaan menjalankan urusan kerajaan itu. Kita tidak hendak lihat sewaktu pilihan raya, Jabatan Penerangan turun, Kementerian Pelancongan kononnya turun untuk melihat kawasan-kawasan pelancongan dalam keadaan adanya pemberian-pemberian hadiah dan ucapan-ucapan Menteri-menteri tertentu. Kita tidak hendak lihat.

Sewaktu itu bila Parlimen dibubarkan, automatik satu akta ini memperuntukkan dengan khusus jabatan-jabatan kerajaan yang lain tidak boleh dilihat terlibat secara langsung berkempen dan sebagainya. Akan tetapi, media boleh mempotray ataupun menampilkan mana-mana pemimpin.

Maknanya dia mungkin pemimpin kerajaan, tetapi dia pemimpin Barisan Nasional ataupun Pakatan Rakyat ataupun Bebas, bukan lagi kerajaan. Kita hendak mengukuhkan institusi kerajaan, begitulah. Jadi itu sahaja...

Tuan Pengerusi: Input itu sudah juga disentuh awal tadi.

Cik Naziratul Aini binti Muhd Sayuty: Ya. Saya hendak kukuhkan lagi.

Tuan Pengerusi: Suatu yang kita akan fikirkanlah.

Cik Naziratul Aini binti Muhd Sayuty: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Hanya satu penjelasan mengenai terjadi di UPSI. Mengikut penelitian yang terkini itu sebenarnya kita ada tiga empat pelajar sahaja UPSI, yang lain itu datang dari luar dan seterusnya. Apa yang kita hendak pentingkan, memang kerajaan dan pasukan kita semua sedang meneliti Akta Universiti itu, apa yang perlu kita *revise* dan seterusnya.

■1215

Saya sebagai pelajar di Australia tahun 1970-an, saya pergi ke satu universiti yang paling radikal pada zaman itu iaitu La Trobe University, bersebelahan dengan Monash. Setiap hari memang ada demo di universiti mengenai uraniumlah, *aboriginals* dan apa sahaja. Akan tetapi pada dasarnya, saya rasa mereka yang aktif demo semua ini, pelajar yang di bawah JPA 2.5, 2.6 ataupun kalau kita datang empat tahun *doing engineering or agriculture science*, mereka masih lagi tahun keenam itu tetapi memang akhirnya, kalau di dalam konteks itu diberi kebebasan tetapi biasanya 95% of students will go to the university to get a degree and qualified untuk *contribute* kepada negara kita. Akan tetapi yang 5% itu memang sentiasa ada dan bagaimana hendak beri ruang kepada pasukan-pasukan tersebut supaya bebas untuk mengutarakan hal-hal yang penting tanpa salah dari segi perundangan.

Itu yang sedang kita runding dan mudah-mudahan barangkali ada perundingan bersama dengan kedua-dua *Members of the House*. So, that we can provide for this thing tetapi keluhan-keluhan itu penting tetapi hendak tahu di konteks keseluruhannya. Okey, saya hendak dengar adik ini, Encik Muhammad Khairul berusia 18 tahun...

Encik Muhammad Amirul Amri bin Mohd. Jaaffar [Wakil Biro NGO PKR Kelantan]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, pembetulan, bukan...

Tuan Pengerusi: Bukan dia?

Tuan Haji Abu Samah bin Hassan: Tuan Pengerusi, sebelum itu saya hendak perkenalkan bahawasanya anak kita...

Tuan Pengerusi: Anak?

Tuan Haji Abu Samah bin Hassan: Anak kita bersama, bukan anak saya, berumur 18 tahun dan beliau merasakan tidak ada platform untuk menyuarakan pandangan. Maka, saya sebagai Ketua Biro NGO Guaman mengambil kesempatan memberi peluang kepada beliau untuk menyampaikan apa yang beliau rasa...

Tuan Pengerusi: Itulah yang saya ingin katakan.

Tuan Haji Abu Samah bin Hassan: Ini adalah antara bukti bahawa cadangan saya yang kedua iaitu pengundi kita harus turun daripada 21 tahun kepada 18 tahun, amat sesuai.

Tuan Pengerusi: Itulah, kita mahu mendengar juga. Sila adik, masih bersekolah ataupun sudah lepas universiti, kolej?

12.17 tgh.

Encik Muhammad Amirul Amri bin Mohd. Jaaffar: *'Auzdubillahiminassyaita nirraajim, bismillahir Rahmaanir Raahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam 1Malaysia.*

Jadi, pertama kalinya sedikit pembetulan nama itu Muhammad Khairul Miqdad tetapi Muhammad Amirul Amri. Secara spesifik, umur bukanlah 18 tahun, cuma 17 tahun sembilan bulan dan *insya-Allah* bulan April, baru 18 tahun.

Jadi, pada kesempatan ini saya sangat bersyukur sebab diberi peluang boleh jumpa dengan Tuan Pengerusi sendiri, Dr. Hatta Ramli dan banyak pimpinan kerajaan yang lebih tinggi daripada saya. Saya rasa ini adalah peluang yang saya hendak ambil sangat sebab *insya-Allah*, bagi lima minit pun tidak mengapalah, saya boleh bercakap dalam dewan ini. *Insya-Allah* tidak ada sebarang pemotongan walaupun saya cakap mungkin tidak kena dan sebagainya tetapi saya harap supaya didengarlah suara saya sendiri.

Jadi, pada hari ini saya mewakili sahabat-sahabat saya yang lain yang umur kami dikirakan agak mungkin dikirakan seperti tidak matang, 17 tahun tetapi saya fokuskan kepada apa yang saya hendak cakapkan hari ini mengenai isu menurunkan umur mengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Jadi, *point* yang pertama, saya hendak nyatakan, saya hendak bawa satu rasional. Kenapa kami perlu diberikan hak untuk mengundi? Adakah kami tidak matang, adakah kami tidak berfikiran rasional, kami budak mentah.

Jadi, kalau dalam Islam sendiri, umur baligh umur 15 tahun. Umur 15 tahun semua sudah boleh berfikiran matang, mereka sudah tanggung dosa sendiri, pahala sendiri, betul tak? Kami sudah 17 tahun, dua tahun sudah berlalu. Jadi, apa yang kami lakukan, kami tanggung sendiri. Jadi, ini menunjukkan satu bukti bahawa kami sudah mampu untuk berfikir secara rasional, kami sudah mampu melihat isu-isu semasa dengan fikiran yang matang, mampu menilai tata kelola pihak kerajaan. Jadi, kami memohon supaya kami diberikan hak mengundi, itu pertama.

Rasional yang kedua, ingin saya nyatakan mengapa saya perlu mengundi kerana saya sudah kena kesan langsung daripada pemerintahan pihak kerajaan. Misalannya, dalam sistem pembelajaran sebenarnya kalau kita melihat kepada negara-negara yang maju, kita melihat kepada satu kelas, kalau negara-negara maju, pelajarannya dianggarkan 15 hingga 20 orang pelajar. Maknanya, seorang cikgu boleh fokus kepada jumlah pelajar yang sedikit dan boleh memberikan kesan yang maksimum kepada pembelajaran.

Jadi, apa yang saya lihat di Malaysia ini sendiri, khususnya di Kelantan sebab saya belajar di Kelantan walaupun saya asalnya Kuala Lumpur. Satu kelas mempunyai 40 lebih orang, ada mencecah 50 orang dan itu terlalu ramai. Jadi, kami sudah terkena secara langsung kesan daripada pemerintahan pihak kerajaan dan kami rasa kami harus diberikan hak sebab kami sudah kena kesan itu.

Kesan kedua, saya hendak ke sekolah, saya naik motosikal dan saya kena beli minyak, betul? Minyak saya kena bayar. Jadi, kesan keduanya, saya sudah kena kesan tersebut iaitu minyak saya kena bayar. Jadi, saya rasa saya ada hak yang patut saya terima daripada pihak kerajaan. Sekali lagi saya tegaskan, saya berhak untuk memilih pihak kerajaan sebab saya sudah terkena kesan-kesan negatif.

Ketiga, mengapa kamu berfikiran kami tidak matang? Kalau betul kami tidak matang, mengapa di peringkat *international*, di peringkat kebangsaan, dibenarkan orang yang berumur 18 tahun untuk melihat video-video saya katakan seks, 18PG, 18SGPL. Umur 18 tahun ini sudah dibenarkan untuk melihat video-video sedemikian rupa. Jadi, mengapa kami yang 18 tahun...

Tuan Pengerusi: Kalau begitu, tidak boleh jadi pengukurlah.

Encik Muhammad Amirul Amri bin Mohd. Jaaffar: Tidak, saya katakan itu penilaian di peringkat *international*. Mengapa mereka tidak letak umur 21 tahun tetapi mereka letak 18 tahun? Ini menunjukkan kami 18 tahun sudah mampu berfikiran matang. Kalau menunjukkan hujah lagi kami sudah berfikiran matang, sekarang saya sudah berada di sini, saya berani untuk menyuarakan pendapat saya sendiri dan kami di sekolah, kami telah dilatih untuk menjadi pimpinan-pimpinan sekolah.

Jadi, kalau hendak kata kami tidak matang, kami tidak tahu isu-isu semasa, saya rasa itu tidak betul dan juga saya hendak tegaskan di sini bahawa pihak SPR sendiri sepatutnya, bagi pihak kami yang masih belajar di sekolah menengah khususnya, sepatutnya mengadakan satu kempen yang lebih awal kepada pihak sekolah sebab isu, mungkin saya boleh bawa isu yang lama. 'Sabu Ismen' misalnya, isu penulisan sejarah kembali. Apa kesan yang kami terima daripada isu tersebut ialah buku teks Sejarah Tingkatan 5 yang kami belajar setiap hari sebelum saya ambil SPM, apabila masuk SPM, tanya soalan SPM, saya sendiri seolah-olah merasakan teragak-agak untuk menulis betul atau tidak sebab saya sendiri meragui sejarah yang ditulis kepada kami.

Jadi, kami rasa kami perlu suarakan benda ini. Di dalam buku teks Sejarah Tingkatan 5 dibicarakan tentang soal demokrasi berparlimen dan sebagainya. Sehingga kini saya sendiri merasakan betulkah fakta yang diberikan kepada kami? Jadi, saya bukan hendak mempersoalkan kembali supaya ditulis sejarah semula, cuma hendak tegaskan kami sudah menerima kesan tersebut dan kami perlu diberikan hak mengundi 18 tahun. Kalau hendak panggil diberikan fakta, Tuan Pengerusi boleh cari sendiri dalam internet berapa banyak negeri yang hanya mengamalkan 21 tahun iaitu kira-kira 25% sahaja berbanding daripada 150 negara, hanya 25% negara yang memberikan hak 21 tahun dan yang lain semua 18 tahun dan ke bawah.

Tuan Pengerusi: Okey, *I think* itu hujah yang utamalah?

Encik Muhammad Amirul Amri bin Mohd. Jaaffar: Hujah utamanya, fokus kepada isu itu sahaja. Cuma saya datang ke sini hendak beri rasional kenapa kami perlu diberi pilihan untuk mengundi, itu sahaja.

Tuan Pengerusi: So, terasnya ialah 18 tahun anak Malaysia ini cukup matang memilih mana-mana kerajaan yang boleh memimpin kita. Jangan guna ukuran di luar negaralah.

Encik Muhammad Amirul Amri bin Mohd. Jaaffar: Malaysia sekalipun menggunakan label yang sama. Benda yang sama, bukan daripada pihak luar.

Tuan Pengerusi: Ertinya cukup jelaslah saudara. Okey, terima kasih banyak. Tuan Haji ada tambahan?

Tuan Haji Abu Samah bin Hassan: *Wallahu alam*. Itu baru 18 tahun Tuan Pengerusi, saya belum bawa anak muda, wanita yang berumur 16 tahun. Oleh sebab itu saya sarankan 16 tahun tadi tetapi oleh kerana kebetulan hari ini beliau ada kerja menjaga adik. Kalau tidak mungkin lebih petah daripada ini lagi dan menunjukkan bahawa sudah sampai waktunya kita meminda akta ini, *wallahu'alam*.

Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Pengerusi kerana memberi kesempatan kepada kami menyampaikan suara, pandangan dan cadangan. Terima kasih banyak, *wallahu alam*.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Ini antara perkara yang Jawatankuasa masih lagi dalam perundingan dan perbincangan untuk laporan akhir.

Tuan Haji Abu Samah bin Hassan: Sebagai tambahan, beliau bukan anggota parti Keadilan cuma hanya bersama kita, *wallahu alam*.

Tuan Pengerusi: Ya, kami hargai itu iaitu mendengar suara daripada golongan muda dan memberi input-input yang berguna.

Tuan Haji Abu Samah bin Hassan: Saya pun umur rendah juga, 36 tahun baru.

Tuan Pengerusi: Terima kasih. Okey, sebenarnya 12.30 kita bercadang untuk tangguhkan mesyuarat tetapi difahamkan ada dua yang sudah sampai di sini. *I think* saya panggil kedua-duanya dan beri lima minit setiap orang. Hanya mahu dengar perkara-perkara yang baru. Saya jemput Dato' Wan Mustapha. Tulisan pegawai saya di sini lebih teruk daripada saya punya dan seorang lagi saudara Ahmad Syauqey bin Abdul Ghani dan Dato' Wan Mustapha. Lain kali tulis dengan *capital*, jangan tulis dengan tulisan ayam kampung. *I think* Dato' Wan tengah-tengah. Okey, dua di sana. Mulakan dengan Dato' Wan dulu, perkenalkan diri dan terus ke hujah, *thank you*.

[Saksi individu (YBhg. Dato' Haji Wan Mustapha bin Wan Abdul Hamid) mengambil tempat di depan Jawatankuasa]

12.25 tgh.

Dato' Haji Wan Mustapha bin Wan Abdul Hamid [Individu]: *Bismillahir Rahmaniir Raahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Yang Berhormat Tuan Pengerusi, ahli-ahli panel jawatankuasa pemilihan, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Saya Dato' Wan Mustapha bin Abdul Hamid selaku individu yang pernah mengurus urusan pilihan raya negeri selama lima kali.

Tuan Pengerusi: Bekas pegawai SPR ini?

Dato' Haji Wan Mustapha bin Wan Abdul Hamid: *Last* sekali, pengalaman dan apa yang saya hayati dalam pengurusan pilihan raya untuk penambahbaikan. Pertamanya, dalam urusan pilihan raya, saya lihat setiap kali pilihan raya kecil banyak kewangan kerajaan negeri telah membazir. Jadi, saya cadangkan pilihan raya kecil kalau berlaku kematian, tidak diadakan tetapi diberi secara kuota iaitu kalau UMNO menang, bagi calon UMNO. Dia pilihlah siapa hendak bagi, bendahari kah, pengerusi dia atau kalau PAS menang, bagi calon PAS. Jadi dengan keadaan itu, pilihan raya kita tidak terlalu banyak sangatlah, cuma empat atau lima kali setahun, pilihan raya kecil ditiadakan. Dengan cara ini, kerja-kerja agensi kerajaan, kakitangan dan juga rakyat boleh tumpu kepada kerja pembangunan dan tidak membazir. Duit yang habis kepada pilihan raya itu sepatutnya kalau buat jalan, buat sekolah, berapa biji sekolah sudah dapat tetapi dihanguskan dalam pilihan raya itu. Sedangkan satu pilihan raya yang menang ataupun kalah, *make no difference* kerana pilihan raya umum kita banyak calon-calon yang menang, berbeza banyak, bukan margin satu undi.

Jadi, menang atau kalah pun tidak memberi kesan. Jadi, kalau berlaku sesuatu kematian, kita *based* satu kuota. Kalau UMNO menang, bagi kepada UMNO, kalau PAS menang, bagi kepada PAS, kalau *gentleman*.

Tuan Pengerusi: Lantik sahaja?

Dato' Haji Wan Mustapha bin Wan Abdul Hamid: Lantik sahaja melalui parti yang menang.

Tuan Pengerusi: *So, submit* nama itu kepada Dewan Undangan Negeri, SPR, diakui oleh Dewan.

Dato' Haji Wan Mustapha bin Wan Abdul Hamid: Sebagaimana kuota senator, senator boleh lantik begitu. Jadi, Dewan Undangan Negeri atau Parlimen bolehlah lantik begitu juga daripada parti yang menang.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Dato' Wan

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kuala Krai hendak menyampuk.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Minta penjelasan sedikit Dato' Wan. Contoh yang Dato' Wan bawa itu kematian. Adakah keguguran atas sebab-sebab lain, misalnya ada kes mahkamah, rasuah, dia digugurkan atau macam mana?

Dato' Haji Wan Mustapha bin Wan Abdul Hamid: Ini mungkin boleh dipanjangkan.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Dipanjangkan juga. Jadi, bagi kepada parti yang sedia ada juga?

Tuan Pengerusi: Yang sudah menang dalam pemilihan sebelum itu?

Dato' Haji Wan Mustapha bin Wan Abdul Hamid: Ya, ya.

Tuan Pengerusi: Kalau walaupun dia punya undi majoriti lima undi sahaja, tidak payah balik sama rakyat? Bagi parti juga?

Dato' Haji Wan Mustapha bin Wan Abdul Hamid: Tidak, masih *on* lagi.

Tuan Pengerusi: *So, money pun save, okey.*

Dato' Haji Wan Mustapha bin Wan Abdul Hamid: Kita kekalkan pada kuota parti.

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Kalau lompat parti macam mana?

Dato' Haji Wan Mustapha bin Wan Abdul Hamid: Kalau lompat parti, kita pergi kepada yang kita bincang tadi, di peringkat kita bersetuju cadangan tadi.

Tuan Pengerusi: Dikosongkan?

Dato' Haji Wan Mustapha bin Wan Abdul Hamid: Ya, kosongkan. Ya, *next* tempoh bertenang supaya rakyat tidak sibuk kerana setiap kali pengundian, kita kempen sehingga pukul 12 malam tetapi pagi esok itu sudah hendak menentukan. Jadi, *very short* untuk tempoh bertenang dan timbul juga masa untuk lobi lagi. Kadang-kadang melangkaui masa yang dibenarkan dan menyebabkan berlaku kempen dalam masa yang tidak dibenarkan.

Jadi, kita cadangkan supaya tempoh bertenang itu dipanjangkan tetapi bukan sampai daripada 12 malam hingga 8 pagi esok semasa mengundi tetapi dipanjangkan sekurang-kurangnya tiga hari masa supaya rakyat ini selepas *heated* dengan kempen-kempen daripada kerajaan, daripada pembangkang dan ada masa tersendiri untuk hendak pilih yang mana.

Tuan Pengerusi: Berapa hari dicadangkan Dato', tiga hari?

■1230

Dato' Haji Wan Mustapha bin Wan Abdul Hamid: *At least* tiga hari. Jadi, dia bertenang untuk pilih. Jadi, tidak ada orang kacau ganggu dia. Jadi hari *election day* itu dia pergi berjalan dengan tenang. Jadi tidak ada *havoc* dari segi isu kempen pilihan raya inilah. Biar di *decide* sendiri oleh rakyat.

Tuan Pengerusi: Masalahnya Dato' Wan ini ...

Dato' Haji Wan Mustapha bin Wan Abdul Hamid: Samalah juga kita kontrak barang, kita jual beli barang kita hendak beli barang kontrak besar dia ada tempoh bertenang. Jadi cukup sepuluh hari *call*, kita *endorse* dengan bayaran.

Tuan Pengerusi: [*Ketawa*] Masalahnya Dato' Wan rakyat Malaysia ini suka berpolitik. Jadi kalau kita katakan tiga hari pun dia bikin kempen juga itu. Dia tidak boleh tahan tidak buat apa-apa.

Dato' Haji Wan Mustapha bin Wan Abdul Hamid: Jadi saya cadangkan adakan peraturan supaya dibagikan tempoh bertenang secukupnya. Jadi saya cadangkan tiga hari.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Dato' Wan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Penjelasan sedikit lagi ya. Okey saya agak cenderung juga untuk tempoh bertenang ini kita pakai. Bukan sekadar kempen ceramah rumah ke rumah, TV pun *blackout* surat khabar pun *blackout*. Setuju atau tidak?

Dato' Haji Wan Mustapha bin Wan Abdul Hamid: Ya setuju.

Tuan Pengerusi: Okey kita akan kaji teliti.

Dato' Haji Wan Mustapha bin Wan Abdul Hamid: *Last* sekali ialah *caretaker government* yang semasa musim pilihan raya ini belum wujud lagi ataupun *caretaker government* yang sesuai masih belum kuatkuasakan. Saya cadangkan subsidi-subsidi, projek-projek untuk rakyat, apa-apa kebaikan untuk rakyat boleh *deliver* melalui agensi-agensinya kerajaan. Kalau pemimpin hadir pun kita tidak benar berceramah, berkempen berkaitan dengan subsidi yang dia bagi supaya - dia pakai logo pun tidak ada, supaya tidak berlaku *killing two bird with one stone*. Ini sukar bagi SPR untuk ambil tindakan dan pihak polis. Jadi benda ini dalam musim pilihan raya. *You* gunakan lastik *killing one bird, killing two bird with one stone*. *That the wrong way really, not gentleman you main politik*.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi *champion* itu kalau satu batu dua *bird*. Biasanya dua batu baru satu sana.

Dato' Haji Wan Mustapha bin Wan Abdul Hamid: Lastik satu batu, satu burung. Jangan lastik satu batu dua burung. *It's very difficult for enforcement* untuk hendak ambil tindakan. Sekian, terima kasih itu sahajalah.

Tuan Pengerusi: Okey Dato' terima kasih input itu. Saya rasa ada yang *fresh* idea-idea dan pihak kami akan bincang dan telitikan. Ini masalah yang *cooling of period* sahaja susahlah kalau kita hentikan tiga hari pekerja jentera kita, kita mesti bayar lagi gaji buta dia orang. *So* itu dua kali lima juga. Okey yang terakhir pada pagi ini saudara Ahmad Syauqey bin Abdul Ghani. Perkenalkan diri... [*Ketawa*]

Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad: Syauqey.

Tuan Pengerusi: Shauqey?... *Sorry*lah, saya ini orang Sabah tidak tahu banyak ini 'Y' dan 'Q'dan 'X' ini jarang-jarang. Shauqey, Shauqey. Okey mohon maaf atas salah *pronunciation* itu. Saya jemput saudara Ahmad Shauqey, ada juga disediakan. Sila.

[*Saksi individu (Ahmad Syauqey bin Abdul Ghani) mengambil tempat di depan Jawatankuasa*]

12.33 tgh.

Encik Ahmad Syauqey bin Abdul Ghani [Individu]: Ya terima kasih dan maaf diterima.

Saya Shauqey, mangsa rasuah Kerajaan Barisan Nasional dan saya memberi tumpuan kepada soal penambahbaikan yang membabitkan urusan rasuah pilihan raya. Boleh saya tengokkah mana wakil SPRM di dalam Dewan ini?... Okey, saya ada 10 cadangan kepada SPR dan juga SPRM.

Pertama, adalah dicadangkan SPR dengan kerjasama SPRM membuka kaunter aduan rasuah pilihan raya. Pengalaman dalam Pilihanraya Kecil Galas, SUHAKAM dalam sebuah suruhanjaya yang dikatakan kakitangannya kecil boleh membuka Kaunter Aduan SUHAKAM. Kenapa pihak SPRM dengan kerjasama SPR dalam keadaan kita tahu bahawa rasuah pilihan raya berlaku berleluasa tidak boleh membantu para pengundi dan rakyat untuk membuat aduan secara lebih mudah? Satu.

Kedua, adalah dicadangkan SPRM menerbitkan iklan pendidikan rasuah pilihan raya. Saya rasa pelik dengan peranan dan fungsi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah yang tidak ada satu pun iklan berkaitan dengan rasuah pilihan raya diterbitkan dalam iklan televisyen. Ini bagi saya sangat melampau. Di mana peranan fungsi SPRM dalam urusan pilihan raya?

Ketiga, saya pergi beberapa kali di Pejabat SPRM Negeri Kelantan dan saya tengok *brochures* ataupun pendidikan pemilih yang bercetak hanya ada sekitar tiga bahan. Tidak ada satu pun yang menyentuh soal rasuah pilihan raya. Ini saya rasa SPRM gagal berfungsi sebagai suatu suruhanjaya yang bersifat mencegah. Elemen pencegahan itu tidak dirasakan oleh rakyat.

Keempat, saya cadangkan juga ada borang rasuah pilihan raya diedarkan kepada rakyat supaya masing-masing boleh merasai bahawa kita boleh bersama membentuk sebuah negara yang bebas daripada rasuah.

Kelima, saya pergi ke Pejabat SPRM Negeri Kelantan saya mohon pegawai-pegawai SPRM menunjukkan kepada saya untuk saya buat rujukan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang berkaitan dengan rasuah. Akan tetapi mereka gagal menunjukkan apa-apa bahan ataupun buku yang berkaitan iaitu Buku Akta Kesalahan Pilihan Raya. Apa yang saya faham bahawa SPRM juga adalah satu agensi yang bertanggungjawab dalam menguatkuasakan Akta Kesalahan Pilihan Raya. Jadi mana mungkin dalam sebuah Pejabat SPRM yang sekarang lapan tingkat tingginya tidak ada satu pun bahan rujukan yang berkaitan dengan Akta Kesalahan Pilihan Raya.

Keenam, dalam memerangi rasuah pilihan raya saya mencadangkan diwujudkan Pasukan Sukarelawan Rakyat bagi memerangi rasuah pilihan raya. Saya percaya bahawa keanggotaan SPRM yang sangat terhad tidak cukup dalam usaha memerangi rasuah pilihan raya.

Ketujuh, pengalaman saya dalam beberapa siri pilihan raya kecil, kita dapat merasai keberadaan anggota-anggota polis yang boleh membantu untuk mengawal daripada suasana pilihan raya yang ganas dan melanggar undang-undang pilihan raya. Akan tetapi kita tidak merasai keberadaan anggota-anggota SPRM, kita tidak ada merasa mereka wujud, mereka tidak turun dengan pasukan mereka. Saya buat pemantauan apa yang dijalankan oleh anggota SPRM di Pilihanraya Kecil Manik Urai kita hanya menghantar dua anggota perisik yang membuat catatan dan pemantauan dalam satu kempen. Saya rasa tidak cukup unit anggota risikan dihantar dalam mana-mana pilihan raya kecil dan petugas dalam urusan pilihan raya.

Kelapan, mana-mana aduan ataupun jumlah aduan yang diterima oleh SPRM sepanjang tempoh pilihan raya diumumkan kepada rakyat melalui media. Supaya rakyat boleh dirangsang untuk sama-sama terlibat dalam urusan memerangi rasuah pilihan raya.

Kesembilan, saya ambil pengalaman di Thailand. Mereka memaparkan *billboard* bagaimana calon-calon yang bermuka buaya, yang bermuka biawak, yang bermuka ular sebagai sindiran kepada ahli-ahli politik dan calon-calon pilihan raya yang menjadikan ruang dan peluang dalam pilihan raya untuk mengebas duit rakyat. Jadi pendidikan-pendidikan semacam ini saya rasa SPR dan SPRM perlu buat kerjasama supaya boleh mendidik para pengundi memilih calon-calon yang bebas daripada rasuah pilihan raya.

Kesepuluh, saya buat penelitian, dalam pasukan penguat kuasa kempen pilihan raya di setiap kawasan Parlimen. Tidak ada satu pun anggota daripada SPRM yang hadir, yang bertugas dalam pasukan penguat kuasa kempen. Jadi adalah dicadangkan supaya sekurang-kurangnya satu anggota SPRM berada dalam pasukan penguat kuasa kempen pilihan raya.

Saya rasa itu sahaja daripada saya.

Tuan Pengerusi: Okey Ahli-Ahli Yang Berhormat, ada yang ingin. Cadangan-cadangan ini saya rasa untuk fokus kepada soal peranan SPR dan soal-soal – *I think* ada beberapa cadangan yang bagus di situ yang pihak kami akan telitikan. Bagaimana memantapkan peranan SPR dalam perkara ini. Namun dalam perkara perbincangan memang perihal soal *corruption* dan semua ini adalah sesuatu yang sukar kerana amat sukar mengatakan hanya satu pasukan sahaja yang terlibat, ruang itu begitu luas sekali. Jadi saya rasa ini satu perkara yang perlu di bincang bersama untuk lebih mendalam lagi bersama dengan pihak berkenaan.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tuan Pengerusi, Saudara Ahmad Shauqey.

Tuan Pengerusi: Ya Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Saya melihat sebahagian daripada sepuluh perkara yang dicadangkan ini kalau boleh bersetuju mengatakan bahawa, saya mengatakan bahawa ianya boleh menimbulkan satu macam ada kegerunan sedikitlah. Kalau tidak pun efektifnya tetapi ada kegerunan untuk mana-mana pihak melakukan rasuah. Bolehkah itu diterima? Ini kerana kalau itu boleh dipersetujui kita rasa cadangan-cadangan ini ada tempatnya dalam pilihan raya.

Encik Ahmad Syauqey bin Abdul Ghani: Sepatutnya itulah yang diberi perhatian kepada SPR dan SPRM. Mereka-mereka yang terlibat dalam rasuah pilihan raya merasa mereka sangat berkuasa dan bebas bertindak. Sebab itulah elemen pencegahan itu perlu diperkasakan oleh SPR dan SPRM, perlu wujud satu pasukan rakyat yang bersama-sama memerangi rasuah pilihan raya. Saya bagi satu lampiran bagaimana SPRM telah menyalahgunakan duit rakyat untuk menerbitkan artikel dalam Buletin SPRM keluaran Januari 2010 dan Februari 2010 yang ditulis oleh PPJ Zainal Adam disebut, "*Parti-parti politik di bawah payung Pakatan Rakyat ini hanyalah bersifat kepentingan peribadi, perkauman dan sensasi semata-mata. Mereka seumpama penjajah yang sentiasa memecahbelahkan rakyat.*"

Saya rasa ini merumuskan bagaimana persepsi rakyat bahawa SPRM juga adalah merupakan komponen kepada Parti Barisan Nasional. Jadi saya hendak pastikan SPR dan SPRM bekerjasama supaya mewujudkan integriti lebih kuat.

Tuan Pengerusi: Kalau itu komik, bukan komikkah itu?

Encik Ahmad Syauqey bin Abdul Ghani: Bukan komik. Ada saya buat lampiran bahagian kedua.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli: Sudah buat laporan pada SPRM?

Encik Ahmad Syauqey bin Abdul Ghani: Saya sudah buat laporan dan saya minta dibekalkan kepada satu salinan dan saya faham SPRM Negeri Kelantan ini sangat tidak profesional.

Tuan Pengerusi: Okey barangkali itu perlu diperjelaskanlah. Okey *the idea* dan input yang dicadangkan itu kita ambil maklum, kami akan telitikan. Saya minta jawatankuasa kecil bahagian *electoral* process, proses pilihan raya itu perlu kita masukkan di situ dan bincang bersama mengenai peranan SPR dalam proses perjalanan kempen dan seterusnya. So kepada Saudara Ahmad Syauqey bin Abdul Ghani, terima kasih banyak-banyak.

Encik Ahmad Syauqey bin Abdul Ghani: Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey tuan-tuan dan puan-puan, Ahli-Ahli Yang Berhormat setakat pagi ini mengikut senarai saya. Okey...

Encik Abdul Halim bin Wan Ismail: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Bukan Tuan Haji sudah bercakap tadi?

Encik Abdul Halim bin Wan Ismail: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Okey satu minit.

Encik Abdul Halim bin Wan Ismail: Ya harapan sahaja bukan cadangan. Harapan mudah-mudahan jawatankuasa ini membuat satu kenyataan pilihan raya, PRU di Malaysia ini tidak akan diadakan sebelum jawatankuasa ini mengemukakan cadangan kepada kerajaan setelah menjelajah seluruh negara. Juga jangan ada ugutan bunyi-bunyi hendak pilihan raya umum sebab kita amat tidak puas hati. Saya mewakili NGO Kelantan Tuan Pengerusi, Yang Berhormat jadi mengharapkan mudah-mudahan kita hadir ini berbaloi, di negeri lain hadir pun berbaloi. Bukan kata kita hadir ini sebagai kosmetik sahaja untuk menampakkan Malaysia ini sebuah negara demokrasi. Terima kasih.

Tuan Pengerusi: Okey terima kasih Tuan Haji. Perkara itu sebenarnya telah pun kami bincang panjang lebar dalam jawatankuasa. Hanya mengikut sistem prosedur yang ada itu Perdana Menteri mempunyai kuasa mutlak untuk bila hendak panggil. Kami sebelah kami pun kami tidak tahu bila ya dalam bahagian kerajaan. Itulah sebabnya antaranya kami bekerja keras dalam jawatankuasa ini dalam tempoh dua bulan kami telah keluarkan sepuluh cadangan yang diperakui oleh Parlimen sebagai faktor-faktor penambahbaikan. Itu dalam proses pelaksanaan pihak SPR. Mudah-mudahan terma kami selesai 2 April bila Parlimen bersidang itu laporan terakhir pihak jawatankuasa ini.

Mana tahu Tuan Haji, pilihan raya pun belum lagi diadakan sebelum itu. So kita ambil maklum, namun cadangan-cadangan yang menentukan sistem negara lain diumumkan tarikh luput sesuatu sistem tanggal Parlimen itu supaya semua orang tahu kami ingin bincang lebih dalam juga lagi. So input-input itu kami terbuka untuk perbincangan. So sekali lagi terima kasih daripada Persatuan NGO Kelantan. Kepada semua yang terlibat sejumlah 11 orang peribadi dalam satu kumpulan ada juga orang yang berucap. Hampir 12 orang yang telah pun memberi keterangan kepada kami pada pagi ini di bawah jawatankuasa. Ini antara yang paling banyak dalam satu sistem sebelah pagi.

Kami mengatakan terima kasih dan ada satu orang lagi sebelah petang yang kami akan dengar nanti. Sekian terima kasih. Saya tangguhkan mesyuarat sampai jam 2.30 petang.

Mesyuarat ditempohkan pada pukul 12.45 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.32 petang.

[Datuk Alexander Nanta Linggi *mempengerusikan Mesyuarat*]

2.34 ptg.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Selamat petang kepada semua, kita kembali lagi kepada untuk kita meneruskan Sesi Pendengaran Awam kita pada petang ini. Oleh kerana Tuan Pengerusi ada urusan lain dan juga Yang Berhormat Dato' Seri Mohd. Radzi tidak dapat hadir bersama kita, maka saya berterima kasih oleh kerana diberi peluang untuk mempengerusikan sesi kita pada petang ini.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: [*Berjalan masuk mengambil tempat di dalam Bilik Mesyuarat*]

Datuk Alexander Nanta Linggi: Oh, sila Tan Sri. Kita teruskan. Ada tidak ada yang mendaftar untuk pendengaran awam petang ini? Kalau tidak ada, kita tunggu *walk-in* kalau adalah, sebab masa sudah ditetapkan. Walaupun demikian, kita akan menggunakan peluang ini – mungkin saya menjemput kalau ada mungkin kita hendak pandangan-pandangan dari semua pihaklah untuk kita berbincang pada perkara-perkara yang ditimbulkan dan dibangkitkan pada sesi pagi tadi. Bolehlah kita menggunakan peluang ini. Mungkin kalau saya boleh jemput dahulu daripada Ahli-ahli Jawatankuasa dan selepas itu mungkin SPR memberi pandangan dengan apa jua perkara yang telah dibangkitkan dan begitu juga pejabat-pejabat yang berkenaan yang lain supaya kita menggunakan peluang ini dengan sepenuhnya. Sila Tan Sri, ada apa yang hendak dikongsikan?

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Saya kira kita sudah dengar banyak ya. Memang ada satu dua perkara yang kita harus bincang. Cadangan kita terus memilih Perdana Menteri itu akan ada kesan yang besar. Cadangan itu ertinya kita tukar sistem yang kita ada dari sistem Perdana Menteri kepada sistem Presiden kerana biasanya ketua negara yang dilantik secara terusnya ialah Presiden sahaja. Perdana Menteri biasanya dilantik oleh parti yang mempunyai majoriti yang terbesar di Parlimen. Jadi itu kita boleh kaji dari segi kesannya dan sebagainya.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Sistem alternatif kepada yang sedia adalah untuk jangka panjanglah. Okey, saya jemput Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh sesuatu yang hari ini kita tidak bincang tetapi telah kita putuskan iaitu mengenai susunan susun atur bilik mengundi yang kita bincangkan dalam satu mesyuarat pada 29 Disember 2011 yang lalu yang merupakan juga cadangan daripada sebahagian mereka yang datang ke pendengaran awam kita.

Satu perkara yang baru yang kita putuskan ialah mengenakan dakwat kekal dan dakwat kekal ini terletak pada jari kita, jari kiri telunjuk yang pertama. Jadi salah satu prosedur apabila seorang pengundi itu masuk ialah dengan menunjukkan jarinya itu kepada pegawai SPR. Itu mesti ya. Menjadi syarat dia kena tunjuk. Saya hendak meminta supaya jari ini juga ditunjuk kepada panel *polling agent* kita. *Polling agent* kita ini diletakkan di situ untuk mengawasi supaya dilihat telus dalam perjalanan.

Jadi saya hendak bertanya, sama ada *distance* kita itu antara pengundi yang masuk dan menunjukkan jarinya dengan *polling agent* ini cukup rapat sehingga boleh nampak jari itu? Kita pun tidak buat *test* pada hari itu. Saya khawatir kalau dia datang daripada depan, kita di sini, dia tidak nampak. Mungkin Yang Berhormat Alor Gajah, *can you see my finger* yang *inked* tidak?... [*Mengangkat tangan menunjukkan jari yang ditandai dakwat*]

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Sikit sahaja.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tidak nampak ya. So, macam mana kita hendak *make sure the role of the polling agent is to make sure that the voters who come in*, dia ada dakwat itu, jadi macam mana? Hendak kita rapatkan kah atau dia boleh lajak ke depan sedikit kah *before going back, so that kita clear* jari dia belum dicalit dengan dakwat?

Itu yang saya dapat daripada parti kita apabila kita rujuk balik keputusan itu. Ini kerana *polling agent* ini bila kita hendak *train* nanti, mereka ini harus mempunyai pandangan yang baik juga lah. Kalau mata tidak nampak ataupun *color blind*, takut dia tidak perasan. Jadi tugas dia sebagai *polling agent* itu tidak menepati. Itu perkara yang kecil sebenarnya tetapi perlu saya sebutkan.

Keduanya yang menarik hari ini antaranya ialah apabila ada orang bawah umur 18 tahun hadir ke pendengaran kita. Itu pun kita tidak halang, tetapi kita pun tidak sangka akan ada minor – kita boleh *consider* minor lah – datang ke sini. Nasib baik kita tidak letak syarat hanya warganegara berumur 21 tahun. Dia membuat representasi nya dan kelihatan di sana dengan hujah yang sebelumnya ada yang telah membentangkan mengenai pengalaman negara-negara lain. Saya hendak mencadangkan supaya PSC ini kita serius bincang perkara ini balik untuk meneliti sama ada cadangan ini *viable* ataupun baik untuk keseluruhannya sebagai salah satu penambahbaikan.

Ketiganya, walaupun tidak dibincangkan hari ini, saya mengambil peluang ini hendak menyebut tentang *automatic registration*. Kita sudah balik kepada parti dan *feedback* yang kita dengar dalam usaha untuk kita membantu SPR mendaftarkan pengundi-pengundi baru, kita buat kunjungan rumah ke rumah untuk mengesan sama ada, ada atau tidak mana-mana keluarga itu – hampir pasti setiap rumah paling tidak ada seorang yang belum didaftarkan. Memang hampir ada setiap rumah yang ada anaklah yang cukup umur, boleh didaftarkan tetapi tidak mendaftar dan apabila diminta untuk mendaftar, *willingly* bersetuju untuk mendaftar. Ertinya bukan ada halangan bagi mereka tetapi sikap tidak bersungguh-sungguh mendaftarkan diri menyebabkan mereka tidak didaftar. Kalau tidak ada kunjungan sebegini, kemungkinan sampai bila pun mereka tidak berdaftar. Ertinya, kalau ada yang mengatakan kalau kita buat *automatic registration*, kita sudah macam...

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Yang Berhormat, dalam situasi seperti itu, siapa yang – bukan *to blame* lah, tetapi siapa yang bertanggungjawab ini? Dia duduk di bandar, ahli-ahli keluarga dia sudah daftar, dia tahu tempat daftar, dia tahu prosedur, tetapi dia sendiri tidak mahu pergi pejabat daftar. *Who's to be blame?* Siapa yang bertanggungjawab?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *We can always put back the blame to them* ataupun keluarganya, *we can*. Akan tetapi kalau begitu, kita janganlah heboh-heboh, kita kata ada empat juta yang tidak berdaftar, kita kena sedarkan. *If we feel that* mereka ini perlu didaftarkan, *then* seperti yang dicadangkan tadi, *effort* daripada SPR, pendidikan, kesedaran itu mestilah dipertingkatkan. Akan tetapi kalau kita mencadangkan pendaftaran automatik ini, mungkin ia dapat membantu salah satu aspek dari segi ruang untuk menyuruh mereka mendaftar itu sudah dapat kita kurangkan. Cuma sama ada hendak mengundi atau tidak, itu bergantung pada *how good our campaign is* lah, tetapi *at least* mereka sudah ada kesedaran. Kemudian bila mereka sudah daftar Tan Sri, walaupun mula-mula tidak berminat, tetapi bila mereka sudah mendaftar, *suddenly the* minat untuk mengetahui *what is going on in the country* jadi juga meningkat. So rasanya ini cukup baik kalau mereka ini tahu mereka sudah berdaftar.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Saya bersetujulah kalau SPR boleh fikir satu cara prosedur yang paling senang sekali untuk mereka mendaftar. Boleh kita senang sahaja tidak payah dia pergi mana-mana *online* mendaftar boleh?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Maksudnya *sort of automatic registration* lah?

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ini kita perlu tukar Perlembagaan kerana keperluan-keperluan Perlembagaan mereka harus mendaftar. Betul, bukan?

Datuk Alexander Nanta Linggi: Mohon penjelasan daripada SPR.

Dato' Haji Noordin Che Ngah [Timbalan Setiausaha (Pilihan Raya) Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, Datuk-datuk, tuan-puan sekalian, syaratnya mesti mendaftar sekarang inilah, mesti mendaftar. Satu lagi iaitu soal bermastautin kalau mengikut Perlembagaanlah, dia mesti bermukim duduk di satu tempat yang tetaplah.

[Tuan Pengerusi *mempengerusikan Mesyuarat*]

Setiap pendaftar atau permohonan itu mesti menggunakan borang tertentu untuk didaftarkan sebagai pemilih buat masa inilah. Satu lagi aspek yang perlu kita fikirkan iaitu konsep demokrasi itu sendiri. Ertinya ada yang hendak menjadi pemilih dan ada sesetengah itu yang tidak mahu menjadi pemilih. *For the time being*, makna kalau kita mengadakan *automatic registration*, maknanya *by hook or by crook*, bermaknanya mereka ini secara *automatic* bila *reach 21 years old*, terdaftar dengan sendirinya.

Satu lagi Tuan Pengerusi, kita juga selalu menyebutkan bahawa oleh kerana ramai rakyat Malaysia ini tidak menukar alamat tempat dia tinggal semasa berbanding alamat yang didaftarkan dalam kad pengenalan, maka bila mana berlaku pilihan raya, tempat mengundi mereka, pusat mengundi mereka akan berdasarkan kepada alamat di dalam kad pengenalan yang didaftarkan dengan JPN. Jadi mungkin dengan JPN alamatnya di Melaka, dia bekerja di Perak sebagai contoh. Jadi bila itu berlaku, kita tentukan di Melaka, dia akan mempersoalkan kerana dia bekerja di Perak. *Unless*, dia pindah buat pertukaran alamat kepada tempat yang dia bertukar itu.

■1445

Perkara 119 yang *basic* tadi saya menyebut, mensyaratkan supaya warganegara itu yang layak perlu memohon. Siapa yang tidak layak tidak bolehlah. Kalau auto itu, maknanya 119 kena pinda.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: *They must apply.*

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Ya, *they must apply.*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Satu cadangan, bila dia sampai umur 21 tahun, dia tukar kad pengenalan dan dalam proses pertukaran itu kita bagi satu borang *application* untuk *registered as a voter*. Dalam proses itu, boleh atau tidak proses itu dicadangkan? Bila dia pergi JPN untuk menukar kad pengenalan itu pada umur 21 tahun dan kita secara automatik bagi dia borang itu, *sign application* sebagai pendaftar. Bolehkah ia melicinkan proses? Ada satu birokrasi...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *We brought-up this one before*, cumanya prosedur hari ini 18 tahun kita tukar IC itu, bukan?

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ha! Ya, bukan 21 tahun.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kalau kita terima umur pengundi 18 tahun, cantiklah. Jadi, ngamlah maknanya itu... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Dahulu kita pernah bincang ini, kalau 21 tahun baru tukar IC senang akan tetapi kalau 18 tahun dia sudah tukar. Akan tetapi pada waktu itu pun kita putuskan, barangkali boleh beri dia borang *reminder* itu, akan tetapi tidak ngam juga, tiga tahun dia sudah lupa. *So, crucial 18 years*, perbincangan automatik. Akan tetapi dari segi automatik inikan, satu prinsipnyalah, kedua prosedur. *So...*

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Ya, *not...*

Tuan Pengerusi: Ya. Akan tetapi sepertimana dikatakan kalaulah Jawatankuasa pertimbangan 18 tahun ini, barangkali dia canggihlah. Oleh sebab tukar IC pun pada 18 tahun. *So*, masing-masing Ahli Jawatankuasa balik dan tanya parti masing-masinglah dan tanya rakyat di kawasan... [*Ketawa*] Pihak di sini masih terbuka akan tetapi belum lagi – terbuka.

Seorang Ahli: *Open minded.*

Tuan Pengerusi: Ada apa-apa lagi hal yang sebab – silakan Yang Berhormat Hulu Selangor.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Tuan Pengerusi, terima kasih. Beberapa isu. Pertama, saya difahamkan bahawa kita sebenarnya telah mencadangkan untuk mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Kecil...

Tuan Pengerusi: Jika itu, saya serahkan kepada pengerusi masing-masing. Kalau ada perkara yang *outstanding*, yang perlu disentuh, misalnya Jawatankuasa yang mengenai dengan soal daftar pemilih ini, saya sudah mulai bincang-bincang. Akan tetapi tidak ada yang mendesak. *So*, tidak payahlah, belum lagi sentuh.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Mungkin saya cadangkan mesyuarat memandangkan kita ada satu lagi negeri di zon selatan. Mungkin Jawatankuasa ini boleh berbincang selepas zon selatan serta merta.

Tuan Pengerusi: Boleh. Selesaikan dulu semua baru Jawatankuasa Kecil. Okey.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Jawatankuasa itu boleh mula buat rumusan dan sebagainya, itu yang pertama. Kedua, saya harap SPR dapat mulalah aspek-aspek ataupun syarat-syarat yang boleh kita cadang untuk mengizinkan pengundi-pengundi warganegara Malaysia yang tinggal di luar negara. Apakah contoh-contoh serta syarat-syarat yang boleh dicadangkan dan diharap cadangan itu dapat dikemukakan kepada Jawatankuasa supaya Jawatankuasa dapat menilai dan mengambil kira cadangan-cadangan yang boleh diterima dan cadangan-cadangan yang mungkin tidak boleh diterima.

Tuan Pengerusi: Perkara itu awal pagi tadi pun saya telah katakan bahawa apabila sampai ke Johor, kalau kita boleh melihat sampel pemikiran Suruhanjaya Pilihan Raya, memang kita ada pandangan sendiri. Kita boleh bertukar-tukar fikiran dari segi kelayakan-kelayakan yang kita ingin masukkan. Untuk makluman, dalam satu kajian kertas kerja yang telah kita bagi itu, berapa negara itu, sebanyak 23 kah? Semua ada syarat. Soalnya, apa yang sesuai bagi kita di Malaysia untuk meninjau.

So, betul seperti apa Yang Berhormat Hulu Selangor katakan. *Maybe* waktu kita di sana itu kalau tidak begitu hebat dan banyak. Barangkali hari kedua kita gunakan masa tertutup antara Ahli Jawatankuasa dan SPR sahaja untuk meneliti cadangan dan syarat-syarat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: Saya rasa hari kedua lebih berpatutan kerana akhir mesyuarat. Terima kasih Tuan Pengerusi. Ketiga, isu pengundi pos. Saya tidak tahu mengapa ada sebilangan di antara kita yang begitu fobia dengan undi pos ini. Walaupun kita sudah mengkategorikan sekarang undi pos sebagai undi awal akan tetapi saya rasa sekiranya perlu, kita beri perhatian kepada keperluan undi pos ini.

Contoh, wartawan-wartawan yang masih rasa mereka ingin mengambil bahagian dalam proses demokrasi ini, saya rasa kita harus memikir kembali sama ada ia boleh diterima atau tidak kerana saya rasa tentu ada syarat-syarat yang kita boleh tetapkan supaya kita – mungkin tidak dapat melihat penambahan yang tinggi. Akan tetapi sekiranya perlu kita boleh beri pertimbangan yang sewajarnya.

Seterusnya, mengenai salah satu cadangan yang telah kita beri dalam rumusan *preliminary report* iaitu akses media. Kita telah cadangkan bahawa kita adakan satu mesyuarat dengan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan kalau tidak silap saya, untuk mendapat maklumat daripada mereka. Mungkin saya cadangkan Tuan Pengerusi, dapat uruskan satu mesyuarat dengan Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan supaya kita dapat mengadakan perbincangan, pendapat mereka. Apakah saranan-saranan kita dan kita juga dapat membuat satu rumusan dari aspek akses media ini.

Terakhir, daripada aspek pengundi umur 18 tahun. Saya hendak kata terkejut, entah apalah. Saya rasa memang keputusan umur 21 tahun buat masa ini saya rasa masih relevan berdasarkan kepada kenyataan yang diberi oleh adik Muhammad Amirul tadi. Saya *quote* dia. “Melihat kepada realiti kita anak muda pada hari ini, bukannya mereka sudah dibenarkan untuk melihat tayangan yang berlabel 18SG, 18PG, 18PL dan 18SX. Ini menunjukkan bahawa pada umur 18 tahun ini kami sebenarnya sudah matang dan mampu melihat antara yang baik atau buruk.” Kematangan untuk lihat gambar-gambar ini berbeza dengan kematangan untuk mengundi. Lunas-lunasnya berbeza, pendapat-pendapatnya berbeza. Mungkin mereka pula akan mengundi mereka-mereka yang ada unsur-unsur SX nanti pula.

So, saya rasa kita harus perhatikan dan kalau dapat betul – kerana kita dalam pendengaran rakyat ini pun umum di setiap negeri, persatuan-persatuan belia pun juga telah mengemukakan cadangan dan mereka selesa dengan umur 21 tahun. Terima kasih Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Kita masih terbuka untuk mendengar satu lagi pendengaran awam mengenai dengan soal umur ini. So, kita belum lagi ada ketetapan dalam perkara ini. Saya rasa kita terus, bolehlah dipandu oleh pelbagai input termasuk pendengaran awam yang terakhir. Hanya, memang kita dalam golongan minoritilah berbanding dengan negara-negara lainlah dalam perkara ini.

Barangkali apa yang wajib di negara lain itu tidak semestinya yang terbaik bagi kita. So, saya rasa saya bercadang barangkali dengar *a little bit more* dengan izin, persatuan-persatuan belia, bagaimana sentimen di peringkat mereka. Mengenai dengan – kita juga telah putus sebelum ini mengenai syarat-syarat dan tatacara pembuangan undi bagi pengundi luar untuk menjemput satu atau dua barangkali *foreign...* ataupun yang pernah mereka mengendalikan ini dan mendengar pengalaman mereka. Pengalaman yang sukar, pengalaman yang baik dan kita boleh renungkan dari situ. Kalau itu boleh kita tetapkan nanti jadual, barangkali selepas pendengaran awam di Johor Bahru.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Pengerusi, saya ada sedikit...

Tuan Pengerusi: *Thank you for chairing the meeting* sebelum ini. *Thank you.*

Datuk Alexander Nanta Linggi: Saya tertarik kepada ada seorang yang mengemukakan cadangan untuk difikirkan semula apa relevannya untuk pernyataan akaun itu perlu dihantar sebab saya memang bersetuju dengan pandangan beliau, oleh kerana realitinya hak itu tidak lagi sesualah. Jadi, kita pun kurang selesa dengan – *concern* kita, apabila kita turunkan *statutory declaration* dan sebagainya, mengatakan oh! Ini kita hanya membelanjakan sekian sahaja akan tetapi sebenarnya mungkin lebih.

Jadi, kalaulah pihak yang mengemukakan cadangan ini tadi, ini boleh kita pertimbangkan. Saya tidak tahulah, mungkin hendak penjelasan daripada SPR, adakah ini satu langkah-langkah yang boleh dikatakan yang kita boleh ambil di peringkat awal ini, tidak perlu pindaan kepada Perlembagaan dan sebagainya. *Small footsteps* yang kita boleh ambil supaya kita boleh memenuhi kehendak *witness* kita. Jadi, kita hendak pandangan SPR.

Tuan Pengerusi: Kita pernah bincang di Penang. *So*, ada cadangan angka baru itu akan tetapi belum dimuktamadkan. Dua kali ganda atau *something like that*. Apa *figure* itu Dato'? Untuk Parlimen beri *double*, dia bilang. Kalau itu munasabah.

Encik Harun Che Su [Timbalan Setiausaha (Penyelidikan) Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia]: Tuan Pengerusi, untuk peringkat ini, saya rasa lebih kepada ke arah itulah, kita akan mengkaji angka itu, amaun itu. Kita belum putuskan lagi. Maknanya yang lebih praktikal. Misalnya, sebagai contohlah RM500 untuk Parlimen atau RM250 untuk *state* ADUN, belum diputuskan lagi. Akan tetapi lebih kepada angka yang lebih praktikal.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Haknya yang sedia ada ini, *they not in step with time* lah. Kita bayangkan senario di Kapit. Kita banyak menggunakan minyak untuk bot kita yang sudah berlipat ganda. Berapa kali peningkatan harga minyak setong. Itu sahaja pun sudah menelan belanja yang besar.

Tuan Pengerusi: Saya mula bertanding tahun 1995. Saya boleh menang, RM50,000 boleh menang sebab pembangkanglah. Akan tetapi kos sudah meningkat, gaji pekerja mereka minta pun bukan lagi percuma... *[Disampuk]* Hah?

Seorang Ahli: Sekarang berapa belanja...

Tuan Pengerusi: Sepertimana yang di *declare* lah sebab yang lain *sponsor*. Saya tidak tahu siapa yang *sponsor*... *[Ketawa]* Orang kata *transport*, saya beri sepuluh kereta atau lima kereta, jadi begitu. *So*, amat sukar. Tatacara hendaklah di... *[Ketawa]* Siapa lagi Ahli-ahli Yang Berhormat, ada perkara-perkara berbangkit? Oleh sebab hari ini sudah selesai, sepertimana yang dipohon, mereka yang memohon. Petang ini pun kita jemput datang pagi tadi dan kalau mengikut iklan, kita satu hari lagi esok.

Akan tetapi dari segi permohonan seperti iklan kita lakukan, tidak ada lagi untuk esok. Memang sentiasa, walaupun kita iklankan bahawa mereka hendaklah memohon untuk didengar, ada juga yang *walk in* ini. *So*, nanti – akan tetapi masalahnya banyak Ahli-ahli Jawatankuasa komited pada hari esok dan tidak mencukupi barangkali kuorum pada hari esok.

So, saya minta panduan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat jika ada yang tiba-tiba masuk pada hari esok. Kalau tidak saya mahu tangguhkan selepas jam 4 petang pada hari ini dan pegawai-pegawai bolehlah tinggal. Siapa-siapa yang mahu tinggal untuk berbincang mengenai kalangan mereka dengan pihak sekretariat dan selesaikan, yang lain boleh balik. Saya minta pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *I am asking for guidance* dan pandangan. Saya difahamkan yang boleh tinggal ada tiga orang sahaja. Yang Berhormat Kapit, Yang Berhormat Alor Gajah dan Yang Berhormat Hulu Selangor.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan: *Actually*, hari ini pun saya tidak dapat datang. Akan tetapi kerana semangat perjuangan... *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Wow! Begitulah yang kita cari. Tidak kira jam atau apa. Hujan apa panas.

Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn: Yang Berhormat Kuala Krai memang bolehlah.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kuala Krai pun dia ada komitmen. Saya sudah minta juga Timbalan Pengerusi kerana saya ada komitmen malam ini di Kuala Lumpur, untuk merasmikan satu majlis yang penting. Akan tetapi dia kurang sihat pada hari ini. Kalau tidak, kita boleh tangguhkan selepas jam 4 petang. Siapa-siapa yang ada – mesti ada yang tiba-tiba datang esok, ambilkan memorandum mereka dan kalau betul mereka ingin didengar, kita boleh bawa mereka ke Kuala Lumpur barangkali dan bayar dia punya tambang... *[Ketawa]* Akan tetapi tidak boleh banyak oranglah... *[Disampuk]* *[Ketawa]* Pada saat ini tidak ada yang memberi notis. Boleh kita minta pandangan SPR dari segi persiapan...

■1500

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Pengerusi: Ya. Itu satu pandangan lah. Akan tetapi ada satu yang di KK, itu kita sudah tutup. Kita mahu laporkan kepada jawatankuasa. Saya bilang tidak ada lagi, tuan pun tidak ada memberi notis. Akan tetapi *you* kasi iklan sampai jam 4.30 dia kata... *[Ketawa]* Jam 5. So, ini perkara yang perlu, mesti ada Ahli Yang Berhormat juga kekal pada hari esok. Mana tahu ada yang ingin masuk. Ya, Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn boleh *take charge* untuk hari esok. SPR, dari segi persiapan dakwat, apa yang terkini? *Thank you.*

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Tuan Pengerusi, untuk makluman mesyuarat, mesyuarat jawatankuasa fatwa mengenai dakwat ini akan berbincang pada 11 hari bulan dan saya akan menghadiri majlis itu untuk menentukan dia punya...

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Pada 11 hari bulan, pukul 9.30 pagi di Pejabat JAKIM untuk menentukan kesahihan atau pun halal haram dakwat itu.

Tuan Pengerusi: Laporan daripada Jabatan Kimia, semua sudah selesai diberi?

Dato' Haji Noordin Che Ngah: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Dengan pindaan, peraturan-peraturan yang terlibat itu sedang berjalan lancar.

Tuan Pengerusi: Pada 1 Februari kan? Cadangan kita diwartakan. So, sedang berjalan. Okey. Bersama dengan pengundian awal. Pengundian awal mungkin dibuat. Jabatan Pendaftaran, ada apa-apa yang perlu dibangkitkan? Saya difahamkan ada mesyuarat SPR dengan MIMOS untuk membantu dari segi *merging of data* dan bagaimana *expertise* yang ada di situ itu boleh digunakan.

Dato' Jariah binti Mohd Said [Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Negara]: Tuan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Seperti mana perbincangan di antara SPR, MIMOS dan JPN yang telah diadakan pada 5 Januari 2012, keputusan bersama telah dicapai bahawa JPN akan menyediakan senarai rekod kematian warganegara. Yang kedua, rekod lucutan dan juga perlepasan warganegara dan juga rekod polis dan tentera untuk tujuan verifikasi daftar pemilih. Jadi, kita akan terus bekerjasama.

Tuan Pengerusi: Okey, so itu nanti akan diproses melalui data SPR lah seperti mana yang boleh. Okey, bagaimana dengan 42,000 itu, yang disyaki itu? Kita minta bahawa tempoh hari dipanjangkan dua minggu lagi. So, itu telah dilakukan. Selepas itu, dibuang mereka yang tidak ada *respons* semua sekali, apa tindakan SPR? Adakah begitulah kan?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Yang tentang...

Tuan Pengerusi: Ya, sila.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kita punya persetujuan tentang MIMOS itu? Bagaimana keputusannya?

Tuan Pengerusi: Itulah yang dilaporkan tadi.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Macam mana tadi?

Tuan Pengerusi: Sudah ada mesyuarat.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Akan...

Tuan Pengerusi: Berterusan.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Menyediakan senarai-senarai untuk diverifikasi oleh MIMOS.

Tuan Pengerusi: Ya. Sudah ada mesyuarat satu kali?

Dato' Jariah binti Mohd Said: Ada.

Tuan Pengerusi: Diminta senarai yang mati dan begitu seterusnya.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Termasuk ...

Tuan Pengerusi: *Of course* yang bertindih lagi itu lah kan, semuanya itu. So, barangkali, bila lagi mesyuarat akan datang?

Dato' Jariah binti Mohd Said: Belum ditetapkan.

Encik Kamarulzaman Abd. Mutalip [Pengurus Kanan MIMOS Berhad]: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Ya.

Encik Kamarulzaman Abd. Mutalip: Saya mewakili MIMOS.

Tuan Pengerusi: Ya.

Encik Kamarulzaman Abd. Mutalip: Berdasarkan kepada mesyuarat yang berlaku pada 5 hari bulan itu, pada hari Isnin ini senarai daripada JPN dan juga daripada SPR akan kami perolehi.

Tuan Pengerusi: Okey.

Encik Kamarulzaman Abd. Mutalip: Berdasarkan kepada senarai itu, kami akan mula lakukan *significant* dan sebagainya lah dan laporan juga kita akan adakan pada perbincangan mungkin *towards the end of the month*.

Tuan Pengerusi: Ya, *so* nampaknya boleh *update* semasa di Johor Bahru nanti lah apa yang terkini. Okey.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Satu lagi, minta perkembangan mengenai persetujuan pendaftaran untuk menyertakan kedua-dua nombor IC awam dan IC perkhidmatan tentera atau polis di dalam senarai pemilih. Ini berjalan kot?

Dato' Jariah binti Mohd Said: Setakat ini Tuan Pengerusi, jumlah yang kita telah keluarkan MyKad kepada polis ialah 92,058. Untuk tentera 127,456.

Tuan Pengerusi: Seratus...

Dato' Jariah binti Mohd Said: Sebanyak 127,456 untuk tentera. Walau bagaimanapun, angka ini mungkin akan berubahlah tiap-tiap hari.

Tuan Pengerusi: *So*, dicadangkan bahawa daftar dalam pemilih itu akan di *update* dengan dua nombor ini. Begitukah Dato' Haji Noordin Che Ngah, SPR? Jadi, dari segi pelaksanaan itu dengan jumlah-jumlah ini dijangka bahawa tindakan ialah untuk *update* maklumat mereka itu dengan dua nombor itu. Bukankah iaitu nombor polis dan KP biasa atau pun begitu? Ini *internally done by* SPR lah? Okey.

Dato' Haji Noordin Che Ngah: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Pengerusi: Bila boleh *complete* semuanya?

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Tuan Pengerusi...

Tuan Pengerusi: Memang kalau bubar minggu depan, *palis-palis* kalau orang Sabah bilang minta *chut* daftar yang sebelum itu yang disahkan, yang digunakan, bukan? *So, you nak affect this one?*

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Tuan Pengerusi, cumanya maklumat awam tadi, kita difahamkan dia tidak 100%. Katanya ada dalam 11,000 lagi polis yang belum dikeluarkan kalau tidak silap saya.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Dia difahamkan. Kita belum bukan keluarkan tetapi belum ada permohonan. Bermakna kita keluar berdasarkan permohonan.

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Yang Berhormat, kalau dapat saya baca dekat sini. Di kalangan anggota polis, 9,327 yang belum ada IC 12 angka dan tentera kita ada 1,857 yang belum ada IC 12 angka ini. Maknanya, selagi *paramount* total 11,184. Maknanya bila 11,184 ini belum diadakan KP 12 angka, kita tidak boleh hendak *match* lah.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Dia *by application* ya? Ertinya polis kena mengemukakan permohonan.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Ya, dan ia kena hadir untuk memohon.

Tuan Pengerusi: Permohonan untuk polis? *So*, polis yang 90,000 ini sudah diterima, sudah dikeluarkan? Semula kementerian. Siapa yang harus menjawab? PDRM atau...

SAC Dato' Abdul Malek Harun [Timbalan Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah (Forensik Data Bank) Bukit Aman]: Tuan Pengerusi, pihak polis memang ada lagi yang masih dalam proses memohon kad pengenalan 12 angka. *So, that is the remaining 10%*. *So*, ada arahan telah dikeluarkan di peringkat Bukit Aman supaya benda ini hendaklah dilaksanakan dengan segera. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Okey, *so* pasal komunikasi dan dimana yang sangkut? Senarai yang belum hadir atau pengeluaran kad?

Dato' Jariah binti Mohd Said: Belum hadir.

Tuan Pengerusi: Oh, belum hadir.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Kalau ada kita akan bagi prioriti.

Tuan Pengerusi: Sedang dikemaskini?

Dato' Jariah binti Mohd Said: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey. Untuk Ahli-ahli Yang Berhormat, baru-baru ini kad pengenalan kita dinaiktarafkan lagi. Saya baru dapat saya punya. Boleh bekalkan semua ahli jawatankuasa? Sembilan orang sahaja.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Kita akan bekalkan di Johor.

Tuan Pengerusi: Di Johor?

Dato' Jariah binti Mohd Said: Nanti di Johor.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Saya akan bekalkan di Johor tetapi saya minta IC *number* hari ini.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Ini ada dua Tuan Pengerusi.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: *Gold card* dengan platinum.

Tuan Pengerusi: Dua pilihan.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Kita boleh keluarkan terus kalau...

Tuan Pengerusi: *High quality.*

Dato' Jariah binti Mohd Said: Bersetuju untuk menggunakan nama yang lama tetapi kalau hendak gambar yang baru, kena tangkap yang baru lah. Jadi, sekarang ini saya gunakan gambar yang lama...

Tuan Pengerusi: Yang ada.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Yang ada.

Tuan Pengerusi: Dia orang suka yang muda sedikit dari yang tua.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Okey, okey.

Tuan Pengerusi: Dalam politik ini cepat jadi tua... *[Ketawa]*

Dato' Jariah binti Mohd Said: Nanti saya akan bagi di Johor Bahru.

Tuan Pengerusi: Okey. Saya sudah dapat saya punya yang terbaru. So, lapan lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain. *This high tech, high level protection.* Apa kelebihannya?

Dato' Jariah binti Mohd Said: Kelebihan dia Tuan Pengerusi ialah dari segi *material* dia sekarang 100% *polycarbonate*. Kemudian, dia berdasarkan tulisan laser yang mana tidak boleh dipalsukan atau pun tidak boleh ditukar gambar dan dia mempunyai dua imej. Satu imej yang lama...

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Satu imej yang *guise image* iaitu ia ditanam dalam MyKad itu. Jadi, tidak boleh hendak ubahlah dan juga ia ada IC *number* yang tidak nampak dilihat dengan mata kasar dan juga ada yang lain-lain itu *security* lah.

Tuan Pengerusi: *Security.* Bagaimana dengan ketahananlasakan dari cuaca dan apa-apa semua?

Dato' Jariah binti Mohd Said: Jadi, itu pun telah kita ambil kira berdasarkan kepada pengeluaran sebelum ini yang mana sebelum ini kita nampak dari segi kualiti, daya tahan kad itu tidak berapa mantap dan juga dari segi cip yang mudah rosak. Jadi, kita mengambil semua faktor-faktor tersebut, kita masukkan dalam MyKad baru.

Tuan Pengerusi: So, masih dalam dulu kita boleh isi dengan maklumat peribadi.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Masih boleh. Fungsi sama.

Tuan Pengerusi: *Medical, passport, driving license...*

Dato' Jariah binti Mohd Said: Lesen memandu. Ya.

Tuan Pengerusi: Untuk tol semua.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Ya, *Touch 'n Go*, semua ada. Kita juga masih ...

Tuan Pengerusi: Boleh *Touch 'n Go*?

Seorang Ahli: *Touch 'n Go.*

Dato' Jariah binti Mohd Said: Ada.

Tuan Pengerusi: Yang *can load* dengan duit.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Yang baru ada.

Tuan Pengerusi: Yang baru.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Fungsi sama Yang Berhormat. Cuma, sekarang ini kita masih ada ruang-ruang kalau hendak buat penambahbaikan lagi. Ada lagi kalau ada permintaan dari segi kesihatan dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Okey, Yang Berhormat Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli, Yang Berhormat Kuala Krai. Untuk jawatankuasa dia kasi...

Seorang Ahli: Bebas sedikit lah, percuma...

Tuan Pengerusi: Ya, percuma. Okey saya buka kalau ada apa-apa agensi selain daripada Ahli Yang Berhormat yang *upstanding* dengan tuan dan puan dengan jabatan tertentu. Saya rasa angka di sini memang SPR dengan MARDI atau pun...

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Tuan Pengerusi, saya rasa tidak seronok juga kalau hanya sembilan orang Ahli PAC sahaja.

Tuan Pengerusi: Hendak kasi pegawai-pegawai?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kan ramai pegawai-pegawai yang pergi. Saya rasa bagi mereka peluang untuk dapatkan IC baru juga lah.

Dato' Jariah binti Mohd Said: Semua tidak ada masalah. Saya jemput lah yang lain-lain itu datang ke pejabat.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Di JB.

Tuan Pengerusi: Beri IC *number*. Okey, ini khas untuk Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen Mengenai Penambahbaikan Parlimen Kedua Belas dan pegawai-pegawai sokongan, jabatan-jabatan sokongan. Okey, *so we can say that* ini yang terkini. Ini teknologi yang lebih sukar untuk ditiru dan dikacau. *So*, bolehlah wakil-wakil mengemukakan senarai. Okey, Ahli-ahli Yang Berhormat, ada lagi?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Saya hendak...

Tuan Pengerusi: Yes, Yang Berhormat Kuala Krai.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Membuat satu, menyampaikan satu pandangan parti. Mengenai daftar pemilih yang akan digunakan di dalam pilihan raya, pada hari pilihan raya. Lazimnya dan amalan sebelum ini, daftar ini akan diberikan pada hari penamaan calon. Yang lepas, lepas inilah.

Kami mencadangkan supaya daftar ini diberikan awal selepas dibubarkan, yalah selepas dibubarkanlah. Ertinya tidak ada suatu daftar yang baru melainkan daftar yang telah digazetkan, *the latest gazetted list*. Ertinya sudah ada. Tidak mungkin selepas dibubarkan, masa itu pula kita hendak gazet. Saya rasa jadi satu isu. Maka, yang digazetkan terbaru yang sebelum dibubarkan itu diberikan awal untuk kita membuat urusan-urusan pentadbiran kerja pilihan raya lah. Jadi, kalau bagi pada hari penamaan calon, jadi kita hanya ada tempoh sepuluh hari sahaja. Jadi, kita yakin atau pun kita boleh diyakinkan bahawa 'DBI' terbaru itu, itulah juga akan digunakan dalam pilihan raya.

Kalau itu boleh diberi jaminan, maka kita tidak payah lagi terima pada hari penamaan calon melainkan kita hendaklah *hardcopy* itu sahajalah.

■1515

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Tuan Pengerusi, kalau saya boleh jelaskan. Apa yang kita beri pada hari penamaan calon itu, adalah kita beri percuma kepada calon yang bertanding, tetapi daftar pemilih itu telah *ready* sebelum itu, yang mana boleh dibeli dengan harga RM20 ataupun beberapa ringgitlah, borang penamaan calon maksud saya yang RM20 itu. Daftar pemilih itu, sebelum itu lagi sudah *ready*, dan...

Tuan Pengerusi: Biasanya Dato', selepas dibubarkan itu, SPR keluarkan kenyataan daftar pemilih mana yang akan digunakan *last* diwartakan, *immediately* harus *available* kan? So apa yang diberi kepada penamaan calon itu, bonus sahaja.

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Untuk makluman mesyuarat juga, penentuan daftar pemilih itu bergantung kepada bila Dewan dibubarkan, sebab kita harus mengambil kira *last day* sebelum pembubaran Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey Ahli Yang Berhormat, ada lagi?

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Walaupun ini lebih *appropriate* kalau kita bincang dalam sembilan orang ini, saya rasa tidak ada masalah. Kita banyak mendapat pandangan-pandangan mereka yang hadir dalam pendengaran awam juga daripada parti-parti politik di dalam sembilan orang ini, tetapi bukan semuanya kita terima, ada yang kita tidak terima. Saya hendak mencadangkan supaya dalam laporan kita akhirnya nanti, *minority report* yang tidak diterima ini juga disertakan untuk makluman dan pengetahuan bahawa perkara ini telah kita ambil kira.

Tuan Pengerusi: Ya, dalam laporan akhir nanti, memang *Hansard* itu dalam bentuk verbatim, *copy* memorandum semua itu ada, kalau kita hendak senaraikan pandangan-pandangan lain yang – sebab memang ada tiga, pertama, senarai yang diperakui oleh jawatankuasa dan telah pun dikemukakan dalam interim ataupun laporan akhir. Kedua, yang dalam pandangan kita yang perlu diteliti lagi, ketiga, pandangan-pandangan lainlah, tidak perlu cakap pandangan yang *reject* tetapi pandangan-pandangan lain, semuanya ada tiga kategori. Walaupun rakyat boleh baca daripada *Hansard* dan *submission*, tetapi barangkali sekretariat, kita boleh senaraikan juga secara tipikal.

Saya rasa banyak pandangan-pandangan lain, tetapi barangkali tidak *direct* kepada terma rujukan kita. So, kita tidak boleh katakan kita *reject*, tetapi tidak berkaitan langsung. Saya rasa pandangan Yang Berhormat Kuala Krai itu kita ambil kira.

Agensi-agensi lain ada sesuatu yang mengganggu ataupun – kalau kita lihat daripada Jawatankuasa kecil itu, Jawatankuasa Perundangan, siapa Setiausaha? Jabatan SPR juga, hampir SPR pajak semua bersama dengan AG. Siapa wakil AG hari ini?

Kedua itu dari segi *electoral process*, iaitu proses pilihan raya daripada penamaan calon sampailah kepada pengiraan undi dan perisytiharan, isu-isu rasuah, cara kempen, akses kepada media - banyak kerja lagi jawatankuasa ini, siapa setiausahanya - Dato' Noordin sendiri? Ketiga, daftar pemilih. Jawatankuasa itu yang saya pengerusikan, itu pun masih banyak kerja yang perlu kita lakukan, itu pun SPR juga, tetapi siapa pegawai? Oh Tuan Haji Kamaruddin. Okey, saya harap kita mula senaraikan apa *outstanding* semua itulah. Keempat, SPR sendiri iaitu institusi kajian, siapa setiausahanya?... [Disampuk] *I think* masih banyak lagi yang masih dicadangkan tadi. Banyak isu yang perlu kita rumuskan, barangkali, siapa setiausaha bahagian institusi? Ya, masih banyak yang kita perlu fikirkan seperti struktur SPR, soal lapor kepada Parlimen untuk memberi kebebasan.

Tan Sri Datuk Seri Fong Chan Onn: Ada bajet berasingan.

Tuan Pengerusi: Ya, bajetnya, pelantikan semuanya.

Tan Sri Datuk Seri Fong Chan Onn: Proses pelantikan pengerusi mengikut cara proses pelantikan hakim dan sebagainya.

Tuan Pengerusi: Ini semua perlu dikemas kini. Memang lima terakhir itu ialah sistem alternatif, di situ setiausahanya?... [Merujuk kepada salah seorang ahli di situ]

Okey, yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Wangsa Maju bersama dengan Yang Berhormat Kapit. Ini pun banyak yang ditimbulkan tadi, *straight the post* ataupun *direct* ataupun *list proportionate* dan itu semua. Saya rasa perlu kita fikirkan itu dahulu sebelum kita selesaikan – bagaimana negara lain telah mentransformasikan sistemnya dan adakah rakyat kita di Malaysia terbuka kepada itu ataupun kita *so protective over first-past-the-post*. *I think* ini perlu.

Datuk Alexander Nanta Linggi: Tuan Pengerusi, adakah isu persempadana semula kawasan itu, itu bukannya?

Tuan Pengerusi: Ya, tidak termasuk tetapi prinsipnya *I think* perlu dimasukkan di situ. Kita telah putuskan itu bahawa kita masukkan dalam fokus *area* ataupun terma rujukan nombor lima, prinsip-prinsip untuk pengubahan. Banyak yang telah disampai di Sabah dan Sarawak, isu 34% semua, saya rasa boleh masukkan di sana, untuk cadangan lah. Kalau kita lihat, *I think* telah pun banyak kita perakui, dan kita masih lagi terbuka. Itu yang kita katakan, tidak perlu pergi demonstrasi jalan raya, kita boleh dengar semua ini, urus bersama, banyak tenaga hilang.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Kuala Krai, ada dengar tidak Yang Berhormat?... [Ketawa]

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli: Kalau tidak ada demonstrasi dahulu, PSC pun tidak ada Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: [Ketawa] Semua boleh urus bersama, sama pandangan dan kita *major* kepada perkara yang boleh dipersetujui. *So*, saya rasa banyak yang boleh dikeluarkan dalam perkara ini.

Jabatan atau agensi ada lagi yang dipertanggungjawabkan dan belum lagi disentuh? Ataupun ada golongan yang kita rasa belum lagi memberi peluang untuk didengar, perihal belia ini. OKU ini, pihak Dato' Noordin dan pegawai-pegawai tertinggi di SPR dikatakan banyak pusat-pusat pengundi itu yang tidak *friendly* kepada pengundi, fahamlah sekolah tingkat satu, sekolah-sekolah yang sudah daif, balai raya yang sudah daif dan *not friendly* kepada *wheelchair* atau kepada mereka. Apa yang kita boleh buat di dalam perkara ini? Kelonggarankah, pegawai turun ke bawah ke atau bagaimana?

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Tuan Pengerusi, kita memang ada satu prosedur untuk membantu Orang Kelainan Upaya ini mengundi di tingkat bawah, memang kita ada prosedur, termasuk juga katakan yang terlibat dengan *accident* yang sepatutnya tingkat satu misalnya, oleh kerana dia terlibat dengan *accident*, kita buat satu prosedur dan mengundi di tingkat bawah. Kita dah ada prosedur itu, ya.

Tuan Pengerusi: Boleh buat keputusan untuk perkara seperti ini?

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Memang sudah dibuat sebelum ini Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Pernah saya nampak ada yang mengangkat *wheelchair* naik ke atas sampai empat orang, saya rasa itu tidak payahlah.

Dato' Haji Noordin Che Ngah: Kita *start* dalam beberapa pilihan raya kecil baru-baru ini, dah ada prosedur khusus untuk itu.

Tuan Pengerusi: Okey, saya tangguhkan 10 minit dahulu, kerana sudah tidak ada perkara sebelum kami putuskan perihal esok.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 3.25 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 3.35 petang.

Tuan Pengerusi: Setelah berunding sedikit di sini sana, begini ketetapan kita. Memandangkan tidak ada lagi hal-hal pentadbiran namun mematuhi apa yang telah diiklankan, pada hari ini nanti jam 4.30 petang kita akan *officially* tangguhkan, dan esok dalam jam 9 pagi sehingga jam 11 pagi sahaja.

Ini kerana kita perlu tengok kalau – kecuali banyak betul *walk-in*. Kalau tidak, *I think* kita boleh mendapat persetujuan kalau sampai pagi pun tidak ada, maka kita anggap hari itu tidak ada.

Yang Berhormat Alor Gajah akan mempengerusikan untuk mesyuarat pada hari esok. Akan tetapi saya serahkan budi bicara kepada Yang Berhormat Alor Gajah, jika masih ada yang datang. Akan tetapi kalau jam 1 tengah hari pun tidak ada, hairanlah kalau ada di sebelah petang. Nanti saya akan memberikan mandat untuk menetapkan untuk menangguhkan nanti pada hari esok.

Memandangkan pada hari ini tidak ada apa-apa, kita rehat sahaja sampai jam 4.30 petang. Bolehlah berbincang di kalangan Jawatankuasa dan panggil balik jam 4.30 untuk ditangguhkan. Sesiapa yang hendak beri nama untuk IC baru, silalah lakukan. Okey, begitulah, terima kasih... *[Disampuk]*

Baik, terima kasih atas semua kerjasama. Nanti pada hari esok Yang Berhormat Alor Gajah akan mempengerusikan mesyuarat. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada kerajaan negeri dan pejabat SUK yang melakukan semua persiapan kita pada hari ini dengan pantas dan cergas, semua habis pada hari pertama. Terima kasih. Bolehlah *recess*. Terima kasih.

Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 3.38 petang.